



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS

PENGGAL KEDUA

MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 25 NOVEMBER 2014 (SELASA)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali (Bukit Antarabangsa)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Bharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus
PMW., PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman Bin Abdul Razak
S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

TIDAK HADIR

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Encik Mohd Khairul Ashraff Bin Radzali
Ketua Penolong Setiausaha

Encik Jurasmadi bin Pauzi
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina Binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Bentara

Encik Abdul Khalil bin Sabiis
Encik Izal Izlan bin Misnon
Encik Ramli bin Shaiai
Encik Mohd. Redzuan bin Adam
Encik Mohd. Saifulnizam bin Hasmawi
Encik Ahmad Hafizan Yusof
Encik Shahzrin bin Dzahari
Encik Ibrahim bin Mat Mom
Encik Hairudin bin Omar

Pelapor Perbahasan

Puan Hajah Noridah Binti Abdullah
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

**(Dewan disambung semula)
(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)**

SETIAUSAH DEWAN: *Bismillahir rahmanir rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Aturan Urusan Menyarat Bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada hari yang kedua 25 November 2014 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN:

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya Pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Selamat pagi semua, Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN: Terima kasih, Puan Speaker Soalan No.15

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN
(TANJUNG SEPAT)**

TAJUK : PELABURAN

15. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah nilai pelaburan dari luar negara masuk ke Selangor untuk tempoh 2010 - 2014?
- b) Nyatakan jenis-jenis (sektor) dan nilai pelaburan masuk untuk tempoh 2010 - 2014?
- c) Apakah inisiatif kerajaan untuk memastikan bekalan tenaga elektrik dan air mencukupi menjelang 2020?

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Puan Speaker, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama sekali dengan soalan No.48, No.151, No.202, No.216 dan No.240 bagi tempoh 2010 hingga Julai 2014 sebanyak 1,221 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan berjumlah 45.54 bilion dari jumlah tersebut sebanyak 19.32 billion adalah daripada pelaburan asing sementara sejumlah 26.22 billion adalah daripada pelaburan tempatan dan peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah 104,512 dan kalau mengikut kedudukan di

seluruh Negara Selangor berada di tempat yang kelima selepas Johor, Pahang dan Pulau Pinang. Terdapat 19 jenis industri dan pelabur bagi tempoh 2010 sehingga 2014 dan antaranya adalah peralatan pengangkutan, produk elektronik, dan elektrik, perkilangan makanan dan produk *chemical*. Penyediaan infrastruktur asas lengkap adalah perlu dalam usaha membantu kerajaan menarik pelabur-pelabur dalam dan luar Negara sekali gus meningkatkan pertumbuhan ekonomi negeri. Menyedari hakikat ini, Kerajaan Negeri sentiasa komited dalam menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang terbaik bagi meningkatkan kemasukan pelabur, mewujudkan peluang pekerjaan kepada penduduk dan meningkatkan kemajuan dalam aktiviti ekonomi. Ini termasuklah penyediaan infrastruktur utiliti serta bekalan air yang merupakan nadi kepada perkembangan pembangunan di negeri ini. Kerajaan Negeri Selangor sangat prihatin dan sangat memahami kebimbangan para pelabur khususnya dalam memastikan sumber air di Selangor dalam keadaan yang mencukupi ekoran krisis air yang pernah melanda negeri ini berikutan kesannya yang boleh mendatangkan risiko yang besar dari segi sosial, ekonomi dan politik. Sehubungan dengan itu, adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memastikan kedua-dua bekalan air dan elektrik mencukupi menjelang 2020.

Dalam memastikan air mentah sentiasa berterusan dan tidak mengalami sebarang gangguan yang boleh memberi kesulitan kepada pengguna, Kerajaan Negeri Selangor telah memberikan persetujuan untuk melaksanakan Projek Langat 2. Kerajaan Negeri Selangor juga sedang dalam proses membangunkan projek yang dinamakan *Hybrid of River Augmentation Storage / System (HORAS)* di kawasan Bestari Jaya, Kuala Selangor. Melalui projek ini dianggarkan sejumlah 600 JLH kapasiti air mentah boleh dihasilkan bagi membantu pengabstrakkan air di loji-loji rawatan air selain dapat membantu mengurangkan kebergantungan terhadap pelepasan air dari empangan. Kerajaan Negeri Selangor yakin, masalah ketidakcukupan air mentah dapat diatasi sepenuhnya dengan pelaksanaan kedua-dua projek yang dinyatakan tadi.

Selain memberi fokus kepada penambahan sumber air mentah, Kerajaan Negeri juga telah menggariskan dasar bagi memastikan sumber air mentah dari sungai-sungai sedia ada tidak dicemari. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan semua agensi yang berkaitan sentiasa berganding bahu mengadakan pemantauan berkala supaya menyumbang kepada terjadinya pencemaran air mentah dapat dihukum melalui penguatkuasaan undang-undang dan peraturan sedia ada.

Kerajaan Negeri Selangor juga sentiasa memberi komitmen penuh dan sentiasa bekerjasama dengan pihak Suruhanjaya Tenaga dalam menjayakan projek-projek menaiktaraf pembangunan sistem penghantaran elektrik yang berkaitan dengan pertambahan beban, pengukuhan sistem dan perkembangan projek *Central Area Reinforcement (CAR)* bagi memastikan bekalan elektrik mencukupi seiring dengan pembangunan pesat di seluruh negeri Selangor. Kerjasama yang berterusan ini

juga adalah perlu bagi mengelak sebarang kejadian *black out* seperti yang pernah berlaku pada 13 Januari 2005 di kawasan tengah dan selatan Semenanjung Malaysia daripada berulang.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN: Seperti di maklum bahawa antara faktor pelabur-pelabur untuk melabur di Negeri Selangor di antaranya kemudahan asas yang cukup kalau kita lihat hari ini Selangor agak kekurangan dalam aspek dalam perancangan pembangunan secara menyeluruh akibatnya jaringan jalan raya dan juga bekalan elektrik mahupun air terganggu akibat seolah-olah tidak ada perancangan yang baik ataupun teratur. Jadi apakah langkah kerajaan bagi mengawal aspek perancangan guna tanah di Negeri Selangor ini bagi meyakinkan pelabur dalam mereka meneruskan pelaburan mereka di Negeri Selangor.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Puan Speaker, mungkin adalah kurang tepat menyatakan bahawa tidak ada perancangan yang rapi dari segi perbekalan air, dan perbekalan elektrik, serta perancangan tanah untuk menarik pelabur ini, tapi sebenarnya bagi perancangan perbekalan air ini ia sebahagian dari sebabnya adalah kerana terdapat gangguan daripada pihak persekutuan sebelum ini dan dari itu juga untuk menambahbaik perbekalan elektrik apabila perancangan telah pun dibuat dan juga dalam proses pelaksanaan itu, kerajaan menghadapi rintangan daripada penduduk. Ada penduduk yang membantah kerana tidak mahu melihat ada apa itu tiang di bukit di sebelah taman mereka. Itu juga menjadi puncanya dan Kerajaan Pakatan Rakyat kita prihatin dengan keluhan rakyat itu kita mendengar membuat pendengaran membuat sesi penerangan yang berulang untuk meyakinkan mereka dan itu memakan masa. Sekiranya kita tidak melakukan itu, kerajaan pula akan dituduh kerana tidak mendengar suara rakyat. Jadi itulah antaranya yang dihadapi oleh kerajaan dalam pelaksanaan dan bukan masalah perancangan. Sementara itu dalam perancangan guna tanah sebenarnya JPBD, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa sentiasa membuat perancangan yang lebih awal, sebenarnya kita dah masuk perancangan tahun 2035 bagi perancangan seluruh perbandaran di negeri Selangor ini. Sementara itu, dari segi pengangkutan, ini adalah di bidang kuasa kerajaan Persekutuan dan perlu kita kerajaan Negeri memberi kerjasama dengan pihak Persekutuan yang selama ini telah pun kita berikan tapi juga disebabkan banyak gangguan, sekarang ini disebabkan kesedaran rakyat itu meningkat. Apabila ada rancangan daripada kerajaan Persekutuan untuk membina KIDEX umpamanya ada tentangan dan DASH pun ada tentangan.

Jadi apabila kita mengambil masa mendengar, membuat pendengaran itu pun mengambil masa. Jadi tidak ada isu perancangannya tetapi masalah yang kita hadapi adalah pelaksanaan. Terima kasih.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Dengkil

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih, Puan Speaker saya ingin bertanya kepada Y.B. EXCO berapakah jumlah pelabur-pelabur dan nilai pelaburan yang hilang akibat daripada krisis air yang melanda negeri Selangor baru-baru ini.

TUAN SPEAKER: Yang ini kena bagi soalan spesifik untuk data, saya rasa Sungai Pinang boleh bagi jawapan nanti.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Sebenarnya Puan Speaker tidak mungkin kita mengira kehilangan berapa, kerana kita tak pasti dia datang ke tidak. Jadi saya rasa soalan itu, tidak begitu tepat untuk diusulkan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya ubah soalan itu, berapakah jumlah pelabur-pelabur yang menarik diri, *back off* daripada negeri Selangor hasil ataupun akibat daripada krisis air yang melanda.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Kita tidak tahu sebab kita tak tahu pada masa itu ada perancangan untuk mereka masuk atau tidak dan juga ada banyak pertimbangan yang menyebabkan pelabur itu membuat keputusan untuk masuk ke Selangor atau keluar Selangor. Jadi kita tidak boleh bergantung kepada satu unsur sahaja berapa ramai yang keluar kerana sebab air.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya mohon Y.B. EXCO dapatkan data kalau boleh.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tidak mungkin ada data itu, *its nothing to hide* dengan izin, sebab kita tak tahu sebabnya menarik .

TUAN SPEAKER: Baiklah, Semenyih.

Y.B.. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Puan Speaker, Soalan No.16

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABDUL AZIZ
(SEMENYIH)**

TAJUK : KUAT KUASA AKTA PENGURUSAN STRATA 2013 (AKTA 757)

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757) akan berkuat kuasa di Negeri Selangor?
- b) Apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri untuk penubuhan Tribunal di bawah Akta tersebut?
- c) Berapa lamakah Tribunal tersebut boleh menerima, mendengar dan memutuskan aduan mengenai sesuatu perkara?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: *Assalamualaikum* dan Selamat Pagi, *Bismillahir rahmanir rahim* terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Seksyen 1 Sub (3) Akta 757 memperuntukkan dengan jelas Akta ini hendaklah mula berkuat kuasa di setiap Negeri pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri, selepas berunding dengan Pihak Berkuasa Negeri. Selaras dengan peruntukan itu, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) Y.B. Datuk Abdul Rahman Dahlan, telah mengadakan kunjungan hormat 23 Oktober 2014 dengan kerajaan Negeri Selangor iaitu Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali, Dato' Menteri Besar Selangor bagi membincangkan struktur, pelaksanaan dan bidang kuasa pengurusan strata di Negeri Selangor dan seterusnya mendapatkan persetujuan berkenaan penubuhan Tribunal Pengurusan Strata (TPS).

Tertakluk kepada sebarang perubahan, pihak-pihak bersetuju untuk menetapkan tarikh permulaan penguatkuasaan Akta 757 bermula pada 1 Januari 2015.

Secara dasarnya selepas penguatkuasaan Akta 757 suatu Tribunal yang dikenali sebagai Tribunal Pengurusan Strata akan ditubuhkan seperti yang diperuntukkan dalam Bahagian IX Akta 757. Keanggotaan Tribunal adalah berdasarkan kepada lantikan Menteri bagi seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi dan tidak kurang daripada dua puluh anggota-anggota lain.

Walau bagaimanapun, semasa kunjungan hormat yang diadakan pada 23 Oktober 2014, Dato' Menteri Besar Selangor telah memohon pertimbangan KPKT untuk membenarkan keanggotaan Tribunal turut diisi oleh wakil kerajaan Negeri Selangor kerana kesan perlaksanaan Tribunal ke atas kerajaan negeri secara langsung akan mengehadkan kuasa Kerajaan Negeri dalam proses pendakwaan, medium perbincangan, dan rayuan bagi pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan Pesuruhjaya Bangunan. Tindakan sesuatu tuntutan kepada Tribunal adalah bermula selepas pemohon memfailkan tuntutan menggunakan borang dan fi yang ditetapkan di dalam Seksyen 108 Akta 757.

Tribunal boleh bersidang pada mana-mana hari, pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi. Walau bagaimanapun, Seksyen 117 Akta 757 memperuntukkan dengan jelas *award* hendaklah dibuat tanpa kelengahan, jika dapat dilaksanakan dalam masa enam puluh (60) hari dari pertama pendengaran bermula di hadapan Tribunal. Terima kasih.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Puan Speaker

TUAN SPEAKER: Semenyih.

Y.B. DATUK JOHAN BIN ABD AZIZ: Saya ingin bertanya, bilakah kerajaan negeri akan , adakah nak meng *implemen* akta 757 ini ataupun tidak. Kalau ya, bila?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Seperti yang saya maklumkan Akta 757 ini berkuat kuasa bermula pada 1 Januari 2015. Tapi ada satu perkara pada akta tersebut iaitu dari segi tribunal skata iaitu TPS. TPS itu kena mendapat persetujuan dari Dewan Negeri. Bermakna hanya setelah ia dipersetujui oleh Dewan Negeri, maka TPS ini boleh dilaksanakan. Jadi bermakna perkara ataupun akta 757 ataupun penguatkuasaan ataupun penggunaan TPS ini hanya akan masuk di dalam dewan pada tahun hadapan. Hanya lah setelah diluluskan oleh dewan, maka TPS ini ataupun tribunal ini boleh berkuat kuasa di negeri Selangor. Tetapi untuk secara keseluruhan , akta ini akan berjalan selepas 1 Januari 2015.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Puan Speaker.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya apakah pendirian kerajaan negeri terhadap GST yang juga akan dikenakan terhadap pengurusan JMB ini.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Sememangnya kerajaan negeri dan Pakatan Rakyat , kita memang tidak bersetuju dengan GST. Ini satu perkara yang jelas tetapi walau bagaimana pun kita mesti mempersiapkan JMB-JMB untuk berhadapan dengan GST ini dan telah ada kursus-kursus ataupun telah ada kursus yang memanggil JMB-JMB ini untuk berhadapan atau bersedia menghadapi dengan GST.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan ke soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Soalan seterusnya.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Oooh...saya ingat nak soalan tambahan. Puan Speaker saya ingin bertanya soalan no. 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL
(BATU TIGA)**

TAJUK: USAHA PENCEGAHAN DENGGI

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato Menteri Besar :-

- a) Adakah kerajaan negeri meneliti dan memanfaatkan teknologi baru dalam menangani permasalahan denggi? Sila nyatakan teknologi tersebut.
- b) Sila nyatakan kekerapan dan usaha yang dilakukan oleh semua agensi untuk menangani isu denggi ini di setiap PBT.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Batu Tiga. Puan Speaker, kerajaan negeri melalui Jawatankuasa Tetap Kesihatan sentiasa komited dalam memastikan jumlah kes denggi di negeri Selangor dapat diturunkan. Antara mekanisma dan tindakan yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan Jabatan Kesihatan negeri Selangor, dikategorikan kepada tiga bentuk pendekatan iaitu kawalan dan tindakan, kedua aktiviti kesedaran dan promosi, ketiga pemantauan secara berterusan. Isu denggi sebenarnya bukanlah semata-mata isu kesihatan tapi ia lebih kepada isu kebersihan. Pentadbiran kerajaan negeri menyeru agar masyarakat melakukan satu anjakan paradigma dalam memahami epidemik ini dan bagaimana mencegahnya. Daripada fokus kepada aktiviti kawalan, kita juga melaksanakan aktiviti pencegahan melalui aktiviti kesedaran dan pendidikan. Justeru itu pendidikan kesihatan tentang denggi kepada pelajar-pelajar bermula pada peringkat pra sekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan seluruh sekolah-sekolah di bawah pentadbiran negeri, kita . Begitu juga institusi pengajian tinggi telah diberikan pendidikan kesihatan ini. Begitu juga usaha-usaha kesedaran kepada masyarakat awam dipertingkatkan dengan program-program, kempen tentang denggi dan program gotong-royong di perhebatkan di seluruh negeri Selangor, Selain itu kerajaan negeri melalui jawatankuasa tetap kesihatan telah memanfaatkan pelbagai teknologi baru dalam menangani masalah denggi di negeri Selangor. Antara teknologi yang digunakan adalah yang pertama penggunaan nyamuk gajah atau nyamuk teksoritisis. Majlis Perbandaran Subang Jaya sedang menjalankan kajian ke atas keberkesanan penggunaan nyamuk tokso ini untuk mengawal populasi nyamuk aedes. Kajian melibatkan usaha sama dengan pihak Universiti Sains Malaysia. Jentik-jentik nyamuk tokso dibiakkan dan ia akan memakan jentik-jentik nyamuk aedes sekali gus mengurangkan populasi nyamuk aedes. Buat masa ini dua tapak kajian telah dikenal pasti iaitu di kampung Seri Aman dan pangsapuri Seri Tanjung USJ 16. Hasil kajian menunjukkan keputusan yang positif di *locality* tersebut. Keduanya adalah perangkap magnetik ataupun *mosquito magnet*. Kerajaan Negeri sedang dalam proses kajian tentang keberkesanan penggunaan alat perangkap nyamuk magnetik ini. Seterusnya penggunaan daun betik, yang mana daun betik ini telah digunakan dalam perubatan tradisional selama berabad-abad. Kajian klinikal telah dijalankan oleh institut penyelidikan perubatan, Kementerian Kesihatan dan menunjukkan bahawa jus daun

betik segar ini didapati mempunyai kesan menambahkan *platelet* kepada pesakit demam denggi. Kajian juga menunjukkan bahawa ia selamat untuk diminum jika disediakan dengan cara yang betul dan bersih. Jadi selain daripada itu, untuk jawapan B, di peringkat kerajaan negeri kita mengadakan mesyuarat mingguan bagi memantau isu denggi bersama semua PBT dengan kerjasama jabatan kesihatan Selangor. Untuk tahun ini sahaja 2014 kita telah pun bermesyuarat sejumlah 35kali. Satu pelan tindakan “Selangorku bebas denggi” 2014 dan gotong-royong mega, terjah dan musnah aedes telah dilancarkan oleh Y.A.B. Dato Menteri Besar pada 3 November 2014 yang lalu. Ini adalah satu lagi inisiatif kerajaan negeri dalam memerangi wabak denggi yang telah mencatatkan angka yang tinggi berbanding negeri lain. Di peringkat PBT pula, unit faktor di setiap PBT negeri Selangor menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan setiap hari melalui aktiviti terjah dan musnah tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes, *lava shading* dan pendidikan kesihatan di sekolah-sekolah serta di institusi-institusi pengajian tinggi. Sehingga 3 November 2014, pemeriksaan pembiakan aedes telah diadakan di 338,620 premis di mana 5943 di dapati positif, manakala 1779 kompaun telah dikeluarkan serta 571 notis telah dikeluarkan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Sebanyak 3,389,204 semburan *fogging*, *srt* dan juga *lv* telah dijalankan. 789 gotong-royong telah dijalankan serta 1648 taklimat denggi telah diberikan kepada murid-murid sekolah di semua PBT di seluruh negeri Selangor.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN: Soalan Tambahan

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Batu Tiga dulu.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Saya melihat banyak usaha-usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kerajaan Negeri tapi angka mereka yang terlibat ataupun masih, denggi ini masih meningkat. Jadi saya satu soalan saya, apakah sudah sampai masanya Kerajaan Negeri sebenarnya melihat ataupun memikirkan satu modus operandis yang baru dan teknologi yang baru yang sebenarnya ada. Dan saya nak tanya kepada EXCO, EXCO tahu tak tentang satu teknologi terkini yang namanya *mosquito side* yang lebih efektif, yang sebenarnya boleh dilaksanakan, dan saya rasa Kerajaan Negeri boleh memandangi perkara ini. Jadi pada saya pada saya, nyamuk gajah ke, *magnetic tripe* ke, ia satu kaedah yang sebenarnya mungkin kurang berkesan tetapi mungkin boleh melihat satu teknologi baru. Jadi soalan saya tadi, apakah modus operandis dan mekanisma yang baru yang boleh difikirkan untuk pastikan teknologi baru ini dapat dilaksanakan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Batu 3, tentang teknologi baru mungkin kita boleh berkongsi, Batu 3 boleh kongsi kan dengan pihak Kerajaan Negeri tetapi masalah denggi ini lebih kepada masalah sikap manusia, yang mana tentang kebersihan, tentang sampah. Jadi ia nya adalah lebih penting untuk kita

sama-sama menjaga kebersihan dan juga sampah-sampah yang maknanya lebih kepada sikap supaya semua rakyat Selangor lebih prihatin dan lebih menjaga kebersihan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN: Soalan Tambahan

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHAKARAN: Terima kasih Puan Speaker. Projek perintis nyamuk tokso, di MPSJ telah bermula 3 tahun lepas, sejak Oktober 2011. Sekarang selepas 3 tahun belum, masiakah dia di dalam projek perintis, tidak ada tak keputusan sama ada ia berkesan atau pun tidak. Dan kalau dia berkesan, kenapa tidak dilaksanakan di seluruh negeri Selangor.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Bukit Gasing. Tentang nyamuk tokso, ianya telah pun dilaksanakan 3 tahun lepas di MPSJ cumanya masalah nyamuk tokso ini adalah ia hanya boleh hidup di kawasan yang banyak tumbuh-tumbuhan. Jadi untuk dilaksanakan di PBT yang di kawasan perbandaran, di kawasan yang kurangnya tumbuh-tumbuhan, agak sukar untuk kita laksanakan. Tetapi mengikut kajian selama 3 tahun, tempat yang kita melaksanakan nyamuk tokso itu, didapati pengurangan kes denggi yang sangat ketara. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Puan Speaker , soalan no. 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN YEO BEE YIN
(DAMANSARA UTAMA)**

TAJUK: GERAN SELANGORKU

18. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar.
- a) Pihak manakah yang menguruskan Geran Selangorku? Apakah mekanisme yang diambil untuk menjamin ketelusan pengurusan?
 - b) Mengapakah perbelanjaan Geran Selagnor tidak dibentangkan sebagai sebahagian daripada bajet?
 - c) Berapakah daripada RM300 juta Geran Selangorku yang telah dibelanja (bukan dilulus)? Sila jelaskan perbelanjaan tersebut.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih Y.B. Speaker. Saya pohon keizinan untuk menjawab soalan no. 18 daripada Damansara Utama. Bersekali dengan soalan 231 daripada Y.B. Kajang kerana ia melibatkan perkara yang sama. Y.B. Tuan Speaker, izin saya memaklumkan Geran Selangorku telah pun ditamatkan dan dibatalkan program ini tahun 2013. Susulan daripada penamatan program Geran Selangorku ini, kesemua permohonan projek ataupun program yang diterima selepas tarikh yang berkenaan, disalurkan terus kepada Jawatankuasa tetap atau *Standco* yang berkaitan untuk diteliti permohonan-permohonan yang berkenaan. Sukacita saya memaklumkan kepada Y.B. Damansara Utama bahawa Geran Selangorku ini diuruskan oleh satu jawatankuasa pemandu yang juga melibatkan wakil-wakil daripada JKR dan UPEN di samping pakar-pakar luar ataupun *subject matter expert* diundang ke dalam jawatankuasa ini untuk memberikan pandangan terhadap program-program tertentu di samping melakukan audit sebelum pembayaran dibuat. Mekanisma yang diamalkan oleh jawatankuasa ini adalah selaras dengan dasar dan prinsip serta pendirian kerajaan negeri iaitu untuk memastikan *value for money* ini dipertahankan dalam penganugerahan projek ataupun program melalui Geran Selangorku. Soalan Y.B. Damansara Utama berhubung mengapa perbelanjaan Geran Selangorku ini tidak dibentangkan sebagai sebahagian daripada perbelanjaan negeri, sukacita saya memaklumkan bahawa perbelanjaan sebenar Geran Selangorku ini dibentangkan semasa pembentangan belanjawan 2012, secara berasingan memandangkan sumber untuk membiayai projek dan program dijalankan oleh Geran Selangorku ini adalah hasil keuntungan daripada operasi MBI. Ini termasuk bayaran dividen syarikat milik kerajaan negeri dan juga pengenalan polisi pemberimilikan tanah mengikut harga pasaran. Perkara ketiga yang dibangkitkan ialah status perbelanjaan sebenar daripada Geran Selangorku ini, setakat 1 Oktober 2013 sejumlah RM54 juta telah pun dibelanjakan bagi projek-projek yang boleh saya kemukakan secara bertulis kepada Y.B.. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Adakah Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk meneruskan seumpama ini dalam tahun yang akan datang berdasarkan keberkesanan yang dicapai dalam Geran Selangorku yang ditamatkan sebelum ini.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Seperti yang saya nyatakan tadi Y.B. Rawang, kalau mengikut prestasi perbelanjaan ia tidak berkesan dan tidak efektif. Daripada sejumlah 300juta ringgit yang diperuntukkan, hanya RM54 juta sahaja yang dibelanjakan dan proses penganugerahan projek dan program ini juga menimbulkan beberapa masalah daripada segi ketelusan dan keterbukaan dalam menjayakan projek-projek yang berkenaan. Sehubungan dengan itu, seperti yang telah saya nyatakan tadi permohonan-permohonan baru yang diterima sama ada dalam bentuk

projek ataupun program akan disalurkan terus kepada jawatankuasa tetap ataupun *Standco* yang berkenaan untuk dipertimbangkan dan diluluskan oleh kerajaan negeri dan kita kira pendekatan dan kaedah ini lebih terbuka dan lebih telus dan kita boleh urus perbelanjaan tersebut dengan lebih efisien dan lebih bertanggungjawab.

TUAN SPEAKER: Selat Klang

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BT ALI: Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya No. 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI
(SELAT KLANG)**

TAJUK : MASJID UMMAH-SENTRIK

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerajaan telah membina banyak masjid. Apakah pelan tindakan kerajaan untuk memastikan agar masjid-masjid benar-benar berfungsi untuk membangunkan khaira ummah?
- b) Adakah kerajaan telah mengupayakan masjid untuk melatih ahli kariah mencapai solat tahap anil fahsyah wal mungkar?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Tuan Speaker, Selat Klang bertanyakan berkaitan dengan masjid sebagai pusat ataupun Ummah-Sentrik. Di bawah pengurusan masjid Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, dua perkara yang ditekankan. Satu, adalah pemerkasaan masjid, yang kedua adalah bagaimana dapat menggalakkan masyarakat ataupun ahli kariah untuk datang bersolat berjemaah. Pelan tindakan yang diambil bagi memastikan masjid-masjid berfungsi untuk membangunkan khaira ummah ataupun ummah yang terbaik, satu adalah dengan memperkasakan pegawai dan juga jawatankuasa masjid seluruh Selangor untuk menggerakkan dan mempelbagaikan fungsi masjid sebagai pusat ilmu, pusat tarbiyah, pusat dakwah, pusat kebajikan, sosial, ekonomi dan perpaduan ummah bukan sahaja masjid sebagai pusat beribadah, solat, berzikir dan sebagainya.

Yang kedua, dengan menggerakkan, mengaktifkan fungsi serta peranan masjid bersama-sama dengan ahli kariah terutamanya, NGO-NGO Islam, dan juga ahli-ahli korporat tempatan. Yang ketiga, bekerjasama dengan persatuan belia untuk menarik minat para belia dan juga remaja untuk turut hadir ke masjid dan termasuklah menggalakkan masjid-masjid untuk mengadakan kelab-kelab remaja ataupun belia, secara tidak langsungnya menggalakkan mereka ini untuk bersama-sama dalam aktiviti memperkasakan masjid. Kerajaan Negeri juga telah

mengupayakan masjid ini untuk melatih ahli kariah mencapai solat tahap anil fahsyah' iwal mungkar ataupun dengan solat itu dapat menghindarkan perkara-perkara fahsyah' dan perkara-perkara mungkar dengan melaksanakan beberapa program yang telah dirancang. Pertama, melaksanakan Program Smart Solat Remaja dan Belia di lebih 50 buah masjid di negeri Selangor setiap tahun. Kedua, melaksanakan Program Daurah Penghayatan Remaja Islam di 30 buah masjid setiap tahun. Ketiga, melaksanakan Program Tahsin Ibadah Dewasa di kalangan masjid. Keempat, melaksanakan Program Tahsin Ibadah Solat ketika sakit dan kelima, Pengajian Feqh berkitab melalui guru-guru takmir bertauliah.

Berdasarkan fokus yang dilakukan oleh pihak pengurusan masjid di bawah Jabatan Agama Islam kita lihat, yang penting adalah bagaimana dengan solat itu. Melalui pengajian-pengajian dan juga melalui beberapa program yang diadakan di masjid ini, yang akhirnya kita boleh bawa amalan yang dilakukan di dalam masjid oleh ahli-ahli kariah ataupun ahli-ahli jemaah untuk di luar masjid supaya sifat-sifat ataupun perkara-perkara yang dibawa ataupun dilakukan di dalam solat itu akhirnya dapat dinatijahkan di dalam tatatertib dalam kehidupan di dalam masyarakat di luar daripada masjid itu sendiri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Puan Speaker, soalan No. 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF
(DENGKIL)**

TAJUK: ORANG ASLI

20. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sumbangan Kerajaan Negeri didalam program kebajikan dan pendidikan masyarakat Orang Asli?
- b) Apakah peranan Badan Bertindak Orang Asli Selangor (BBOAS) dan berapakah peruntukan yang telah Kerajaan Negeri disalurkan kepada badan tersebut?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Dengkil. Sumbangan Kerajaan Negeri dari segi program, kebajikan dan pendidikan masyarakat orang asli adalah melalui Program Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES). Kerajaan negeri telah memperkenalkan Skim Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) bagi anak-anak yang dilahirkan di Selangor, untuk mendapat tabungan sebanyak RM1500

pada ketika umur 18 tahun. Selain daripada TAWAS, kerajaan negeri juga menyediakan bantuan hadiah anak muda masuk Universiti sebanyak RM1500 dan ada Program Skim Mesra Usia Emas dan sebagainya. Program MES adalah bagi seluruh rakyat di negeri Selangor termasuk anak-anak Orang Asli di negeri Selangor. Dalam hal berkaitan pendidikan, kerajaan negeri juga akan memperkenalkan biasiswa Sagong Tasi iaitu 10 biasiswa khas untuk anak-anak orang asal negeri Selangor yang berjaya melanjutkan pelajaran di Universiti Industri Selangor ataupun UNISEL, untuk tahun 2015 melalui peruntukan pembangunan negeri tahun 2014 yang berjumlah RM400,000. Setakat ini, sejumlah RM346,619 telah dibelanjakan untuk membiayai program dan juga projek pembangunan, infrastruktur asas khusus bagi masyarakat Orang Asli.

Puan Speaker, BBTOAS ataupun Badan Bertindak Tanah Orang Asli di negeri Selangor, berfungsi sebagai Badan untuk menyelesaikan masalah pemetaan, pewartaan dan juga menyelesaikan isu-isu yang timbul daripada mungkin pertindihan tanah dan sebagainya. Pada masa yang sama, BBTOAS juga mengidentifikasikan projek-projek kecil infrastruktur asas di kawasan penempatan Orang Asli di negeri Selangor. Dalam hal ini, pelantikan BBTOAS adalah mulai 2009 dengan cara menggunakan bayaran secara elaun bulanan kepada lima (5) Pegawai Penyelaras melalui akaun amanah Pembangunan Orang Asli. Walau bagaimanapun, mulai Jan 2012 seramai dua belas (12) orang Pegawai Penyelaras ataupun Sekretariat BBTOAS ditubuhkan dan dilantik secara *Contract for service* dan sebanyak dua belas (12), dengan jumlah bayaran elaun bulanan RM22,000 sebulan telah diluluskan. Sehubungan itu, peruntukan yang telah kerajaan negeri salurkan kepada badan tersebut untuk bayaran elaun dan juga perbelanjaan berkaitan sejak 2009 sehingga hari ini, Jun 2014, adalah RM994,709.73.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ini soalan, Dengkil dulu.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Puan Speaker. Saya ingin bertanya Yang Berhormat EXCO, seperti mana yang kita maklum, peruntukan kerajaan Persekutuan kepada khusus untuk Tabung Orang Asli, melalui JAKOA (Jabatan Kemajuan Orang Asli) berjumlah hampir RM20 juta dalam tempoh dua (2) tahun untuk negeri Selangor, untuk program kebajikan, pendidikan dan juga kemajuan Orang Asli termasuklah pengangkutan pelajar sekolah, wang saku, biasiswa pelajar

TUAN SPEAKER: Soalannya Dengkil?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Baik pulih, sekejap saya habiskan. Baik pulih, bina rumah baru Orang Asli, bantuan usahawan, infrastruktur dan sebagainya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO selain daripada

BBOAS dan juga Biasiswa Sagong Tasi diperkenalkan oleh Y.A.B. Menteri Besar, adakah bantuan spesifik khusus untuk membantu masyarakat Orang Asli seperti yang dilakukan oleh kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli, terima kasih.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Dengkil. Sebenarnya, dari Kerajaan Negeri Selangor peruntukan khas untuk Orang Asli di negeri ini adalah sebagai, dengan izin, *supplementary* ataupun *complementary*. Orang Asli, kalau ikut Akta Orang Asli, undang-undang yang kita ada, sedia ada adalah di bawah tanggungjawab kerajaan Persekutuan. Namun begitu, kita boleh lihat banyak kelemahan dan juga kekurangan seperti yang kita boleh, saya rasa banyak Yang Berhormat di sini, ada banyak kampung Orang Asli, di mana ada kekurangan dari segi infrastruktur, dari segi perumahan dan sebagainya. Jadi kita *complement*, dengan izin, ataupun *supplement* dengan pelbagai bantuan di samping yang diberi oleh JAKOA di negeri Selangor. Tapi isu pokok bukan sahaja di negeri Selangor tapi di seluruh Semenanjung Malaysia adalah isu pewartaan tanah dan di bawah BBTOAS dan juga di bawah Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat kita berhasrat untuk mewartakan ataupun menggazetkan tanah-tanah Orang Asli yang terlalu lama belum digazet ataupun mungkin dipinggir dari proses penggazetan. Jadi, sebagai contohnya, peruntukkan yang disalurkan kepada BBTOAS bukan sekadar elaun, kita sekarang, kerana bila kita dapat peta daripada JAKOA, sebagai contohnya, peta itu tidak ada pengukuran halus. Bukan *survey*, dengan izin, yang mantap ataupun *complete*, dengan izin, jadi kita perlu guna duit Kerajaan Negeri untuk membuat pengukuran halus supaya tanah tersebut ataupun kawasan perkampungan tersebut boleh di gazet. Jadi dengan sukacitanya mengumumkan dalam dewan ini setakat sejak tahun 2009 sehingga Jun 2014, BBTOAS telah jalan keenam belas (16) kampung Orang Asli di Kuala Langat, di Sepang, di Hulu Selangor dan satu (1) kampung di Petaling iaitu di bawah jagaan Yang Berhormat Kota Anggerik dan telah membuat pemetaan komuniti sebanyak 1722 hektar dan ini adalah satu usaha komuniti. Dan lepas kita membuat pemetaan komuniti tersebut, kita akan beri kepada pengukur dengan izin, *surveyor* yang bertauliah dan Kerajaan Negeri yang bayar untuk pengukuran tersebut bukan kerajaan Persekutuan. Jadi, saya rasa ya, JAKOA ataupun kerajaan Persekutuan, mereka ada dana besar, puluhan ribuan, bukan, ratusan bilion ringgit dan Orang Asli memang di bawah jagaan kerajaan Persekutuan tetapi di bawah Pakatan Rakyat, kita pun perlu bantu Orang Asli di negeri Selangor tak kira nak masuk api ke, seperti projek yang kita akan laksanakan di Kampung Kemensah, di bawah Yang Berhormat Hulu Kelang ataupun isu pembedahan yang tidak ada disebut oleh Yang Berhormat Hulu Selangor beberapa minggu yang lalu kepada saya. Ini, dengan izin, *we have to fill in the blanks so*, saya harap kerajaan Persekutuan pada masa yang terdekat, boleh duduk dengan Kerajaan Negeri. Kita ada banyak perkara yang perlu diselesaikan sejak 2008 Pakatan Rakyat menjadi kerajaan, tak pernah Pengarah JAKOA Selangor jumpa dengan Kerajaan Negeri Selangor. Takut nak jumpa dengan saya, maki hamun Pakatan Rakyat. Saya rasa ini bukan satu tindakan ataupun hala tuju yang bagus.

Saya harap Dengkil boleh sebut pada Pengarah JAKOA Selangor, kita duduk bersama-sama, kita *join* kan *resources* dengan izin, supaya kita boleh berkhidmat untuk yang terbaik untuk Orang Asli di negeri Selangor

Y.B. TUAN HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Tambahan.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih penjelasan yang diberikan oleh Y.B. EXCO tadi mengenai tentang Orang Asli di Negeri Selangor. Dua (2) soalan. Pertamanya, berapakah jumlah..

TUAN SPEAKER: Satu (1) soalan.

Y.B. TUAN HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Sama saja tu. Berapakah jumlah yang direkodkan oleh Kerajaan Negeri Selangor yang mungkin ada rekod, penduduk orang asal dan berapakah kawasan yang terdapat di negeri Selangor yang dikenal pasti sebagai kawasan pendudukan Orang Asli.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Tanjung Sepat. Secara anggaran, kerana saya tidak ada data yang terperinci, tapi pada tahun 2009, kita ada hampir 16,000 penduduk Orang Asli di negeri Selangor yang menduduki lebih daripada 60 kampung ataupun penetapan Orang Asli.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Adakah Kerajaan Negeri pernah membuat satu kajian di 60 kampung Orang Asli ini bahawa apa infrastruktur yang mereka nak dan apakah peruntukan yang kita nak menuntut daripada kerajaan Persekutuan?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Damansara Utama. Ya, kita telah buat satu *survey* terperinci termasuk berapa isi rumah tangga dan juga masalah-masalah yang dikenal pasti oleh penduduk dan khas nya oleh Batin dan juga Pengerusi JKKK. Boleh dikatakan sebulat suara, isunya, isu pokok adalah isu tanah.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, telah dijelaskan tadi bahawa sejumlah hektar tanah telah digazetkan. Jadi kalau

daripada peratusan jumlah perkampungan orang asal yang ada di negeri Selangor ini, berapa peratusan yang telah tercapai dan apa sasaran tahun akan datang?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Rawang, tadi 1722 hektar itu, kawasan yang dibuat pemetaan komuniti ataupun dengan izin, *Community Mapping*. Itu belum digazet kerana ia memerlukan 2, 3 lagi langkah sebelum tanah itu digazet oleh Kerajaan Negeri. Dan, sekarang kita telah, mengapa kita buat Pemetaan Komuniti, kerana dalam rekod kita memang tidak ada rekod yang *complete* ataupun rekod yang penuh dengan maklumat. Oleh sebab itu kita, dengan izin, *we're starting from scratch* supaya kita boleh dapat satu peta yang lebih tepat dan tidak keterlaluan ada kadangkala saya dengar banyak Yang Berhormat ataupun pegawai-pegawai Kerajaan Negeri, mereka suka membuat jenaka bahawa tanah Orang Asli luas sampai hidung ke bukit dan sebagainya tapi itu bukan anggapan yang betul. Sebenarnya ia ada *marker*, dengan izin, ada tanda-tanda di mana ia menunjukkan kawasan Orang Asli.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau nak tanya soalan tambahan, cuba jangan tanya soalan yang memerlukan data khusus untuk portfolio tersebut kerana tak adil untuk ahli-ahli MMKN tanpa notis ya. Soalan seterusnya, Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Speaker, soalan No. 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK : AIR TIDAK TERHASIL (NON REVENUE WATER)

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi masalah air tidak terhasil sementara menunggu penstrukturan semula industri air berjaya dilaksanakan?
- b) Senaraikan jumlah peruntukan yang diberikan oleh kerajaan Selangor dan lokasi penggantian paip baru mengikut pecahan daerah bagi tahun 2010 – 2015.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tuan Speaker, terima kasih kepada Rawang yang bertanya. Rawang bertanyakan berkenaan dengan apakah perancangan Kerajaan Negeri Selangor untuk mengatasi masalah air tidak terhasil ataupun NRW sementara menunggu penstrukturan semula industri air.

Y.B. TUAN SPEAKER: Ahli Yang Berhormat Taman Templer tak payah baca soalan, terus kepada jawapan.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih Tuan Speaker. Penyelesaian menyeluruh ke atas masalah NRW ini hanya boleh dicapai dengan memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air di bawah Model Holistik yang sedang kita usahakan. Untuk menurunkan kadar NRW tindakan secara menyeluruh akan diambil Kerajaan Negeri bukan sahaja menumpukan kepada penggantian paip-paip lama tetapi juga merangkumi semua aspek yang boleh membantu untuk mencapai sasaran penurunan NRW. Tindakan menurunkan kadar NRW ini hanya boleh dilihat kesannya dalam jangka masa yang panjang. Kerajaan Negeri akan memberikan penekanan untuk menyegerakan kerja-kerja pembaikan paip bocor ataupun paip pecah bukan sahaja segera dari segi tempoh perlaksanaannya kerja tetapi juga menumpukan kepada keberkesanan kerja yang akan dilaksanakan. Dalam hal ini Kerajaan Negeri akan menyemak semula kemampuan kontraktor-kontraktor pembaikan sedia ada bagi memastikan kontraktor-kontraktor tersebut adalah berkemampuan dari segi kemahiran dan teknikal untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan tersebut. Kerajaan Negeri akan menambah baik sistem aduan *online* bagi meningkat keberkesanan aktif *lecontrol* dengan membolehkan semua pengguna air yang juga dianggap sebagai pemilik bersama ke atas operasi air untuk membuat aduan ke atas sebarang kejadian paip pecah atau paip bocor yang mereka lihat. Tindakan siasatan dan pembaikan akan dibuat berdasarkan kepada aduan yang diterima. Kerajaan Negeri juga akan meneruskan pertukaran-pertukaran paip-paip lama. Bagi tujuan ini Kerajaan Negeri akan menambah baik sistem pengurusan maklumat paip dalam usaha untuk menentukan paip-paip mana yang perlu tukar. Kos penggantian paip memang tinggi namun Kerajaan Negeri akan memberi perhatian kepada paip-paip yang dalam keadaan kritikal untuk diganti terlebih dahulu. Kerajaan Negeri tumpuan untuk mencari kebocoran-kebocoran paip sedia ada contohnya seperti paip-paip yang terlindung di bawah *monsun drain* dengan izin yang mana tidak disedari kebocoran itu berlaku. Mencari kebocoran ini bukan sahaja kepada paip-paip tetapi juga akan merangkumi semua kolam-kolam yang melimpah ataupun *overflow* dengan izin. Kerajaan juga akan memberikan tumpuan kepada penukaran meter-meter air sedia ada.

Bagi soalan yang kedua, Kerajaan Negeri Selangor tidak memberikan apa-apa peruntukan sebenarnya kepada SYABAS di dalam melaksanakan program penurunan kadar air tidak terhasil NRW tetapi dalam perjanjian konsesi SYABAS, telah diperuntukkan sebanyak RM2,668.8 juta bagi perbelanjaan kadar untuk menurunkan kadar NRW bagi tempoh sepanjang konsesi selama 30 tahun yang

akan berakhir pada Tahun 2034. Objektif kadar pengurusan NRW yang perlu dicapai oleh SYABAS adalah untuk menurunkan kadar NRW dari 40% kepada sasaran 15% pada Tahun 2015 mengikut pecahan. Kehilangan fizikal 20% diturunkan kepada 11% manakala kehilangan perdagangan *comercial loses* dengan izin 20% diturunkan kepada 4%. Untuk menurunkan kehilangan fizikal NRW ini sasaran penukaran paip AC yang telah dirancang adalah sebanyak 6,423 km dan bagi pecahan yang diminta oleh Rawang, lokasi penggantian paip baru mengikut pecahan daerah bagi Tahun 2010-2015 izinkan saya untuk memberi secara bertulis nanti. Untuk tempoh dari 2005-2014 jumlah yang telah diturunkan diperuntukkan di bawah perjanjian konsesi untuk Program penurunan NRW adalah sebanyak RM1,010.15 juta namun jumlah yang telah dibelanjakan oleh SYABAS untuk tempoh tersebut adalah sebanyak RM2,438.36 juta.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Rawang dulu.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya apakah kriteria yang ditetapkan untuk yang dikatakan kritikal saya ambil contoh di Rawang, 2008 saya telah kemukakan senarai tersebut kepada SYABAS tapi SYABAS tolak kepada SPAN. Dikatakan SPAN yang peruntukkan tersebut jadi dari penjelasan Y.B. EXCO tadi, saya nampak sebenarnya Kerajaan Negeri tiada satu peranan yang dimainkan dalam penentuan mana lokasi sebenarnya dan jumlah peruntukan yang harus digunakan untuk penukaran paip itu, jadi saya minta kalau boleh Yang Berhormat EXCO boleh jelaskan.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Pertamanya kita melihat aduan-aduan yang diterima dan di samping itu fokus kita kepada paip-paip air yang berusia lebih daripada 50 tahun. Dari aduan-aduan yang dilihat kita melihat kepada kadar kebocoran ataupun kadar air yang keluar yang menyebabkan peningkatan kepada NRW.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Taman Templer tentang air tidak terhasil. Adakah satu tindakan proaktif yang diambil oleh Kerajaan khususnya SYABAS untuk mencegah seperti apa yang dilakukan oleh PBT ada pasukan pantas di mana kita bukan sahaja tunggu aduan daripada orang ramai di mana ada paip bocor, kita ada satu pasukan khas boleh terjah di mana ada paip bocor. Adakah pihak Kerajaan bercadang untuk membuat jawatankuasa seperti ini untuk terjah air bocor itu, terima kasih.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih, itu satu cadangan yang sangat baik. Seperti mana yang kita tahu kita dalam proses pengambilalihan atau penstrukturan semula air Selangor dan cadangan itu akan diambil kira cadangan yang baik untuk terjah air.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Tuan Speaker. Untuk tahun pertama bila Air Selangor mengambil alih pengurusan air, berapa juta ringgit akan diperuntukkan untuk mengatasi *Non Revenue Water* ini?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kepada Bukit Gasing. Kerajaan akan mengambil perhatian dan nanti setelah selesai dan sekarang dalam proses pengambilalihan kita akan kaji berapa banyak peruntukan untuk kita mengatasi NRW dalam tempoh satu tahun yang pertama. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Soalan seterusnya, Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih. Soalan 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN
(BUKIT GASING)**

TAJUK: PENGURUSAN FLAT KOS RENDAH

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Berapakah pembangunan flat kos rendah yang mempunyai dan tidak mempunyai JMB atau MC yang berfungsi? Sila beri pecahan mengikut PBT.
- b) Bagi flat yang tidak mempunyai JMB berfungsi, apakah tindakan kerajaan untuk mentadbir flat ini?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Untuk senarai pangsapuri kos rendah sama ada yang mempunyai JMB atau MC atau yang tidak mempunyai langsung, ingin saya nyatakan di sini, yang pertamanya adalah :-

BIL	PBT	PANGSAPURI KOS RENDAH	
		MEMPUNYAI JMB/MC	TIDAK MEMPUNYAI JMB/CM
1.	MBSA	219	182

2.	MBPJ	139	44
3.	MPK	93	51
4.	MPAJ	123	57
5.	MPSJ	58	57
6.	MPS	45	14
7.	MPKj	151	111
8.	MPSp	6	2
9.	MDHS	15	2
10.	MDKL	7	-
11.	MDKS	17	-
12.	MDSB	1	-

Untuk keseluruhannya jumlah pangsapuri kos rendah yang mempunyai sama ada JMB atau MC adalah 876 sementara yang tidak mempunyai adalah 520. Strategi Kerajaan Negeri adalah untuk menggalakkan pembangunan-pembangunan tersebut ataupun penduduk-penduduk tersebut melalui Pesuruhjaya Bangunan atau melalui Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor untuk menubuhkan JMB atau MC melalui program-program iaitu kita meyakinkan kepada mereka melalui pelbagai program supaya mereka dapat menubuhkan JMB atau MC. Untuk makluman Yang Berhormat dan dewan bahawa bagi penduduk di pembangunan pangsapuri kos rendah terdapat banyak program-program seperti Leceria, seperti Ceria, seperti program Ceria Permai, ini adalah bertujuan untuk membantu mereka yang duduk di pangsapuri kos rendah dengan harapan bahawa apabila mereka melihat bahawa terdapat banyak program-program bantuan mereka ada dapat menubuhkan JMB ataupun MC. Bagi pengurusan COB juga telah melantik ejen pengurusan untuk mentadbir dan mengurus kawasan pemajuan kos rendah yang bermasalah selaras dengan peruntukan Akta Bangunan Dan Harta Bersama iaitu Akta 663 yang akan dimansuhkan. Selain daripada itu pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor juga akan menetapkan suatu tempoh iaitu untuk menubuhkan lebih kurang 50% daripada baki yang tidak ada JMB atau MC dalam masa 3 tahun daripada tahun ini. Bermakna dalam masa 3 tahun kita akan cuba ataupun berusaha untuk mencapai satu jumlah iaitu 260. Selain daripada itu terdapat cadangan supaya Kerajaan Negeri sendiri mengambil usaha untuk menguruskan rumah-rumah pangsa atau pangsapuri-pangsapuri yang tiada JMB atau MC. Sekarang ini, buat makluman dewan bahawa Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor mempunyai satu syarikat yang bernama Perumahan Dan Hartanah Selangor yang sekarang ini sedang menguruskan pembangunan PPR Kota Damansara. Kita akan menjadikan program ini sebagai *pilot project* dan sekiranya berjaya kita lihat sama ada syarikat tersebut ataupun entiti lain dapat melebarkan khidmat mereka untuk menguruskan pangsapuri-pangsapuri yang tiada MC atau JMB. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya dapati sebahagian penduduk pangsapuri ini tidak mempunyai kemampuan untuk tentukan JMB. Akibatnya mereka tidak dapat menikmati skim-skim yang ditawarkan oleh Kerajaan Negeri. Apa cara bagi mereka yang tidak ada JMB supaya dapat menikmati skim-skim ceria dan sebagainya yang dijanjikan oleh Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Dua persoalan di sini, yang pertamanya bagaimana kita hendak meyakinkan penduduk untuk menubuhkan JMB atau MC. Sebenarnya untuk menubuhkan JMB atau MC ini mereka tidak perlu mengeluarkan wang, mereka cuma perlu ada satu inisiatif untuk mentadbir kawasan mereka dan melalui program-program turun padang, saya pernah turun sendiri ke satu JMB pangsapuri di MPKj di mana pada asalnya mereka tidak mahu tubuhkan JMB tetapi setelah satu penerangan yang terperinci yang kita berikan kepada mereka, akhirnya mereka bersetuju. Saya melihat bahawa antara sebabnya adalah salah faham. Salah faham bahawa ada yang merasakan bahawa untuk menubuhkan JMB atau MC ini memerlukan satu kepakaran yang tinggi. Walau bagaimanapun kita telah melancarkan beberapa program di antaranya ialah program FOKUS iaitu Format Kurikulum Pembangunan Berstrata atau FOKUS di mana kita memberi bimbingan kepada mereka untuk mentadbir bangunan mereka. Jadi kita berharap dengan program-program sedemikian lebih ramai lagi akan merasakan yang mereka mampu untuk mentadbir kawasan mereka dan kita punya *tagline* atau kita punya atau Kerajaan Negeri. Hasrat Kerajaan Negeri adalah untuk membudayakan mereka untuk *empower* dengan izin penduduk supaya dapat mentadbir kawasan mereka sendiri. Untuk program-program seperti Ceria, Leceriah Dan Ceria Permai di dalam kes-kes tertentu kita boleh membenarkan bukan JMB atau MC tetapi persatuan penduduk untuk membuat permohonan untuk mendapatkan bantuan untuk membaiki untuk membaiki pulih kawasan pembangunan mereka. Jadi bermakna usaha ini bukan sahaja bukan dilakukan oleh JMB atau MC tetapi kita akan longgarkan juga kepada persatuan penduduk supaya mendapat akan bantuan melalui Ceria, Leceriah Dan Ceria Permai dan bermacam-macam lagilah, In Sha Allah terima kasih.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin nak tanya Yang Berhormat EXCO berkenaan dengan pengurusan rumah pangsapuri kos rendah ini. Bagi mereka ada banyak yang berniat baik untuk menjadi pihak pengurusan tetapi disebabkan tunggakan yang berlipat ganda ada setengah daripada mereka tidak mampu untuk memegang jawatan untuk meneruskan pengurusan rumah pangsapuri kos rendah ini. Jadi soalan saya kepada Yang

Berhormat adalah sama ada terdapat apa-apa pelan daripada Kerajaan Selangor untuk memberi subsidi seperti Yang Berhormat EXCO tadi kata *empowerment* dengan memberi subsidi supaya penduduk-penduduk yang tinggal di rumah pangsa kos rendah itu dapat memegang jawatan lepas itu dengan melalui subsidi itu mereka boleh melupuskan hutangan tunggakan yang tinggi. Skim ceria bangunan yang hanya memberi subsidi ataupun sebahagian daripada kos untuk menceriakan bangunan itu adalah bagus tapi sekiranya penduduk..

TUAN SPEAKER: Soalannya Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Soalan saya ialah Pelan Tindakan Kerajaan Selangor untuk membantu pihak penduduk yang tinggal di rumah pangsapuri kos rendah ini supaya membantu mereka untuk menyelesaikan masalah tunggakan yang tinggi dan juga membaiki lif-lif yang selalunya rosak terutama sekali sebelum musim perayaan. Terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Soalan yang pertama Yang Berhormat adalah samada kita nak bayarkan mereka punya tunggakan. Tunggakan ini mereka tunggakan bukan dengan Kerajaan Negeri tetapi tunggakan dengan JMB atau kepada MC. Setakat ini belum ada lagi rancangan sebab jumlahnya adalah terlalu tinggi. Sebab kadang-kala kalau kita lihat satu blok ada satu kes di mana kita hendak membaiki lif dan kita melihat bahawa satu blok sahaja mempunyai lebih kurang 390 lebih penduduk ataupun pemilik petak di situ sampai 80,000 satu blok. RM80,000 hutang mereka yang berhutang di situ. Jadi untuk menjawab soalan, kita belum ada lagi program untuk membayarkan tunggakan-tunggakan sebab ini adalah bersama iaitu ini adalah tanggungjawab mereka dan mereka perlu membayar kepada JMB. Walau bagaimanapun, kita juga pernah membuat program pendakwaan iaitu di mana mereka yang tidak membayar didakwa dan kalau mereka didakwa itu boleh ditarik balik pendakwaan tersebut sekiranya mereka berbincang dengan pihak JMB atau MC cara mereka nak bayar. Tak perlu bayar secara bayar terus atau boleh bayar secara ansur-ansuran dan mungkin ada JMB yang akan memberikan diskaun sekiranya mereka datang berbincang. Tetapi dalam banyak kes mereka tak berbincang. Mengenai lif, lif kita ada program baru. Dulu kita ada Program Ceria. Di bawah Program Ceria ini semuanya kita '*funding*' ataupun pembiayaannya semua sekali iaitu bersama-sama dengan baik pulih cat bangunan, baik pulih bumbung, baik pulih tangki air, semua sekali. Dan 'limit' ataupun had tabung ini adalah sebanyak RM13 juta tapi sekarang kita dah pisahkan bermakna lif ada satu tabung sendiri yang dinamakan 'L Ceria'. L Ceria ini bukan *band pop yeh yeh*. L Ceria ini adalah lebih kurang macam gitu. Lif Ceria kita dah pisahkan L Ceria ini ada peruntukan sendiri. Bermakna bahawa Ceria ada RM13 juta, L Ceria ada RM15 juta. Jadi bermakna bahawa memang kita ada program khusus untuk baiki lif sebab kita lihat masalah lif ini adalah kritikal jadi perlu ada tabung khusus. Selain daripada itu tentang Ceria ini ada lagi satu iaitu Ceria Permai. Ceria Permai ini

untuk bantu tukar migrasi kepada meter pukal kepada meter individu. Jadi kita bayar kita bagi bantuan pada penduduk untuk tukar meter mereka. Itu Ceria Permai.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan Gombak Setia

Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN: Tuan Speaker Soalan Nombor 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN
(GOMBAK SETIA)**

TAJUK : PUSAT WANITA BERDAYA (PWB)

23. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah status dan nasib PWB?
- b) Sudah berapa lamakah elaun Penyelia PWB dihentikan dan apakah perancangan untuk memberdayakan PWB?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Gombak Setia. Tuan Speaker izinkan saya menjawab bersekali soalan no. 62, 142, 157 dan 209. Pusat Wanita Berdaya merupakan penjenamaan semula kepada Pusat Komuniti Wanita (PKW) yang telah diwujudkan sejak tahun 2009 di lapan (8) buah DUN di Selangor. Pada awal pengujudannya penubuhan PWB ini adalah diselaraskan oleh Seksyen Sektor, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) melalui Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita Selangor. Pusat Wanita Berdaya atau PWB ini beroperasi secara '*community base*' atau berasaskan komuniti setempat. Oleh yang demikian tidak timbul isu wanita marhain kerana hasrat Kerajaan Negeri adalah untuk memberdaya dan membangunkan semua lapisan dan peringkat wanita samada di Bandar mahupun di luar Bandar, berkerjaya ataupun tidak berkerjaya. Samada suri rumah juga agar mereka mendapat ilmu serta kemahiran yang dapat membantu kelangsungan hidup mereka dan keluarga. Sehingga Oktober 2014, daripada jumlah keseluruhan 56 DUN, sebanyak 44 PWB telah ditubuhkan. Manakala baki 12 DUN lagi masih dalam tindakan mengenalpasti kesesuaian lokasi penubuhan PWB dan permohonan oleh DUN yang berkaitan. Pada ketika ini, PWB sedia ada telah dibekalkan dengan peralatan dari Kerajaan Negeri dengan peruntukan sejumlah RM15,000.00 di setiap DUN samada peralatan untuk bidang memasak ataupun jahitan. Walau bagaimanapun, bagi PWB yang aktif Kerajaan Negeri telah memberikan peruntukan tambahan sejumlah RM10,000.00 lagi bagi pembelian tambahan peralatan. PWB juga diselia oleh seorang penyelia yang bertindak sebagai penggerak kepada pertubuhan tersebut. Pada awalnya penyelia PWB tersebut tidak diberikan apa-apa bayaran elaun tetapi atas dasar keprihatinan

Kerajaan Negeri Selangor maka para penyelia tersebut diberi sugu hati berbentuk elaun bermula daripada Jun 2012 sehingga Mac 2013 melalui peruntukan Geran Selangorku di bawah MBI. Selepas tempoh tersebut, tiada lagi apa-apa sugu hati atau bayaran yang dijanjikan. Tiada juga peruntukan khusus untuk program-program PWB di setiap DUN. Walau bagaimanapun, peruntukan disediakan mengikut keperluan permohonan oleh pihak PWB melalui kertas kerja untuk kelulusan Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita dan Keluarga juga boleh memohon daripada ADUN di kawasan masing-masing. PWB juga telah mengadakan pelbagai program sejak 2009 hingga kini. Program-program yang telah dilaksanakan adalah berbentuk berstruktur dan tidak berstruktur. Ini bagi memenuhi permintaan wanita setempat. Antara program berstruktur yang telah dilaksanakan adalah program kesihatan, program pengurusan kewangan, program aplikasi ICT dan program kepimpinan. Sementara program tidak berstruktur adalah bengkel masakan, bengkel kraf tangan dan bengkel jahitan. Antara PWB yang boleh dijadikan contoh yang baik atau ikon untuk PWB yang lain ialah PWB Sungai Air Tawar yang menghasilkan kraf tangan tudung saji hiasan. Selat Klang dengan *cookies*, Sijangkang jahitan dan juga tempahan kuih untuk ibu tunggal, Morib jahitan seperti tudung dan baju taska, Lembah Jaya mee kuning. Kajian terperinci sedang dilaksanakan untuk penambahbaikan penstrukturan PWB yang mana *Insyallah* dalam 2015 akan datang penambahbaikan ini dijangka akan meliputi semua aspek termasuk kebajikan para penyelia PWB tersebut. Berkenaan kriteria dan KPI yang perlu ada untuk seorang menjadi penyelia PWB ia juga sedang di peringkat kajian dan bergantung kepada kelulusan MMKN.

TUAN SPEAKER: Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Adakah dalam enam (6) bulan sampai satu tahun ini PWB ini kerja ke tak kerja? Sebab pegawai-pegawai berkenaan dengannya sampai sekarang tidak dibayar? *So is it functioning?*

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Andalas. Tuan Speaker, sepanjang selepas tiada elaun diberikan kepada para penyelia PWB ini, tetapi oleh kerana wanita-wanita dan penyelia-penyelia PWB ini sangat komited dengan kerjaya mereka, dengan tugas-tugas mereka, mereka melaksanakan program-program di PWB masing-masing dan mereka boleh mendapatkan bantuan ataupun peruntukan tersebut yang saya sebutkan tadi melalui Jawatankuasa Hal Ehwal Wanita dan juga boleh dapatkan peruntukan melalui DUN.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Terima kasih Puan Speaker. Saya agak terkeliru dengan jawapan EXCO tadi. Jawapan cantik. Soalan saya mudah. Apakah lantikan di semua 50 DUN ini selesai ataupun tidak?

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Paya Jaras. Tuan Speaker, untuk kali ini setelah selesai pelantikan dan juga setelah tiada lagi elaun diberikan kepada penyelia-penyelia dan kita sedang memohon PWB ini diteruskan. Jadi buat masa kini penyelia-penyelia yang masih lagi berkhidmat ianya sebenarnya dalam keadaan 'upase'. Makna kita belum lagi memberikan komitmen daripada Kerajaan Negeri untuk melantik mereka dan *Insyah-Allah* apabila kertas cadangan PWB ini diterima oleh MMKN maka kita akan melantik penyelia-penyelia ini di setiap DUN yang mana ianya akan dipilih sendiri oleh ADUN-ADUN.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan. Batu Tiga.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker dan juga EXCO, saya sebenarnya pun agak keliru dengan jawapan yang diberi oleh EXCO sebab selaku bekas EXCO saya merasakan bahawa lantikan yang dinyatakan itu sewajarnya dibuat selepas EXCO ataupun pentadbiran baru diambil alih memandangkan ada satu kertas kelulusan oleh MMKN pada bulan April yang lepas telah pun meluluskan pada dasarnya pelantikan penyelia-penyelia. Hanya menunggu masa memberi nama dan dilantik secara sah sahaja. Jadi soalan saya, apakah pihak EXCO serius untuk jadikan pelantikan penyelia ini sebagai lantikan sah sebagaimana pelantikan ketua-ketua kampung ataupun akan ada perubahan dalam corak pentadbiran Pusat Wanita Berdaya ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Batu Tiga. Sebenarnya kertas cadangan ataupun kertas MMKN yang telah pun dibentangkan oleh EXCO yang sebelum ini masih belum ada kelulusan jadi kita sedang memperbaiki untuk kita mendapatkan kelulusan daripada MMKN.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Soalan tambahan. Saya rasa pihak EXCO keliru di sudut pelantikan dah diluluskan tinggal lagi nama-nama penyelia belum lagi dinamakan. Itu saja. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Yang tu penjelasan Batu Tiga. Soalan tambahan Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Ok. Saya ingat EXCO kena jawab terus-terang sebab penyelia-penyelia ini yang saya tau di dalam DUN-DUN sudah ada. Sudah dinamakan. Sudah pun bertugas untuk beberapa bulan. Sudah pun dibayar untuk beberapa bulan. Lepas terus menerus sampai enam bulan atau lapan bulan tidak ada kegiatan apa pun dengan PWB ini .

TUAN SPEAKER: Soalannya?

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Soalannya, adakah tidak penyelia-penyelia ini akan diteruskan atau dia ada tanggungan

pembayaran kepada mereka bulanan ataupun kita ada program baru yang akan dibuat dalam tahun hadapan akan datang.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Andalas. Maknanya soalan Andalas jelas bahawa kita *Insyah-Allah* akan ada program baru di bawah PWB yang mana kita akan melantik semula penyelia-penyelia bukan bermakna semula tetapi ADUN-ADUN perlu melantik penyelia masing-masing. Jadi sekiranya penyelia sedia ada masih berkebolehan dan masih ingin diteruskan lantikan mereka maka, boleh dilantik semula. Jadi bermakna pada 2015, *Insyah-Allah* kita akan melaksanakan penstrukturan baru untuk PWB dan pelantikan baru terhadap penyelia-penyelia PWB.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan Jeram.

Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan no. 24.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : GARIS KEMISKINAN SELANGOR

24. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah kadar garisan kemiskinan terkini Negeri Selangor?
- b) Bagaimanakah kadar ini dikira dan apakah formula atau faktor yang menjadi pertimbangan?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Y. Berhormat Jeram. Dengan izin Tuan Speaker soalan ini saya jawab bersama dengan soalan b) 333 dari Telok Datuk. Paras garis kemiskinan merupakan pendapatan atau keperluan minimum yang diperlukan oleh sesebuah isi rumah. Bagi memenuhi keperluan asas makanan dan bukan makanan bagi setiap ahli-ahlinya, paras garis kemiskinan digunakan untuk mengenalpasti bilangan isi rumah miskin dan mengukur insiden kemiskinan. Paras garis kemiskinan keseluruhannya terdiri daripada paras garis kemiskinan makanan dan paras garis kemiskinan bukan makanan. Sesebuah isi rumah dianggap miskin sekiranya pendapatan bulanan isi rumah tersebut adalah kurang daripada paras garis kemiskinan iaitu pendapatan yang mencukupi bagi membolehkan isi rumah tersebut memenuhi keperluan asas dari segi makanan dan bukan makanan yang membolehkan setiap ahli berfungsi di dalam masyarakat. Maka, maklumat ini sebenarnya diperolehi daripada Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) daripada

Jabatan Perdana Menteri. Sebagai makluman, paras garis kemiskinan peringkat nasional bagi tahun 2007 bagi Semenanjung Malaysia adalah sebanyak RM720.00 seisi rumah. Manakala bagi Sarawak serta Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan masing-masing adalah sebanyak RM830.00 dan RM960.00 seisi rumah. Bagi tahun 2012 pula, paras garis kemiskinan di peringkat nasional adalah selaras dengan Rancangan Ekonomi Ke-10 (RM Ke-10) yang mana paras garis kemiskinan makanan dan bukan makanan yang telah ditetapkan untuk isi rumah miskin berdasarkan kepada kiraan adalah RM830.00 seisi rumah. Manakala bagi Sabah dan Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan masing-masing adalah sebanyak RM920.00 dan RM1,090.00 seisi rumah. Bagaimanapun, paras garis kemiskinan ini dianggap tidak sesuai bagi Selangor yang maju maka paras garis kemiskinan yang digunakan di Selangor adalah RM1,500.00. Ini adalah berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 7 Januari 2009 telah bersetuju dan memutuskan supaya paras garis kemiskinan Negeri Selangor dinaikkan kepada RM1,500.00.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya Y. Berhormat EXCO tentang bahawa penduduk Negeri Selangor adalah sekitar mencapai 5 juta penduduk. Dari ucapan bajet yang Y.A.B. Dato' Menteri Besar nyatakan akan menyelesaikan masalah golongan miskin ini seramai 30% penduduk Selangor. Jadi kalau kita kira 30% daripada penduduk Selangor itu, kira-kira ada 1.5 juta rakyat Negeri Selangor ini tergolong dalam lingkungan garis kemiskinan. Jadi, apakah KPI ataupun *target* Kerajaan Negeri Selangor tentang bilangan untuk menyelesaikan ataupun membantu golongan miskin untuk tempoh setahun akan datang.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Tuan Speaker, sebenarnya paras garis, *I mean* golongan miskin di Selangor adalah kalau mengikut Jabatan Perangkaan 0.4%. Namun dengan kenaikan kepada RM1500.00 yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri Selangor telah menganggarkan sebanyak 30% penduduk Selangor adalah dalam paras garis kemiskinan supaya mereka dapat memanfaatkan segala program-program di bawah MES yang dirancang sebab setiap program yang kita rancang khusus di bawah *Standco* Kemiskinan tersebut sendiri iaitu seperti *Blueprint* Kemiskinan, bantuan program teknikal kepada anak-anak yang tercicir dan juga program seperti Kerajaan Prihatin di bawah *Standco* saya sendiri membantu kita apabila kita letak paras garis kemiskinan sebagai RM1,500.00 kita dapat memanfaatkan lebih banyak keluarga. Lebih ramai dapat manfaat melalui program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri. Namun begitu, adalah hasrat kerajaan supaya kita menambahbaikkan program-program semua *Standco* dan juga MES yang sedang dilaksanakan pada tahun hadapan supaya lebih ramai dapat manfaat daripada program-program tersebut.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Saya rasa Y.B. EXCO tidak menjawab soalan saya kerana kalau kita nak menyatakan tentang pembaikan program yang kita laksanakan kita mestilah mempunyai sasaran. Soalan saya berapakah sasaran Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat Selangor tentang bilangan yang mencapai membasmi kemiskinan di Selangor?

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Y.B. Tanjung Sepat. Tadi saya telah memberitahu hasrat kerajaan dengan meletakkan RM1500.00 untuk membantu lebih ramai daripada keluarga di Selangor. Kalau mengenai sasaran, saya kena mengakui bahawa setakat ini tidak diletakkan mana-mana sasaran. Namun begitu, dalam masa terdekat ini Kerajaan Negeri merancang untuk mengadakan satu sesi bersama dengan Universiti Tunku Abdul Rahman (UNITAR) dan juga UNISEL supaya mengadakan satu kajian secara menyeluruh di Negeri Selangor untuk menetapkan sasaran yang diperlukan.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan. Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Tuan Speaker soalan no. 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI
(SRI MUDA)**

**TAJUK : MASALAH IKLAN HARAM YANG TERLALU BANYAK SEOLAH-OLAH
DIBIARKAN**

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah tindakan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dari sudut undang-undang bagi mengatasinya. Huraikan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Tuan Speaker, terima kasih kepada Sri Muda. Antara tindakan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri dari sudut undang-undang bagi mengatasi masalah iklan haram adalah:-

1) Tangkapan kepada mereka yang menggantung iklan-iklan haram tindakan kompaun dikenakan.

- 2) Bagi iklan-iklan along pula, nombor telefon telah dimajukan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) bagi tujuan pembatalan pendaftaran nombor talian telefon.
- 3) PBT juga telah bekerjasama dengan Bahagian Jenayah dan Komersial PDRM bagi membanteras penampalan iklan-iklan along dengan mengadakan operasi bersepadu bersama pihak PDRM dan NGO.
- 4) Satu arahan melalui UPEN telah dikeluarkan pada 21 November 2014 kepada semua PBT supaya melakukan pemeriksaan terhadap syarikat agensi yang menjalankan perniagaan percetakan terutamanya yang melibatkan pencetakan *banner*, bunting dan *sticker*. Syarikat percetakan yang didapati mencetak bahan-bahan pengiklanan pinjaman kewangan yang tidak berlesen, lesen perniagaan mereka hendaklah ditarik balik atau dibatalkan.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya soalan tambahan apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengarahkan Pihak Berkuasa Tempatan memberikan satu ganjaran kepada Persatuan Penduduk yang berjaya menurunkan bunting ataupun *banner* itu dengan *baran* tertentu. Misalnya 1kp RM0.05 atau RM0.07 supaya menggalakkan penurunan iklan-iklan haram terutamanya along.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih kepada cadangan dari Seri Muda. Saya menyambut baik tentang cadangan tersebut dan Kerajaan Negeri akan mengkaji cadangan daripada Y.B. dan kalau boleh saya akan minta UPEN membentangkan satu kertas kerja ke dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

TUAN SPEAKER: Soalan tambahan Balakong.

Y.B. TUAN NG TIEN CHEE: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya no. 26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG TIEN CHEE
(BALAKONG)**

TAJUK : PEMBASMIAN TIKUS

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-
 - a) Nyatakan usaha untuk membasmi tikus dan keberkesanannya mengikut PBT masing-masing.

- b) Nyatakan kos yang dibelanjakan untuk membasmi tikus mengikut PBT masing-masing.
- c) Adakah kerajaan menyediakan pelan komprehensif untuk mengatasi masalah tikus yang semakin membimbangkan.

Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI: Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih Balakong. Kerajaan Negeri mengambil berat isu kebersihan dan kesihatan di kalangan rakyat. Oleh kerana itu, usaha pembasmian tikus ini diteruskan bagi mengelakkan penyebaran penyakit berjangkit *laptos pyrosis* yang disebabkan oleh bakteria dari jenis *laptos spyra*. Manusia boleh dijangkiti apabila terdedah kepada air, makanan atau tanah yang dicemari air kencing tikus ini. Usaha dan kos perbelanjaan yang telah dilakukan oleh PBT bagi pembasmian tikus adalah :-

MBSA – penggunaan perangkap, penggunaan racun tikus, bekerjasama dengan penduduk dan MPPP bagi aktiviti penangkapan dan kawalan tikus di kawasan kediaman sejumlah RM4,000.00.

MBPJ – kaedah umpan racun tikus dan perangkap, program bersama penduduk, pemberian sangkar tikus percuma, racun tikus, kawalan tikus di kawasan Majlis yang ditumpukan berdasarkan aduan orang awam dan gerai Majlis sejumlah RM9,900.00.

MPK – menguatkuasakan syarat-syarat kesihatan dan pelesenan terhadap semua premis berlesen tentang langkah-langkah kesihatan dan pengawalan serangga, lipas dan tikus. Tiada menanggung kos pembasmian.

MPAJ – menggunakan perangkap tikus dan racun tikus dalam operasi kawalan tikus. Pemerhatian mendapati ianya memberikan impak yang positif kerana berjaya mengurangkan populasi tikus di kawasan pentadbiran MPAJ, sejumlah RM8,840.00.

MPSepang – penggunaan kaedah 'hot spot' tikus dan menggunakan kaedah racun, perangkap serta sauk tikus berjumlah RM30,000.00.

MPSJ – Program kawalan pemusnahan dijalankan berdasarkan aduan RM850.00 per operasi.

MPKj – pemeriksaan dan penguatkuasaan ke atas kebersihan premis makanan dan melaksanakan langkah-langkah pencegahan awal, kawalan ke atas pengeluaran sisa makanan dengan pematuhan penguatkuasaan '*grease trap*' dan rutin aktiviti kawalan tikus secara bulanan di pasar awam, medan selera, pusat penjaja. Sejumlah RM13,000.00 digunakan.

MDKL – operasi pembasmian dilakukan secara berkala RM5,200.00.

MDKS – program memasang perangkap tikus di kawasan yang dikenalpasti berpotensi secara berjadual dan berkala. Program membasmi tikus besar-besaran pada 2013 sehingga sekarang sejumlah RM5,360.00.

MDHS – pihak Majlis menjalankan pemeriksaan secara progresif di kawasan tumpuan tikus seperti pasar awam dan pasar malam sejumlah RM10,000.00.

MDSB – mengedarkan perangkap tikus besi dan gam tikus kepada gerai dan premis sebanyak RM1,600.00.

Kerajaan Negeri telah pun mengambil pelbagai langkah komprehensif bagi membasmi pembiakan tikus yang semakin membimbangkan. Antaranya adalah :-

- 1) mempertingkatkan pemeriksaan, penggredan dan penguatkuasaan premis makanan di mana premis yang didapati tidak mencapai piawaian tindakan penutupan premis akan dikenakan.
- 2) Premis makanan yang berlesen dikehendaki menjalankan tindakan kawalan serangga dan tikus di premis mereka.
- 3) Memperketatkan syarat-syarat pengeluaran lesen baru serta pembaharuan lesen.
- 4) Mempertingkatkan operasi pembersihan di kawasan-kawasan pasar basah dan kawasan lain yang berpotensi untuk pembiakan tikus.
- 5) Mengadakan promosi dan pendidikan kesihatan dengan pelbagai cara termasuk ceramah, edaran risalah serta pameran berkaitan laktos pyrosis.
- 6) Melaksanakan operasi kawalan tikus secara berjadual serta mengedarkan perangkap tikus dan gam perekat tikus secara percuma kepada pemilik premis perniagaan.

TUAN SPEAKER: Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Terima kasih Puan Speaker. Soalan saya no. 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(MORIB)**

**TAJUK : PERMOHONAN SEKOLAH KAFA TAMAN KEMUNING BANTING,
KUALA LANGAT**

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

a) Apakah status permohonan Sekolah KAFA Taman Kemuning Banting, Kuala Langat?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD: Soalan Morib khusus berkaitan KAFA Taman Kemuning Banting, Kuala Langat. Kerajaan Negeri tidak terlibat dalam pembinaan ataupun penyelenggaraan sekolah-sekolah KAFA. Kerajaan Negeri ataupun melalui JAIS hanya terlibat di dalam pembekalan tenaga pengajar ataupun guru-guru yang mengajar di sekolah-sekolah KAFA. Kebiasaannya pembangunan sekolah-sekolah KAFA ini adalah inisiatif daripada masyarakat tempatan ataupun jawatankuasa-jawatankuasa tempatan untuk pembinaan dan penyelenggaraan sekolah. Kerajaan Negeri ataupun JAIS menumpukan melalui keupayaannya hanya tertumpu dan fokus kepada sekolah-sekolah rendah agama dan juga sekolah-sekolah agama integrasi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Morib.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Tuan Speaker. Soalan tambahan. Berkaitan dengan keperluan sekolah tersebut adalah kerana dari segi logistik dan juga dari segi trafik menyebabkan ada pembahagian keperluan sekolah tersebut dan perkara ini telah dimohon sejak tahun 2009 dan saya telah mendapat maklumat bahawa sebahagian lebih kurang 5 ekar tanah telah diambil dan sedang diwartakan. Jadi saya agak ingin penjelasan lanjut daripada EXCO.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN AHMAD: Kerajaan Negeri melalui JAIS mungkin akan melihat keperluan daripada segi jumlah mungkin pelajar-pelajar yang perlu untuk dididik di sekolah agama ini dan sekiranya kita melihat statistik menunjukkan keperluan untuk membina sekolah agama ini mungkin pembinaan sekolah rendah agama akan diambil tanggungjawab oleh Kerajaan Negeri.

TUAN SPEAKER : Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi dengan ini saya menangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

III. RANG UNDANG-UNDANG **Rang Undang-undang Perbekalan 2015**

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-undang Perbekalan 2015 semua peringkat.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian sekarang saya kemukakan Rang Undang-undang ini untuk dibahaskan. Saya persilakan Ketua Pembangkang Adun Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Terima kasih Tuan Speaker, *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1M saya mohon untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2015 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Pertama sekali izinkan saya mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Adun Bukit Antarabangsa yang telah dilantik sebagai Dato' Menteri Besar ke-15 pada 23 September 2014 oleh yang DYMM Sultan Selangor. Walaupun pelantikan tersebut di atas linangan air mata Kajang dan membawa kepada pemangkatan Adun Pelabuhan Klang daripada menjadi Ahli Parti Keadilan Rakyat yang akhirnya menyebabkan DUN Pelabuhan Klang hilang kerusi Menteri Besar Selangor. Setelah bergelumang dengan kemelut Politik dalam Pakatan Rakyat selama 9 bulan akhirnya Y.A.B. Adun Bukit Antarabangsa telah diberi mandat atas pelantikan Menteri Besar ini. Saya bagi pihak teman-teman saya sangat mengharapkan bahawa jangan bukan konflik yang telah melanda 9 bulan ini yang telah mengakibatkan rakyat, pembaziran wang, masa, tenaga dan juga tindakan yang akhirnya sia-sia sahaja.

Saya berharap isu ini dapatlah diuruskan sebaik-baiknya tanpa di masa akan datang "*lets gone by gones*" dengan izin. Seluruh lapisan rakyat negeri Selangor khususnya kami Ahli-ahli Dewan Negeri mempunyai harapan besar kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk menghormati mendukung dan seterusnya melaksanakan dengan berkesan semua ikrar aku janji jawatan Menteri Besar Selangor yang telah dilafazkan oleh Y.A.B. Bukit Antarabangsa di hadapan DYMM Sultan Selangor di istiadat angkat sumpah dan ikrar aku janji serta pengurniaan surat syarat Pelantikan Y.A.B. Dato' Menteri Besar pada 23 September 2014 di Istana Alam Shah, Klang. Terutamanya aku janji yang melibatkan kedudukan Institusi Raja Perlembagaan Agama Islam sebagai Agama Negeri hak istimewa orang-orang Melayu serta integriti Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Selangor. Bajet 2015 ini merupakan bajet pertama yang dibentangkan oleh Y.A.B. Adun Bukit Antarabangsa selepas 64 hari dilantik sebagai Menteri Besar Selangor. Kalau dahulu YAB semasa menjadi Pengerusi Kelab Penyokong Kerajaan agak kritikal dengan bajet yang dibentangkan oleh ADUN Pelabuhan Klang mantap Kerajaan Selangor sekarang tiba masanya Y.A.B. mengambil tanggungjawab mempertahankan bajet 2015. Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah membentangkan bajet 2015 bertemakan Pembangunan Berkualiti Rakyat dipedulikan. Kualiti adalah berkaitan dengan kecekapan, keberkesanan, inovasi, kreativiti penambahbaikan yang boleh meningkatkan produktiviti dan pengurusan dalam pentadbiran. Saya puji langkah Y.A.B. Dato' Menteri apabila membuat persembahan bajet mulakan "*screen yang transparent*" dengan izin sebagai salah satu penambahbaikan sesuai dengan Negeri Selangor yang telah maju. Sementara Y.A.B. Dato' Menteri Besar melangkah ke depan saya amat dukacita pengurusan pejabat Dewan pula seolah-olah kembali ke belakang. Apa yang saya maksudkan ialah dokumen-dokumen Dewan yang sepatutnya diberikan pada Ahli-ahli Dewan lebih awal tapi dalam Persidangan pertama Y.A.B. Dato' Menteri Besar dokumen-dokumen ini telah diserahkan begitu lewat sekali.

Saya hanya dapat mengambil dokumen tersebut pada hari Sabtu dan ada satu hari sahaja untuk menyemak begitu tebal dokumen-dokumen yang telah dikemukakan. Walau apa pun, alasan yang dikemukakan oleh Pejabat Dewan, saya sangat berharap Pejabat Dewan mengambil perhatian dan memandang serius supaya perkara yang saya bangkitkan ini tidak berulang demi mempertingkatkan kualiti pengurusan Pejabat Dewan.

Tuan Speaker, dalam tempoh suku pertama 2014 Malaysia telah mencatatkan kadar ekonomi yang telah memberangsangkan dengan kadar tumbuhan keluaran dalam negara yang kasar KDNK sebenar adalah pada kadar 6.2%. Malah pencapaian ini adalah lebih baik dibandingkan dengan negara jiran kita iaitu Thailand yang tumbuh dengan kadar negatif 0.5%, Filipina 5.6%, Singapura 4.8% dan Indonesia 5.2%. Prestasi dan pencapaian ini adalah hasil daripada langkah positif program transformasi Kerajaan Barisan Nasional yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2009 lagi. Selain daripada aktiviti ekonomi domestik yang kata cergas serta perdagangan luar yang bertambah baik keadaan ini turut disokong oleh asas-asas ekonomi yang mantap seperti paras simpanan domestik yang tinggi rizab antarabangsa yang kukuh, sistem pembangkang yang kukuh, kadar pengangguran yang rendah dan momentum kegiatan pelaburan yang terus lancar. Berdasarkan indeks keyakinan pelaburan langsung asing FDICI yang telah dikeluarkan oleh khidmat perunding pengurusan global, Global AT Kennel Malaysia kini berada di kedudukan ke-15 berbanding tempat ke-25 yang dicatatkan pada tahun 2013. Biarkan ini turut mencerminkan dengan peningkatan tertinggi pelaburan langsung asing sebanyak RM38.2 billion pada tahun 2013 berbanding dengan RM28.5 billion pada tahun 2012. Dengan pertambahan pertumbuhan ekonomi yang semakin kukuh negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang telah maju di negara ini sudah tentunya akan mendapat kesan limpahan daripada faedah ekonomi tersebut. Saya sangat berharap strategi dan langkah-langkah bajet 2015 akan dapat menarik lebih ramai lagi pelaburan bukan sahaja dari dalam negeri tetapi pelabur-pelabur daripada luar negeri.

Y.B. Tuan Speaker bajet yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar semalam melibatkan peruntukan kewangan besar dengan jumlah keseluruhan RM2.42 billion berbanding dengan tahun lalu sebanyak RM1.5 billion dengan pecahan RM1.28 billion atau pun 53.19% untuk belanja mengurus manakala RM1.13 billion atau pun 46.81% untuk belanja pembangunan. Namun begitu bajet mencatatkan defisit yang tertinggi dalam sejarah Negeri Selangor dengan nilai sebanyak RM450 juta sedangkan hasil negeri dianggarkan hanya berjumlah RM1.97 billion. Sebenarnya bajet defisit Kerajaan Negeri ini dilihat telah menjadi trend amalan pengurusan kewangan Kerajaan Pakatan Rakyat setiap tahun semenjak tahun 2009 lagi yang menyaksikan bajet pada tahun-tahun tersebut mencatat defisit RM120 juta ekuiti dengan RM194 juta pada tahun 2010, RM210 juta pada tahun 2011, RM197.1 juta pada tahun 2012 dan RM761.4 juta pada 2013. Setiap tahun Kerajaan Negeri memintakan bajet dengan memberikan alasan bajet negeri adalah

bajet berimbang, namun setiap tahun juga Kerajaan Negeri mengemukakan permohonan kepada Dewan Negeri untuk kelulusan peruntukan tambahan. Bagaimana pula dengan bajet 2015 ini, apakah benar-benar tiada peruntukan tambahan sebagaimana yang diucapkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Saya agak skeptikal tapi saya nak tengoklah janji-janji ini menjadi kenyataan.

Walaupun begitu saya ingin mengucapkan syabas kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar kerana berani membuat perubahan drastik di dalam Belanjawan Negeri daripada menyatakan perbelanjaan berimbang kepada terus terang menyatakan belanja defisit. Saya melihat bahawa dasar ini adalah realistik dan tidak perlu apologetik, hanya yang bukan kita ialah peratusnya terlalu tinggi 18% lebih. Kalau dibandingkan dengan bajet defisit di Kerajaan Persekutuan yang akan diturunkan daripada 3.5% pada tahun ini kepada 3% sahaja pada tahun 2015. Jika matlamat kutipan hasil negeri tidak tercapai atau gagal untuk menambah hasil negeri ini apalagi kalau ada peruntukan tambahan yang ini maka sudah tentu ia akan menjejaskan kewangan dan rizab Kerajaan Negeri dan saya ingin memberi peringatan bahawa sumber hasil yang besar daripada Kerajaan Negeri ialah daripada sumber hasil premium. Sumber hasil premium tanah ini adalah merupakan sumber hasil *one-off* bergantung kepada permohonan-permohonan untuk *conversion* dengan izin atau pun tukar syarat tanah dan apabila kita tidak lagi melakukan atau menerima permohonan-permohonan bertukar syarat maka sudah tentulah peruntukan hasil ini akan berturun.

Jadi, saya sangat mengharapkan suatu pengurusan urus tadbir yang baik bagi memastikan bahawa defisit ini akan dapat dikurangkan pada tahun-tahun hadapan bagi memastikan bahawa rakyat tidak akan menanggung beban daripada masalah kutipan hasil yang berkurangan. Saya juga ingin membangkitkan tentang beberapa strategi bajet Selangor 2015 yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar, yang pertama ialah mengenai membesarkan lapisan kelas menengah. Y.A.B. Dato' Menteri Besar telah menetapkan bahawa purata garis kemiskinan ataupun PGK kepada tahap RM1500.00 di Selangor, yang mana kalau mengikut pembentangan Y.A.B. Dato' Menteri Besar seramai 1.63 juta ataupun 30 peratus daripada 5.46 juta rakyat Negeri Selangor ketika ini berada di bawah garis kemiskinan sebagaimana terkandung dalam data perangkaan penduduk Negeri 2010. Kalau diikutkan dengan PGK Kebangsaan iaitu RM830.00 bagi isi rumah, Y.A.B. Dato' Menteri Besar menyatakan hanya 0.4 peratus ataupun 21,840 rakyat Negeri Selangor berada di dalam kategori miskin dan kalau kita mengambil pula dari segi kedudukan Negeri Selangor sebagai Negeri yang telah mencapai tahap perbandaran sebanyak lebih daripada 8 peratus, maka jumlah rakyat miskin di bandar lebih besar daripada rakyat miskin di luar bandar. Jika PGM RM menjadi *indicator* Kerajaan Negeri Selangor, mengapa persoalannya Kerajaan Negeri Selangor tidak melaksanakan dasar gaji minima di Selangor. Lebih-lebih lagi yang melibatkan kakitangan awam dan anak-anak syarikat Kerajaan Negeri, dalam bajet 2015, Y.A.B. Dato' Menteri Besar juga mengumumkan tambahan RM30 juta kepada

RM100 juta bagi memperkasakan pembiayaan Skim Mikro Kredit Selangor ataupun SKIMSEL dan program Mikro Kredit Miskin Bandar Mimbar berbanding sebelum ini sebanyak RM70 juta. Namun, saya ingin mendapat perincian keberhasilan yang telah dicapai melalui SKIMSEL dan Mimbar sebelum ini. Berapa banyak yang telah dibelanjakan, termasuk bilangan penerima-penerima yang telah berjaya ditingkatkan pendapatannya keluar daripada PGK tersebut. Kedua, mengenai menjana pertumbuhan berkualiti perumahan, dalam ucapan bajet Y.A.B. Dato' Menteri Besar menyebut Kerajaan Negeri menyasarkan sejumlah 15,000 unit Rumah Selangorku pelbagai jenis akan dibina dalam tempoh 3 tahun mulai daripada 2015 hingga 2017. Namun mengapa, sasaran perumahan di bawah program ini telah dikurangkan sebanyak 20,000 unit, sedangkan sebelum ini Kerajaan Negeri telah mengumumkan melalui kenyataan EXCO berkenaan dalam sidang DUN April 2014 bahawa Kerajaan Negeri menyasarkan pembinaan rumah-rumah tersebut di bawah program Selangorku sebanyak 30,000 unit yang turut melibatkan kerjasama dengan pemaju swasta menjelang tahun 2017. Mengapa sasaran ini dikurangkan?. Apakah Kerajaan Negeri ingin menutup kegagalan bahawa dalam tempoh tersebut belum dapat melaksanakan perumahan mampu milik sebagaimana disasarkan. Persoalan komitmen Kerajaan Negeri khususnya dalam menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat dilihat belum mencukupi untuk menampung keperluan rakyat khususnya dari golongan berpendapatan rendah dan sederhana. Negeri ini yang mana sebilangan besar daripada mereka masih menagih perhatian Kerajaan Negeri kerana untuk mendapatkan kediaman mereka. Umum tadi bahawa kos perumahan termasuk tanah di Selangor dilihat sebagai semakin meningkat setiap tahun yang mana purata kenaikan itu diunjurkan pada kadar 7 peratus berdasarkan hasil kajian yang dibuat oleh perunding hartanah CH William Talha dan Wong Sdn Bhd yang dilaporkan menerusi media pada tahun 2012. Bajet 2014 dilihat hampir setahun berlalu, namun apakah Kerajaan Negeri benar-benar menyediakan rumah mampu milik yang secukupnya kepada rakyat. Jika dilaksanakan berapakah jumlah rumah yang terkini yang telah disiapkan berbanding dengan sasaran yang ditetapkan dan berapakah *short fall* maklumat rumah yang boleh dilaksanakan pada tahun ini dan apakah rancangan membuat koreksi bagi memastikan bahawa sasaran ini. Sasaran *short fall* ini tidak akan membesar pada tahun-tahun mendatang. Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2010, jumlah penduduk Negeri Selangor direkodkan berjumlah seramai 54.5 juta orang yang merupakan tertinggi berbanding dengan negeri-negeri lain. Malah jumlah ini diramalkan akan meningkat mencecah kepada 7 juta pada tahun 2020 berikutan migrasi atau penghijrahan penduduk-penduduk daripada luar Selangor. Mengambil kira jangkaan pertambahan penduduk Selangor itu, ia sudah tentu memberi kesan kepada pertambahan penduduk daripada kumpulan yang berpendapatan RM1500.00 sebulan yang mana ia sekali gus mempengaruhi peningkatan permintaan terhadap perumahan mampu milik di Negeri ini. Jadi, bagaimana dengan sasaran Kerajaan sebelum ini yang mahu menyediakan 40,000 unit perumahan mampu milik yang secukupnya pada rakyat Selangor di bawah program Rumah Selangorku, dalam penjelasan EXCO Perumahan semalam juga telah menyebutkan bahawa pendaftaran permohonan

rumah mampu milik ini, pada masa ini telah melebihi sasaran iaitu berjumlah 70,000. Justeru itu, sasaran 40,000 unit ini hanyalah dilihat sebagai hipotesis semata-mata dan ini akan menunjukkan daripada segi persepsi bahawa Kerajaan Negeri Selangor prihatin dalam menyelesaikan masalah rumah mampu milik. Kita kena menerima hakikat, bahawa pertumbuhan penduduk dan juga permintaan perumahan yang ada di Negeri Selangor tidak dapat diselesaikan oleh Kerajaan Negeri tanpa sokongan daripada Kerajaan Pusat. Kerajaan Pusat memang diberi ke perhatian kepada masalah rumah mampu milik bagi golongan berpendapatan rendah dan ia mempunyai program projek di bawah projek Perumahan Rakyat 1Malaysia yang juga melaksanakan projek-projek seperti Rumah Selangorku di Selangor, Selangorku. Persoalannya, pendekatan penyelesaian rumah mampu milik hendaklah dibuat secara holistik dengan kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan melalui pelaksanaan kedua-dua projek mampu milik di Negeri Selangor bagi memenuhi sasaran permintaan yang ada di Negeri ini. Sekiranya kerjasama ini dapat dijalankan di antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat untuk membina lebih banyak rumah mampu milik ini. Saya yakin, percaya rakyat di Negeri Selangor ini akan dapat menikmati kemudahan tersebut dengan lebih cepat lagi. Oleh itu, saya mengharapkan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Selangor yang baru agar bersikap lebih terbuka untuk bekerjasama dan lebih *friendly* kepada Kerajaan Pusat bagi memberikan kemudahan-kemudahan yang sama...

Y.B. DATO' AMIRUDDIN BIN SETRO: Dengan izin.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Dengan izin..., minta maaf ya *friendly* dengan izin ya.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Mohon mencelah.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, Bukit Gasing minta mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Ya, ini saya habiskan ayat sikit, ayat itu tergantung. *Friendly* sikit ya, ok. Bersikap lebih terbuka untuk memberikan kemudahan-kemudahan yang sama sebagaimana kemudahan yang diberi kepada projek rumah mampu milik Selangorku seperti pengecualian tertentu, *fast track*, diskaun, penukaran tanah, pengecualian cukai tanah, pengurangan premium dari nilai tanah semasa, penambahan kepada *tending city* sehingga 125 unit sebagaimana dibentangkan dalam bajet pada hari ini. Ok, Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Antara cabaran dalam golongan muda sekarang untuk memiliki rumah kerana ramai berebut untuk memiliki rumah macam di kawasan bandar macam Petaling Jaya, Subang Jaya. Di tempat yang jauh sedikit, pengangkutan awam kita sangat tidak memuaskan. Kenapa Kerajaan Persekutuan tidak menambah baik pengangkutan awam di luar MRT supaya lebih

banyak kawasan perbandaran boleh dicapai dengan senang dan oleh itu, boleh menurunkan harga kos rumah untuk pemilik rumah generasi muda ini.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Terima kasih kepada Bukit Gasing ya. Kita kena menerima hakikat pada hari ini ya bahawa kawasan-kawasan di dalam bandar ataupun pusat bandar telah tepu ya dan telah pun orang kata dimajukan ya. Jadi, masalah untuk mendapatkan rumah-rumah yang berhampiran dengan tempat kerja pada hari ini adalah lebih mencabar. Saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan Persekutuan memang memberi perhatian kepada masalah orang kata pengangkutan di Negeri Selangor dengan memberikan tumpuan yang lebih besar Negeri Selangor dibandingkan dengan negeri-negeri lain ya..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku minta mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Saya tak jawab lagi nanti ya. Saya selesaikan jawapan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Nanti lagi.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Dia nak minta tu. Apakah Kerajaan apa ini Persekutuan ya tidak mengambil langkah-langkah untuk memudahkan pembinaan LRT ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya tunggu, Ketua Pembangkang habiskan ayat terakhir.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Di peringkat pertama, pembinaan kemudahan-kemudahan LRT tapi ini sekarang untuknya menyelesaikan masalah kemudahan pengangkutan yang ada dan ini pun sudah melibatkan perbelanjaan yang besar. Kemudian beberapa apa ini rangkaian 5 projek mega infrastruktur lebuh raya juga telah dibina di Negeri Selangor ya untuk tidak lain dan tidak bukan adalah untuk memastikan penguraian sistem pengangkutan yang boleh memudahkan apa laluan kepada terutamanya rakyat di Lembah Klang termasuk Selangor dan Wilayah Persekutuan. Jadi, sudah dilakukan ya dan kalau Kerajaan Negeri memberikan kerjasama di antaranya bagi memudahkan...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tuan Speaker.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Tuan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, dua orang minta laluan ni.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Maka, ia akan memudahkan lagi ya penyiapan projek-projek.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Nak minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tetapi kalau sentiasa..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong 2 orang dah bangun ini. Nak benarkan atau tak.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Saya nak habiskan lagi jawapan itu lah.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan, panjangnya.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Nanti kalau tak puas hati dengan jawapan tu, duduk dulu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Gasing dengan Kampung Tunku duduk dulu.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Duduk dulu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Boleh pendekkan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Kita kena tertib dalam dewan ini ya, saya cuba menjadi Ketua Pembangkang yang tertib ya. Jadi kita eloklah jangan apa orang kata jadilah yang baik contohlah. Tunjuk pada Menteri Besar yang baru. Jadi dengan ada kemudahan tersebut ya kalau dibantu dengan Kerajaan Negeri Selangor, kalau dibantah ya macam pelaksanaan *highway KIDEX* itu ya. Ini akan melewatkan dan kita tahu daripada segi kualiti, *value of money* ya lagi kita lewatkan projek ini seperti Projek Langat, projek air Langat, pembinaan loji Langat II ia akan meningkatkan kos dan *cost is not free* dengan izin. Ok.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bagi siapa? Nak bagi siapa ini Kampung Tunku ke Bukit Gasing?.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Kampung Tunku.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih. Y.B. Ketua Pembangkang menyebut tentang *friendly*, saya kira apa yang berlaku sekarang ialah masalah sebaliknya kerana Kerajaan Negeri memang *friendly* dan bersedia untuk ber *friendly* dengan Kerajaan Persekutuan, tapi apa yang berlaku Kerajaan Persekutuan tidak ingin ataupun tidak sanggup melakukan perkara yang sama ber *friendly* balik dengan Kerajaan Negeri. Lihat, kita ber *friendly* dengan Persekutuan Barisan Nasional sehingga kita beri peruntukan sebanyak RM200,000.00 kepada pembangkang, tetapi apa yang kita dapat dari Parlimen di peringkat persekutuan. Ini yang pertama, yang kedua ialah saya ingin menyentuh, dulu memang tidak ada *consultation*.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Minta penjelasan ya. Kena ikut peraturan juga lah. Nak berbahas kemudian. Ada lepas saya habis. Nanti masa saya nanti akan di apa ya?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tanya soalan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok. Soalan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Jadi dulu tidak ada peruntukan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tak, soalnya apa? Tak *friendly* ke kerajaan persekutuan ya?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Cara Kerajaan Negeri tidak ber *friendly* dengan kerajaan persekutuan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, sekejap. Kampung Tunku soalnya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ialah dulu jarang ada. Sekarang memang ada. Kerajaan persekutuan biasanya datang berjumpa dengan

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Tolong nasihatkan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: PBT dan Kerajaan Negeri. Tetapi apa yang berlaku ialah mereka hanya datang pada saat-saat terakhir (saat-saat mereka hendak mengambil tanah baru minta nak jumpa Kerajaan Negeri).

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok. Kampung Tunku pendekkan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Pendek. Ya. Soalan saya satu sahaja. Adakah ini cara kerajaan persekutuan nak ber *friendly* dengan Kerajaan Negeri? Saya rasa ini bukan caranya. Apa pendapat Y.B. Ketua Pembangkang?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Ok. Terima kasih. Saya nak ucapkan tahniah kepada Tuan Timbalan Speaker yang baru. Saya harap kena adil lah ya (sama-sama) untuk kebaikan Dewan kita ya (walaupun kita tak mengundi). Ok. Menang juga. Kalau kita nak kata, bolehlah kata. Kata kerajaan persekutuan tak *friendly*, kerajaan persekutuan (saya boleh bagi contoh). Itu fakta. Itu fakta yang baru saja. Hari ini kita tak tahu sama ada apa reaksi *friendly* / tak *friendly*. Belum ada respons lagi. Ini baru cadangan daripada Y.A.B. Dato' Menteri Besar nak offer RM200k (dengan izin). Itu saja. Kita pun belum kata kita tak *friendly*. Atas asas apa jawapan yang akan diberikan? Tapi bagilah fakta yang lebih baik. Contoh-contoh mana yang tak *friendly* ni? Saya boleh beri contoh kerajaan yang tak *friendly*. Pelaksanaan kompleks LKIM di Kuala Selangor.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Dengkil bangkit. Dengkil bangun.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: ADUN Permatang boleh mengesahkannya. Sungai Panjang pun boleh mengesahkan sistem takungan air yang dikenakan syarat-syarat yang ketat. Kerajaan persekutuan ingin menjalankan projek ini

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta laluan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, dua orang bangun. Dengkil dan juga Sekinchan. Bagaimana?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Ok. Boleh-boleh. Saya nak habiskan ayat saya sikit ya. Ini kolam takungan di Sungai Panjang yang dikenakan syarat-syarat yang ketat (pembinaan, permohonan projek-projek 1MDB) sekurang-kurangnya saya bagi tiga contohlah. Kampung Tunku bagi contoh tak ada lagi. Ok. Dengkil ya? Boleh.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dengkil, sila.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Y.B. Sungai Burong (sahabat saya) berkaitan dengan soalan daripada Kampung Tunku tadi lari daripada tajuk. Bukit Gasing tanya pasal pengangkutan awam, tiba-tiba dah menyimpang kepada hal lain. Pasal pengangkutan awam ni nak tahu *friendly* ke tidak kerajaan persekutuan ni (Lebuhraya Sungai Besi – Ulu Kelang RM5.3billion, Lebuhraya Pantai Barat Taiping – Banting RM5billion (276km), Lebuhraya Damansara – Shah Alam)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dengkil, nak bahas ke nak

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Semua di Selangor

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dengkil, Dengkil, Dengkil. Nak bahas ke nak ulasan ni?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: RM4.2 billion. Saya nak tanya ni. RM4.2billion membina Lingkaran Luar Kuala Lumpur Hubungan Timur. Kemudian selain daripada itu, MRT Lingkaran Kedua Jajaran Kedua dari Selayang ke Putrajaya (56km) RM23billion. Apa lagi? LRT 3 juga akan diadakan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok. Ok. Ok Dengkil. Soalan dia?

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya nak tanya kepada Sungai Burong, adakah ini Kerajaan Persekutuan tidak *friendly* kepada Kerajaan Negeri?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok. Sila Sungai Burong.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Mohon mencelah.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Ok. Terima kasihlah Tuan Speaker ya. Dia adil tadi. Dia bagi bukan orang tu berlegar-legar, ini pun dia bagi berlegar-legar juga.

Tapi saya setuju lah ya. Sebenarnya saya setuju lah ya. Kerajaan Persekutuan telah (*friendly* nya Kerajaan Persekutuan ya) dalam tahun ini kalau katakan projek-projek pembangunan yang diberikan kepada Negeri Selangor berjumlah RM4.85 billion melebihi daripada RM600 million projek yang akan dilaksanakan oleh kerajaan di bawah pimpinan Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Ini tak masuk sumbangan ya. Sumbangan yang diperuntukkan oleh peruntukan undang-undang di bawah perlembagaan termasuklah Jalan MARRIS ini jumlahnya sebanyak RM800.1juta

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, dua orang bangkit ni.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: RM835.4 juta pada tahun 2015.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, dua orang bangkit. Bukit Gasing dengan Kampung Tunku.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Sekinchan. Bagi Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Oh, dia bagi Sekinchan ya? Terima kasih. Terima kasih. Dia bagi Sekinchan. Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Nampaknya Ketua Pembangkang pagi ini dia agak *friendly* sikitlah dengan gayanya dia agak *friendly* sikit. Tapi saya nak tanya tentang mengatakan jeti LKIM Kuala Selangor *friendly* daripada projek kerajaan persekutuan. Tapi masalahnya projek itu *value for money* atau tidak? Sampai hari ini (dah 5 tahun) saya nampak siap 3-4 tahun dah jeti tinggal jeti, tapi tak nampak bot mengangkut hasil laut ke situ. Apakah itu perancangan yang rapi daripada kerajaan pusat? Minta penjelasan daripada Y.B. Ketua Pembangkang yang *friendly* (kononnya).

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Saya sebenarnya nak ajaklah Sekinchan. Kita balik selalu sama lah. Kita singgah kat situ ada Restoran De Coral, ada Pejabat LKIM yang digunakan bukan saja oleh Pejabat LKIM tetapi untuk kegunaan (orang kata) penduduk-penduduk / rakyat di kawasan sekitar dan ada satu bot penguatkuasaan di situ. Bot besar ya. Memang marin ni memang satu tapi kuasa tinggi ya. Itu memang ada kat situ. Jadi, apa pula yang kata tak *friendly* ya?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tambah sikit boleh?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Jadi saya dah jawablah. Nanti boleh bahaslah. Itu cerita lain. *Value for money* (itu cerita dalam perbahasan boleh bangkitkanlah). Saya, tadi kita terpesong sikit. Jadi, kita teruslah kepada strategi-strategi Y.A.B. Dato' Menteri Besar dalam Pembentangan Bajet 2015 ini.

Yang ketiganya ialah tentang pembangunan kejurangan hijau. Saya amat bersetuju dengan cadangan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk mengambil iktibar dari kejadian tanah runtuh yang berlaku di Cameron Highland baru-baru ini. Namun begitu, saya juga ingin mengingatkan kepada pihak Kerajaan Negeri akan kejadian-kejadian tanah runtuh yang berlaku di negeri Selangor seperti kejadian tanah runtuh di apartmen Teratai, Taman Bunga Raya Bukit Beruntung pada bulan Oktober yang lalu yang mana Y.A.B. Dato' Menteri Besar pun telah menerjah turun ke padang ke kawasan tersebut dan mengakui bahawa kurangnya penyelenggaraan terhadap lereng-lereng bukit merupakan salah satu punca berlaku kejadian tanah runtuh ini.

Selain itu, terdapat beberapa kejadian-kejadian tanah runtuh yang meragut nyawa yang pernah berlaku di Negeri Selangor seperti kejadian tanah runtuh yang memusnahkan kilang perabot Kampung Baru Subang pada bulan Mei 2014 yang lalu, kejadian tanah runtuh di Highland Tower pada tahun 2008 dan 2011 perlu diambil iktibar akan kejadian yang sama tidak berulang.

Benarlah seperti firman Allah SWT dalam Surah Ar-Rum ayat 41 bahawa “*zaharal fasadu fil barri wal bahri bima kasabat aidinnasi..*”

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tuan Speaker.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: *liyuziqahum ba'dal lazi amilu la'allahum yarji'un*”.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Seri Andalas.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: “Telah kelihatan kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian daripada balasan perbuatan buruk yang mereka telah lakukan supaya mereka kembali insaf”.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Seri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Ada soalan saja. Soalan saja.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: seolah-olah sama yang dilafazkan oleh Y.A.B Dato' Menteri Besar.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Sungai Burong kena jawab. Ada soalan saja. Soalan saja.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Ya. Boleh. Sebab *you*

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Sebab tadi Sungai Burong bagi fakta-fakta yang katakan tanah runtuh di dalam Bukit Beruntong dan juga Highland Tower dan sebagainya. Bolehkah beritahu saya (Dewan ini), bila pembinaan-pembinaan ini dimulakan? Tahun apa pembinaan ini dimulakan di atas tanah-tanah itu dalam tempat-tempat yang dikatakan oleh Sungai Burong?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Yang ini saya tak boleh jawab sebab isunya ialah tentang kerosakan yang dibuat oleh manusia yang berlaku di negeri Selangor ini yang kita perlu mengambil pengajarannya. Dan saya ingin mengesyorkan selain daripada langkah-langkah untuk melaksanakan pembangunan kejuruan hijau demi menjamin kelestarian alam semula jadi dan juga usaha memulihara alam sekitar serta sumber dan warisan semula jadi negeri Selangor, langkah-langkah tindakan tegas perlu diambil oleh pihak berkuasa berkaitan untuk mengawal dan menyelenggara kawasan-kawasan yang dibangunkan terutamanya di kawasan cerun-cerun tinggi serta memastikan sistem perparitan yang sempurna

supaya mengelakkan daripada kejadian tanah runtuh daripada berulang lagi. Seperti kata pepatah 'mencegah itu lebih baik daripada mengubati'.

Saya juga ingin mencadangkan agar satu kajian dibuat oleh Kerajaan Negeri dengan mengenal pasti kawasan-kawasan tinggi yang berisiko untuk berlakunya kejadian runtuh lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan yang melibatkan penempatan dan industri.

Oleh itu, saya juga ingin mengesyorkan ditubuhkan pasukan khas untuk memantau lereng-lereng bukit berisiko tinggi yang terdiri daripada pakar-pakar sama ada daripada JKR, JPS, PBT, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Geologi dan jabatan-jabatan teknikal lain serta pihak-pihak yang berkepakaran sama ada pihak perunding dari luar untuk membuat laporan-laporan yang mestilah dibentangkan dalam bentuk berkala seperti tiga bulan sekali.

Tuan Timbalan Speaker,

Isu banjir di Selangor. Semenjak pengambilan pentadbiran Selangor pada tahun 2008, Kerajaan Negeri (Pakatan Rakyat) dilihat masih kurang peka dengan permasalahan yang dihadapi oleh rakyat setiap kali berhadapan dengan masalah banjir kilat yang melanda beberapa daerah di negeri ini. Baru-baru ini saja beberapa daerah seperti Klang, Kajang, termasuk Rawang dan Shah Alam dilanda banjir kilat yang mana kejadian ini sentiasa menghantui penduduk di kawasan berkenaan setiap kali kejadian hujan lebat berlaku.

Mengapa masalah banjir ini terus terjadi? Sedangkan Kerajaan Negeri sebelum ini telah mengumumkan berbagai-bagai langkah dan juga menyediakan peruntukan untuk penyelesaian masalah berkenaan. Mana perginya peruntukan-peruntukan tersebut? Dan apakah tindakan-tindakan peruntukan-peruntukan tersebut yang telah diumumkan selama ini? Dan apakah tindakan-tindakan yang berkesan yang boleh dilihat dapat menyelesaikan masalah-masalah tersebut? Adakah ianya sekadar pengumuman semata-mata atau kemungkinan wujudnya masalah-masalah seperti penyalahgunaan kuasa dalam peruntukan tersebut. Sebagai contoh Kerajaan Negeri pada 13 November 2013 dalam laman web Selangorku membuat satu pengumuman dengan memperuntukkan RM12.4 juta untuk melaksanakan kerja-kerja tebatan banjir termasuk menaik taraf sistem pengairan di kawasan daerah Klang yang melibatkan 5 projek tersebut termasuklah peruntukan tambahan sebanyak RM25.5 juta daripada kerajaan persekutuan.

Jumlah peruntukan ini tidak termasuk agihan peruntukan sebanyak RM388juta menerusi Bajet Negeri Selangor 2014 yang melibatkan infrastruktur di negeri. Bagaimana segala pengumuman peruntukan yang disalurkan untuk mengatasi masalah banjir, dia seolah-olah tidak memberikan kesan yang berkesan

memandangkan kejadian serupa ini didapati terus berlaku di beberapa daerah di Selangor.

Mesin judi haram. Di sebalik gelaran sebagai sebuah negeri maju di Malaysia, namun Selangor dilihat sinonim dengan pelbagai pusat kegiatan haram di negeri ini khususnya yang melibatkan aktiviti-aktiviti mesin judi. Kegiatan tersebut dilaporkan semakin hari semakin berkembang seolah-olah tanpa adanya sebarang pengawalan. Isu pusat judi haram sering kali menghiasi laporan-laporan di dada akhbar dan juga di media dikatakan boleh dikatakan setiap saban hari kegiatan tersebut dibanteras oleh pihak berkuasa. Namun, usaha ini masih dilihat tidak mampu menangani sepenuhnya bahkan tidak mampu untuk menyekat kegiatan-kegiatan dari terus bertapak di Selangor. Bagaimana kita dapati pola pembanterasannya judi haram di Selangor ini kebanyakannya dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Keselamatan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan juga peranan yang dimainkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dalam menangani kegiatan tersebut.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), antara kawasan yang dikategorikan sebagai *hot spot* kepada kegiatan judi haram ini lebih banyak di daerah (lebih banyak dikesan di kawasan di daerah) Klang dan Petaling Jaya berdasarkan kepada operasi pencegahan yang dilakukan oleh pihak berkuasa berkenaan. Persoalannya, di manakah tanggungjawab Kerajaan Negeri dalam menangani kegiatan tersebut? Adakah kita harus berlepas tangan ataupun menyerahkan bulat-bulat perkara ini kepada pihak PDRM?

Pada masa yang sama peranan PBT khususnya di peringkat ahli-ahli majlis turut kita persoalkan bagi memastikan kegiatan ini tidak berkembang di Selangor. Ini perlu diambil tindakan oleh Kerajaan Negeri dan saya mohon penjelasan tentang apakah langkah-langkah / tindakan-tindakan yang patut dan perlu dibuat untuk memastikan bahawa kegiatan seperti ini dapat disekat.

Dalam membicarakan persoalan pencegahan pembanterasannya kegiatan judi haram ini ialah saya juga mohon Kerajaan Negeri memberikan penjelasan mengenai rancangan untuk menggubal undang-undang ataupun enakmen yang lebih ketat bagi menangani masalah mesin judi yang menggunakan komputer terutamanya di kafe siber sebagaimana telah dinyatakan oleh EXCO Kerajaan Negeri pada Sidang DUN 21 November 2013. Setakat ini, rancangan ini masih belum nampak kenyataannya apatah lagi ia belum lagi dibentangkan ataupun dibahaskan dalam Dewan Undangan Negeri ini untuk pengesahan sehingga hari ini.

Tuan Timbalan Speaker,

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar yang telah begitu prihatin menjalankan Program Terjah dengan kempen besar-besaran untuk membersihkan longkang-longkang dan perparitan dalam usaha menangani masalah

denggi yang serius. Malang sekali bagi negeri Selangor merupakan sebuah negeri maju yang menjadi penyumbang terbesar kepada kes Aedes yang sangat tinggi sebagaimana yang telah dijelaskan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar iaitu 44,997 kes dan juga sehingga kini menyebabkan kematian (kes kematian berjumlah 66 serta 92 *hot spot locality* wabak denggi).

Barangkali kerana kesibukan kemelut politik dalaman yang berlaku di negeri Selangor ini selama 9 bulan. Jadi, perkara ini menjadi terlepas pandang dan hari ini Y.A.B. Dato' Menteri Besar setelah menjadi Menteri Besar mengambil tindakan drastik untuk membersihkan sistem perparitan dan longkang-longkang melalui Kempen Terjah dan Turun ke Padang. Dan saya dimaklumkan dalam tempoh sehingga hari ini bahawa masalah sampah di dalam parit hendaklah perlu dibersihkan. Saya pun dah tengok gambar Y.A.B. Dato' Menteri Besar turun dalam longkang. Tapi yang lain dok tengok saja dalam longkang. Saya harap perkara ini hendaklah dicontohi oleh EXCO-EXCO yang lain dan juga pemimpin-pemimpin yang lain. Kalau Y.A.B. Dato' Menteri Besar turun, patutnya yang lain-lain pun turun lagi cepat / lagi dalamlah masuk dalam parit. Kalau Y.A.B. Dato' Menteri Besar sampai air di lutut, yang lain-lain tu sampai ke pahalalah.

Y.B. TUAN Ir. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Celahan. Celahan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Ini satu apa ini kepimpinan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Tanjung Sepat.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: melalui teladan yang perlu kita contohi. Saya menyokong usaha ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tanjung Sepat, Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Cuma saya sangat berharap jangan kempen ini hanya pada mula-mula saja. Saya harap dengan ikhlas, walaupun dulu semasa jadi DUN kurangnya saya tengok ya. Tak pernah tengok lagi Y.B. Bukit Antarabangsa turun dalam longkang. Tetapi hari ini, sebagai amanah dan tanggungjawab sebagai Menteri Besar sanggup turun menjadi contoh menjalankan Program Terjah dan Turun ke Padang Gotong-Royong ini yang sepatutnya kita contohi. Dan sehingga satu masa apabila bukan saja di peringkat EXCO tetapi di peringkat ketua-ketua jabatan dan juga anggota-anggota perkhidmatan telah mempunyai sikap yang positif untuk responsif dan prihatin kepada persoalan *sense of urgency* (dengan izin) untuk menyelesaikan masalah-masalah yang seperti ini. *Insyaa-Allah*. Boleh tengok FB sayalah ya. Boleh tengoklah ya.

Tuan Speaker,

Saya ingin juga membangkitkan beberapa perkara tentang program-program janji-janji pilihan raya yang dilaksanakan oleh pentadbiran yang dahulu. Ada beberapa perkara yang masih (orang kata) sampai sekarang ini belum nampak bayang lagi yang telah pun sering dinyatakan dalam (orang kata) sidang-sidang DUN mahupun di luar Dewan ini. Saya tidak mahu menyentuh banyak perkara dalam janji-janji pilihan raya yang belum lagi terlunas walaupun janji pilihan raya ini bukanlah satu perkara yang wajib ditunaikan. Tapi, ada beberapa dasar yang saya ingin melihat sama ada Y.A.B. Dato' Menteri Besar yang baru akan meneruskan dasar lama ini ataupun mengubah ataupun membatalkannya.

Yang pertama sekali ialah satu projek besar iaitu yang disebut sebagai Projek Rangsangan Ekonomi Selangor iaitu kombinasi satu projek jangka panjang bagi menarik pelaburan berjumlah RM50 billion dan mencipta sekitar (mewujudkan sekitar) 150,000 peluang pekerjaan termasuk Projek Pemuliharaan Sungai Klang. Projek Rangsangan Ekonomi atau yang dikenali sebagai PRES ini telah mendapat publisiti yang amat besar pada masa pelancarannya 23 Mac 2009. Tetapi, pelaksanaannya tidak serius. Apakah kemajuan projek pemuliharaan Sungai Klang yang dah telah diperuntukkan sebanyak RM2billion dalam pelaksanaan 2-3 tahun. RM1billion untuk pembersihan Sungai Klang dan RM1billion lagi untuk pembangunan. Bagaimana prestasi 4 syarikat yang telah dipilih sendiri pada masa itu tanpa melalui proses tender terbuka untuk melaksanakan projek tersebut. Daripada peruntukan RM2billion, apakah kemajuan yang telah dicapai dari segi fizikal dan kewangan? Bagaimana dengan *integrity packs* seperti yang dicadangkan oleh Presiden Transparency International Malaysia?

Yang jelas saya lihat Kerajaan Negeri (Kerajaan Pakatan Rakyat) tidak serius mengutamakan projek ini. Hanya peruntukan nominal sebanyak RM10,000 disediakan dalam bajet 2012, 2013, 2014 dan masih ada lagi wujud dalam bajet 2015 peruntukan nominal RM10 sahaja. Adakah Kerajaan Negeri benar-benar serius untuk meneruskan projek ini yang dilancarkan pada bulan Mac 2009 yang sudah lewat (begitu lama sekali) projek belum bermula. Saya ingin mengesyorkan kalau kita tidak serius dan tidak mempunyai peruntukan, lebih baik kita batalkan saja projek ini. Janganlah kita nanti mengaburi mata rakyat tentang cadangan projek ini yang tidak boleh menjadi kenyataan.

Tuan Speaker,

Saya ingin membangkitkan di dalam Dewan ini kedudukan peranan 'Ketum' sebagai Penasihat Ekonomi Negeri Selangor. Saya ingin membangkitkan ini kerana pada 22 September 2014, Kerajaan Negeri melalui Eksekutif MBI telah mengarahkan supaya Pejabat Ekonomi Selangor ditutup untuk mengurangkan kos perbelanjaan. Lagipun jawatan tersebut tidak lagi diperlukan kerana tugas-tugas menggalakkan pelaburan

telah diserahkan kepada SSIC dahulu (sekarang ini dikenali sebagai satu syarikat yang baru). Walaupun begitu, jawatan ini masih dikekalkan oleh Y.A.B. Menteri Besar yang baru melalui kenyataan akhbar pada 1 Oktober 2014 “sebenarnya keputusan EXCO pada 22 September 2014 hanya untuk menutup pejabat dan bukan untuk menamatkan perkhidmatan Penasihat Ekonomi Selangor”, ini kenyataan yang dibuat.

Sebenarnya saya telah membangkitkan perkara ini dengan panjang lebar dengan mesyuarat-mesyuarat DUN yang lalu. Kami (ADUN-ADUN Barisan Nasional) berpendapat bahawa jawatan tersebut sebenarnya tidak perlu dan mencadangkan supaya Pejabat Penasihat Ekonomi Selangor ini ditutup atas sebab-sebab yang sama seperti diputuskan oleh kerajaan dahulu. Saya ingin tegaskan lagi bahawa jawatan tersebut tidak perlu diwujudkan. Ia membazirkan wang rakyat, lagipun dalam tempoh 6 tahun yang lalu tidak banyak yang telah dibuat oleh Penasihat Ekonomi Selangor walaupun banyaklah yang telah digembar-gemburkan dari segi menggalakkan pelaburan dan juga perancangan pemantauan projek-projek pembangunan ekonomi Selangor serta kawalan aktiviti pentadbiran negeri Selangor pada keseluruhannya. Yang jelas pada kita ialah jawatan tersebut digunakan untuk rangkaian kegiatan politik. Itu pun tidak berkesan dan gagal untuk menyelesaikan masalah politik di negeri Selangor termasuk masalah dalaman PKR itu sendiri.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker.

Y.B. DATO’ HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Kemelut politik Selangor dengan Kajang

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO’ HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: yang diikuti dengan masalah pelantikan MB. saya habiskan ayat ya?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Anggerik, Kota Anggerik.

Y.B. DATO’ HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Selangor yang baru.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Nak bagi laluan ke Sungai Burong?

Y.B. DATO’ HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Saya habiskan ayat saya yang tak habis.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tunggu habis kejawab.

Y.B. DATO’ HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tergantung. Diikuti dengan masalah pelantikan Menteri Besar yang baru sebenarnya ialah angkara

Penasihat Ekonomi Selangor. Janganlah dijadikan negeri Selangor ini sebagai medan agenda politik untuk ke Putrajaya. Jangan gunakan kemudahan jawatan tersebut untuk agenda parti dan peribadi walaupun ia kuasa mutlak Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk mengekalkan jawatan tersebut. Saya harap Y.A.B. Dato' Menteri Besar mesti mengambil kira tentang *silent majority* (dengan izin) Selangor yang tidak mahukan jawatan Penasihat Ekonomi Selangor ini diwujudkan di Selangor terutamanya kerana tindak-tanduk yang telah dilakukan hanya...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta penjelasan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Menimbulkan krisis dan kemelut yang gagal dan sia-sia.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Kota Anggerik minta, Seri Andalas minta, Sekinchan minta.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Kota Anggerik.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Anggerik, silakan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, Ketua Pembangkang patut faham jawatan Penasihat Ekonomi itu diluluskan dalam Dewan ini. Dan Dewan ini memutuskan keputusan tersebut. Bukankah Sungai Burong sedar berapa banyak perancangan politik yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan di negeri Selangor? Seperti JKP, yang terbaru JKK (apa? JKKKP)? Jadi dan pelantikan-pelantikan yang lain. Kenapa bila Kerajaan Persekutuan membuat rancangan politik untuk meneruskan *survive* UMNO di negeri Selangor, Sungai Burong diam? Tetapi hanya satu pelantikan yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri, Sungai Burong bangkitkan dalam Dewan ini?

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Sebenarnya lebih kurang lah janganlah apa Ketua Pembangkang sebut-sebut ya. Saya pun nasihatlah. Tapi ini telah dibangkitkan dalam mesyuarat lepas pun isu ini. Apa yang berlaku di Negeri Selangor dengan tindak tanduk Ketum menjadi penasihat ekonomi Selangor ini membuat langkah Kajang yang sia-sia, yang melantik dirinya menjadi Menteri Besar, kemudian melantik pula ya presiden pula untuk bertanding di Kajang dan kemudian hendak melantik juga presiden itu menjadi Menteri Besar. Kalau lah dikata berjaya hari ini kita tak dapat Yang Amat Berhormat Menteri Besar baru duduk di sini. Itu adalah hakikat dan fakta berbulan-bulan kemelut di Negeri Selangor ini. Sidang dewan ini juga terpaksa tertangguh dan kita tertunggu-tunggu bila bajet di adakan. Tidak boleh lah dipersalahkan apa yang berlaku di Negeri Selangor.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Satu persoalan yang sangat jelas dan sangat *simple*. Tanya sikit.

TUAN SPEAKER: Nak bagi Kg. Tunku.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Saya nak habiskan ya. Saya nak habiskan dulu. Cukup-cukuplah. Satu tadi saya sebut *let by gone be gone* lah dengan izin ya. Sudahlah. Cara baru, walau pun ini kuasa dia dan sebagainya, saya ingin cadangkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, berilah pertimbangan yang serius pada kali ini kecuali Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar takut dengan ketum. Ketua Umum ya PKR ini. Saya kata kalau dicabar tu, cabarlah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sg. Burong, Kampung Tunku minta laluan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan pertama Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Ketua Umum ke Ketum. Ketum itu saya tahu setakat pemahaman saya ada maksudnya yang lain, jadi saya minta penjelasan. Ini yang pertama. Yang kedua, soalan yang kedua, pendek juga, Yang Berhormat Ketua Pembangkang mempertikaikan jawatan Penasihat Ekonomi ini. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sekiranya logik Yang Berhormat itu benar adakah Yang Berhormat juga akan menasihati Kerajaan Persekutuan menamatkan kontrak semua konsultan di bawah syarikat 1MDB yang menyebabkan syarikat ini dan juga Kerajaan Persekutuan rugi setiap tahun. Adakah ini juga akan di bercadangkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sg. Burong, bagi istilah yang baguslah, yang elok didengar.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Alah dah tahu dah tak payah nak cakap ya. Pada saya Ketum ini ianya Ketua Umum PKR. Saya tidak ada maksud yang lain. Itu K.E.T.U.M. saya tiada istilah lain. Kalau ada fikiran-fikiran yang prasangka buruk fakir dan yang herot berot itu, itu fikiran jahat tu, Itu saya tak tahu saya tak masuk campur. Nanti saya.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sebab lepas kata Ketum ketawa, makna ada niat jahat.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Hai, ketawa.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kenapa Sg. Burong ketawa bila sebut ketum tadi.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Saya ketawa setiap masa. Tanya kawan-kawan kita sama-sama, kita minum teh. Saya tiada niat jahat. Saya kata KETUM Ketua Umum bukan niat jahat. Itu jahat ke. Masa dah habis dah tak ada sebut lagi. Ok.

Yang Kedua, yang kedua itu cadangkanlah ya. Boleh rujuk kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang dia jua ahli Parlimen dan beberapa ahli Parlimen yang lainnya yang mewakili Negeri Selangor ini bolehlah dibangkitkan cara bagaimana pun nak bantai ke terpulanglah. Ok.

Boleh saya teruskan ya. Saya suka membangkitkan tentang kerjasama antara kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ya. Selangor merupakan sebuah negeri yang termaju di Malaysia dan telah banyak memberikan sumbangan kepada pembangunan Negara dan menyumbangkan hamper dua puluh lima peratus daripada keluaran dalam Negara kasar KDNK. Dengan penduduk, kita akui perkara yang benar ya. Tiada masalah. Dengan penduduk seramai lebih 5.6 juta orang di mana lebih 90 peratusnya atau lebih berapa peratusnya tinggal di kawasan Bandar. Selangor berhadapan dengan cabaran besar, pengurusan masyarakat Bandar yang majmuk. Walau bagaimana pun kerajaan Pakatan Rakyat ini bersyukur kerana kita diwarisi oleh satu kedudukan yang baik di mana kita telah mencapai tahap negeri maju. Pertama dalam kerangka membangunkan negeri Selangor sebagai sebuah negeri yang berasaskan kepada industri dan berasaskan kepada perindustrian. Bagaimana pentingnya negeri Selangor bangun kepada pembangunan Negara, Kerajaan Persekutuan telah pun memberikan peruntukan yang besar dalam bentuk sumbangan yang ini bajet di segi perlembagaan, seperti penyelenggaraan jalan yang dikenali sebagai MARRIS, pembangunan infrastruktur dan peruntukan yang disalurkan melalui kementerian-kementerian. Dalam dari segi pemberian, kerajaan persekutuan telah memberikan peruntukan RM 1 juta dalam tahun 2014 dan dalam tahun 2015 berjumlah RM 8053.4 juta dari segi projek-projek pembangunan dalam *Rolling Plan* 4 RM Ke 10, Kerajaan Negeri Selangor telah memperoleh peruntukan berjumlah RM4,869.468.778 melibatkan 246 projek ya. Sebagai kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab kepada rakyat Malaysia, di seluruh Negara tanpa mengira fahaman politik dan kepartian sesuatu Kerajaan Negeri, Kerajaan Barisan Nasional di peringkat persekutuan akan terus memberikan peruntukan kewangan bukan sahaja ditetapkan oleh perlembagaan persekutuan, jika difikirkan perlu demi kepentingan bersama rakyat negeri Selangor dan Persekutuan. Bagi memastikan kejayaan projek-projek tersebut, saya sangat mengharapkan Kerajaan Negeri Selangor di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang baru, berikan kerjasama yang erat kepada Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensinya dan janganlah kita politikkan projek-projek sengaja dilewat-lewatkan tanpa sebab-sebab yang munasabah ataupun digunakan di saat-saat yang boleh mengekang agensi ataupun jabatan-jabatan berkenaan melaksanakan projek-projek itu mengikut jadual secara berkesan. Sebarang kelewatan sudah barang tentulah akan menekankan kos yang tinggi dan sebenarnya merugikan rakyat. Jika terdapat

sebarang perbezaan dan percanggahan di antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan, rundinglah secara terbuka, secara jujur, ikhlas demi kepentingan bersama. Saya ingin memberikan contoh dua projek dalam isu ini. Yang pertama dalam itu penstrukturan industri air Selangor yang telah lama tertanggung dan kalau isu ini tidak dipolitikkan kita sebenarnya tidak mungkin tidak melalui masalah krisis air yang berlaku pada tahun 2013. Dan ini sudah tentulah menyebabkan membebankan kepada rakyat. Yang kedua, Negeri Selangor telah kehilangan kampus UITM di atas tanahnya sendiri, kemungkinan di Hulu Selangor sehingga ke mahkamah dan akhirnya terpaksa berpindah di Melaka. Kesannya saya ingat rakyat di Serendah juga telah mengalami kerugian, saya rasa kalau hari ini kita dapat melihat pelaksanaan projek tersebut sudah tentulah kita boleh melihat satu lagi Bandar satelit - Serendah ini menjadi sebahagian daripada *contribution* dengan izin pembangunan metropolitan di Lembah Kelang. Saya sangat berharap di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Kerajaan Negeri Selangor hendaklah mengujudkan kerjasama yang erat dengan Kerajaan Persekutuan, tidak lain dan tidak bukan bagi memastikan kesan maksima pembangunan untuk kesejahteraan rakyat dapat kita nikmati sepenuhnya. Akhirnya saya berharap bajet 2015 yang akan diluluskan oleh dewan yang mula ini akan dapat dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab, telus, berkesan dan mencapai matlamat seterusnya dinikmati oleh kumpulan-kumpulan sasaran yang tertentu. Berhubung dengan cadangan YAB Dato' Menteri Besar untuk memberikan tambahan peruntukan sebanyak RM200,000 di bawah program mesra rakyat, pada dua belas ADUN-ADUN Barisan Nasional Pembangkang di Negeri Selangor ini kita ADUN-ADUN Barisan Nasional, telah kita mengucapkan terima kasih di atas syor tersebut atau cadangan tersebut, tapi kita telah memutuskan untuk menolak. Bukan tak *friendly*, berilah peluang saya berikan penjelasan selepas itu bolehlah berikan cadangan balas atau pun kita boleh berhujah. Kita mahu melihat apakah rasionalnya. Rasionalnya kepada pemberian tersebut, kerana kita melihat pemberian ini bukanlah dibuat dengan niat yang ikhlas. Sebab kita melihat apabila Dato' Menteri Besar bangun bercakap nak bagi duit ini pada masa yang sama wajah raut mukanya mengatakan kalau tak hendak saya boleh tarik balik. Ha-ha.... Kalau ikhlas ya, dia tak kan cakap macam itu. Ha itu yang pertama. Ini ya *body language* ini *represent*, ya ingat dan tujuan. Tak habis lagi Sekinchan. Tak boleh Tua lawan muda maknya tua makin menjadi. Fahami penjelasan saya ya. Barangkali itu *body language* la. Saya nak berikan asasnya tunggu sekejap.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bagi tak bagi tu.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tak bagi, masa dah habis ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKR: Sg. Burong Paya Jaras minta penjelas.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tuan Speaker...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sg. Burong Paya Jaras minta laluan.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Tuan Speaker, saya nak membangkitkan ini oleh sebab asas. Tak bagi saya nak bagi penjelasan, saya punya penjelasan tak sampai lagi. Duduk dulu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Duduk dulu Paya Jaras.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDDIN BIN HAJI LIAS: Duduk dulu ya, prinsip atas dasar prinsipal mengapa kita harus menerima. Kalau benar-benar ikhlas sudah tentulah dia tidak mendiskriminasikan pemberian ini di antara apa bezanya kita ni wakil rakyat dengan wakil rakyat tuan. Kita dipilih oleh rakyat ya, malah kita boleh layak menerima peruntukan sebenarnya jika dibandingkan dengan penyelarar-penyelarar ADUN. Bagaimana pula penyelarar-penyelarar ADUN yang tidak dipilih oleh rakyat diberikan peruntukan sedangkan kita ADUN-ADUN ini sepatutnya wakil rakyat di kawasan berkenaan

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Gasing, Paya Jaras,

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Bagi habis-lah ya, iaitu yang pertama. Apa nak ini sahabat kita.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Ya, terima kasih Ketua Pembangkang. Saya agak terkeliru juga kali kedua apakah ADUN-ADUN Barisan Nasional rasakan duit itu untuk peribadi ADUN yang boleh mana sedangkan yang ditawarkan peruntukan itu adalah untuk rakyat.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Macam mana penyelarar itu dapat. Kan. Dia peruntukan ini bagi pada ADUN. ADUN-ADUN dicadangkan peruntukan 700 ribu, tapi bila tang ADUN Barisan Nasional kita ini dan juga wakil rakyat yang sama kan, wakil rakyat ini kedudukan bukan kedudukan saya, sebagai orang kata atas nama saya atau kapasiti saya sebagai ADUN ya. Sebagai ADUN yang layak setelah dipilih oleh rakyat kita semuanya berhak untuk mendapat peruntukan sedangkan kita lihat pada masa yang sama pula penyelarar, buat apa nak buat penyelarar DUN tak payahlah buat penyelarar DUN kepada wakil rakyat. Kalau tidak laksana.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sg. Burong, Bukit Gasing minta laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok. Terima kasih, terima kasih Ketua Pembangkang kita. Kalau Ketua Pembangkang tadi mengatakan bahawa Penasihat Ekonomi kita dipanggil Ketum kata dia, Ketua Pembangkang saya bagi kekang. Senanglah ya senang, Ketua Pembangkang boleh ya ah.... kekang.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ketua Pembangkang saya ingin tahu apa yang dinyatakan oleh Ketua Pembangkang tentang niat dan hasrat baik Kerajaan Negeri untuk memberi peruntukan 200 ribu. Apa yang dinyatakan mengatakan penyelarasa itu kena perlu penyelarasa, kita mewarisi tradisi Barisan Nasional daripada peringkat Persekutuan sampai hari ini di peringkat Pusat pun sampai hari ini tidak ada ubah. Selangor ini sekarang melangkah cuba ubah. Apakah Selangor ini tak ikhlas. Soalan saya, saya nak tanya apakah Kerajaan Negeri Selangor tak ikhlas, soalan saya apakah kita tak ikhlas, apakah kita tak ikhlas.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Soal tak ikhlas sama ada apa ni Tuan Speaker, dia tak, Sekinchan dia tak minta maaf, Sekinchan ini apa dia tak faham. Dia kata kita pula ada penyelarasa. Kita mana ada penyelarasa, DUN tak ada. Tak ada. Tak ada, kita akui kita tak ada. Dulu, kalau dulu pernah tapi kita sedar bahawa pelantikan penyelarasa ke atas ini tak sepatutnya, kita sedar. Kita dah tak lantik penyelarasa. Tiada penyelarasa DUN.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, minta laluan, Sungai Burong ada empat orang bangkit ini nak bagi siapa. Bagi EXCO, sila Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Timbalan Speaker, saya nak tanya kekang ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sungai Pinang nak bagi penjelasan atau nak apa.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Saya nak tanya kekang ini. Yang diperuntukkan untuk ADUN Pembangkang adalah RM200 ribu. Bukan RM100 ribu ya, tadi silap dia sebut RM100 ribu, RN200 ribu, baik. Kalau yang peruntukan untuk rakyat di dalam kawasan DUN Pembangkang ditolak, kenapa kereta rasmi pula diterima. Saya nak tanya.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Pertama saya tak minta ya. Ini diputuskan pada masa yang lampau. Kalau dia ungu-ungkitlah. Fasal ini, saya nak jelaskan fasal kereta rasmi. Dia pun kadang-kadang, saya pun kadang-kadang nak tanya keikhlasan kadang-kadang. Ini kereta ini diluluskan zaman mantan Menteri Besar yang lalu. Diluluskan. Pada masa yang lalu, saya nak bagi penjelasan pasal kereta ini. Sebab dia, kemudian dia ambil kesempatan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar, mula-mula semalam saya ingat bila diungkit ini saya dah rasa macam tak ikhlas. Kalau tak hendak ambil balik. Kalau misalnya nak diungkit ambillah balik saya pun tak memerlukan itu. Saya sebab.....

Y.B. DATO TENG CHANG KHIM: Ini sangkaan jahat ni, kita bagi kerana kita mengiktiraf kedudukan Ketua Pembangkang maka kita bagi kereta rasmi. Tapi

selepas itu kita kata untuk membantu rakyat di kawasan pembangkang kita bagi peruntukan itu. Itu pun tak hendak. Itu sangkaan jahat.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Ok. Apa nak diungkit-ungkit, kalau nak bagi bagilah, kalau tak hendak ambil balik. Ha itu, saja.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Dah bagi peruntukan tak hendak pula, macam mana, kita naka tanya di mana logiknya, di mana logiknya.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Suka hatilah, saya tolak peruntukan ini atas dasar prinsip.

TUAN SPEAKER: Saya minta semua duduk. Saya minta semua duduk, semua duduk, semua duduk, duduk, Sungai Burong duduk. Sungai Burong, Sungai Burong, duduk dulu, tenang, tenang. Duduk dulu, duduk..

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Saya ni tadi senyum-senyum Tuan Speaker, tapi kalau dijolok-jolok dan fasal apa dia ungit-ungkit hal kereta ini. Ini dah pergi pada kereta saya . Saya terima, macam dulu saya pula di salah sangka pula dengan mengambil duit. Itu lah saya tak boleh tahan. Tak boleh tahan ha.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Duduk sekejap, duduk sekejap. Duduk duduk.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Saya minta Tuan Speaker supaya Sungai Pinang jangan ungit lagi. Ha..... Saya tak rela kalau diungkit lagi. Walau pun dia belanja makan selepas ini. Ha itu lah saya nak beritahu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Duduk, duduk sekejap. Biar saya bagi arahan dulu. Duduk sekejap, duduk sekejap. Kita beri laluan kepada Ketua Pembangkang mengemukakan beberapa perbahasan beliau dan Ahli Yang Berhormat boleh minta mencelah dan penjelasan. Dan sila patuhi arahan supaya sekiranya seorang berucap yang lain sila dengar dan duduk. Dan saya minta Sg. Burong sambung dan kalau nak beri laluan kepada Rawang bagi, kalau tidak, tidak.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya minta penjelasan sedikit sahaja.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Meru minta dulu ya, bagi Meru.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Eh... Meru tak diri pun.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bagi Meru dulu, sila. Ok. Meru teruskan.

Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN: Terima kasih Ketua Pembangkang. Saya cuma minta penjelasan, yang pertamanya adakah apa yang disebut oleh Ketua Pembangkang tadi bahawa perlunya di negeri-negeri yang BN memerintah adakah pembangkang juga diberi peruntukan 200 ribu seperti yang diberikan oleh Selangor. Yang kedua saya hairan macam mana Ketua Pembangkang tahu ikhlas tak ikhlas sedangkan Rasulullah ada menyebut ikhlas itu dalam dada kita. Makna boleh tahu pula nak bagi peruntukan itu tak ikhlas, dan bagi kereta itu ikhlas pula. Wallahualam.

Y.B. DATO' MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Ok. Pertama itu saya tak layak jawab, itu negeri-negeri lainlah itu apa kena tanyalah wakil rakyat, telefonlah kawan-kawan kat sana macam mana kan ha..... ya. Tapi yang kedua ini saya nak bagilah satu contohlah macam anak kita ni, kita ada nak bagi barang pada anak, kau nak ambil tak nak ambil akan ambil balik. Dengan izin ya ha macam itu. Kalau macam itu kita tak ikhlas dengan anak kita, bererti tak rela hati, tak sepenuh hati ha ini yang saya nak sebutkan ini. Tapi itu bukanlah perkara besar, tapi saya nak katakan tentang segi prinsipnya. Kita anggap ini sebagai tidak adil. Kalau nak bagi adil-adil kita bagi adil yang betul.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya mohon penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Rawang minta. Sila Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya pohon penjelasan sebab tadi sentuh tentang penyelarasan DUN. Saya nak tanya ke manakah peruntukan untuk Ahli Parlimen kita yang dipilih di Negeri Selangor sahaja kalau kita tengok sejak tahun 2008 dalam kawasan Selayang ada penyelarasan yang dilantik di peringkat Parlimen dan peruntukan itu disalurkan melalui DUN mereka. Dan sehingga ada Ahli Parlimen Sungai Siput yang membawa kes itu ke mahkamah. Jadi saya ingin Sg. Burong jelaskan kerana dia kata kalau nak selaras kita tak ada lantik, tapi BN sendiri pun lantik untuk wakil rakyat yang dipilih di peringkat Parlimen.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Saya nak kata, dah jawab tadi kan. Kita tak ada lantik penyelarasan. Tak ada. Yang berbohong tuduhan bohong itu kepada Sekinchan tu. Jadi saya tarik baliklah, memang tak ada, memang saya kata tak ada.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Jadi duit peruntukan parlimen itu ke mana sekarang. Ke mana.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Itu kena tanyalah wakil rakyat parlimen pula, kita mana tahu, saya jaga DUN saya, itu parlimenlah wakil parlimen ada kat sini boleh tanyakan bagi minta di dalam parlimen itu memberi penjelasan. Saya nak jelaskan nanti saya takut lebih-lebih dan berbohong pula.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan minta penjelasan. Sila Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang kejang tadi mengatakan bahawa duit daripada peruntukan di parlimen entah ke mana dia tak tahu. Tapi di peringkat negeri kita bagi penyelaras, sekurang-kurangnya ada penyelaras yang menguruskan tadbir duit itu. Parlimen tak tahu duit hilang, bahaya betul. Mana, adakah amanah bagi cara Barisan Nasional. Duit pun tak tahu ke mana. Ke mana.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Soalannya. Itu buat tuduhan. Tuduhan tak tahu duit ke mana. Mana tahu duit ke mana. Kena tanyalah di kalangan ahli parlimen berkenaan. Akauntabiliti ada, dia ada laporan macam, saya tengok macam Ahli-ahli Dewan Negeri yang sekarang ini diberikan peruntukan oleh Kerajaan Negeri dia ada kaedah, cara peraturan yang tertentu. Bagaimana membelanjakan. Kalau belanja tak betul boleh bawa ke SELCAT. Pernah berlaku kalau tak betul juga ada penyelewengan penyalahgunaan kuasa, rasuah, lapurkan kepada SPRM. Itu, jadi nak saya jawab ahli parlimen yang di maksudkan itu saya, *I am not in position* dengan izin. Untuk menjawab soalan itu, *I am not authority* pula yang menjawab. Kalau saya yang menjaga *the controller* dengan izinnya yang *mengcontroller* dan *dispute* peruntukan itu dan bolehlah saya *disposibble* dan *accountable* dengan izin ya. Di atas perkara tersebut.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Gasing minta.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Saya nak tanya dalam *in between in control* dengan izin Tuan Speaker.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, itu Bangi itu. Itu Bangi. Tapi kena maklumkan sebab kalau ikut Peraturan Tetap 2(2) kerusi itu tempat duduk ditetapkan oleh Speaker. Kalau nak minta kena minta speaker dulu tak boleh buat gini. Speaker benarkan duduk kerusi speaker itu.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Masalah *mike* nya rosak. Saya telah benarkan itu. Sila kan Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Mungkin mantan Speaker yang kena tegur *mike*. Baru di berfungsi. Tetapi saya nak tanya cadangan yang diberi oleh kejang tadi, adakah kejang membangkitkan kepada Perdana Menteri supaya memberikan kepada semua ahli parlimen Pakatan Rakyat peruntukan yang sama dan adil dengan yang diberikan kepada semua ahli di parlimen Barisan Nasional. Itu di dalam bidang kuasa kejang, kalau kejang nak buat atau tidak.

Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Boleh juga. Tunggulah nanti pilihan raya akan datang. Mana tahu jadi dicalonkan lagi jadi

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Batang Kali minta.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Ini nak tanya Ketua Pembangkang kita ni. Faham ke apa keang ini. Adakah patut kita ambil terma ini sebagai satu terma asas atau pun yang kita nak bawa dalam kita punya *handsard* ini. Kalau tak betul keang itu tak ada maknanya sengaja nak buat-buat lawak dalam dewan ini saya rasa tak payah guna. Kita tarik balik perkataan keang ini. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok. Sungai Burong sambung.

Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN: Peraturan tetap, peraturan tetap.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Meru.

Saya mintalah mengikut peraturan tetap 36 perenggan 4 supaya kita ni dilarang menggunakan bahasa-bahasa biadab dan juga apa gelaran-gelaran biadab dibenarkan. Maksud saya tadi itulah yang sebut itu. Mana Peraturan Tetap 36 perenggan 4 ini jangan digelar ketum ke, keang ke saya tak setuju.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ok. Sungai Burong sambung.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: Terima kasih Tuan Speaker saya sambung tadi asas prinsip tadi kan. Atas dasar prinsip, dan juga kalau nak dikatakan atas proses demokrasi melaksanakan demokrasi kita kena benar-benar mengamalkan demokrasi jangan kita masuk celup sekarat sahaja dan sekarat yang lain. Kalau atas asas prinsip keadilan, kita kena bagi keadilan yang sepenuhnya. Jangan orang kata.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Tajung Sepat, masa pun dah jam 1.00. Sungai Burong saya mahu memberhentikan sekejap. Ahli-ahli yang Berhormat sekalian jam sudah menunjukkan jam 1.00 tengah hari maka saya tangguhkan dewan sehingga jam 2.30 petang. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

TUAN TIMBALAN SPEAKER: *Assalamualaikum.* Perbahasan disambung semula. Sungai Burong.

Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS: *Walaikumussalam Warahmatullah.* Terima kasih Tuan Speaker. Izinkan Sungai Burong menyambung perbahasan. Saya ingat pendek lagi. Kita nak bagi peluang orang lain lah termasuk Sekinchan. Tuan Speaker, saya ingin membawa satu perkara tentang pendekatan kepedulian Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dari segi pelaksanaan Bajet 2015 ini. Sebagai satu dasar, seorang pemimpin yang ingin menunjukkan keprihatinan kepada rakyat dari segi konsep kepedulian ini, ia seharusnya akan mengambil berat tentang apa juga masalah yang berlaku di peringkat akar umbi ataupun yang berlaku kepada rakyat di Negeri Selangor ini. Jadi pada hari ini, saya tadi didatangi oleh sekumpulan orang yang, sebenarnya rakyat daripada wakil dia menyebut sebagai orang yang terkilan dari projek Datum Jelatek yang telah menghantar memorandum untuk berjumpa dengan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Saya difahamkan mereka telah beberapa kali menghubungi Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan juga menghubungi pihak PKNS yang mengendalikan projek tersebut untuk mendengar rintihan dan keluhan mereka. Jadi atas semangat kepedulian Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar saya mohon baiklah jasa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar berjumpalah dengan mereka, dengar apakah rintihan mereka sekurang-kurangnya kalau pun ada perkara-perkara perbezaan, ia diselesaikan dalam semangat konteks yang telah disebutkan situ. Dan akhirnya saya ingin memberi jaminan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan juga Ahli-ahli Dewan bahawa kami sebagai pembangkang di dalam Negeri Selangor ini akan memainkan peranan kita sewajarnya sebagai pembangkang yang konservatif dengan lain dan dengan tujuan tidak lain dan tidak bukan untuk memastikan *check and balances* sebagaimana dengan izin sebagaimana menjadi kelaziman kepada sistem demokrasi yang kita anuti. Dengan itu sekian ucapan perbahasan saya bagi membincangkan Belanjawan Bajet Ke 15 yang telah dibentangkan. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Sungai Burong. Silakan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan dan kakitangan kerajaan serta para pemerhati yang saya muliakan. Salam sejahtera, salam bersih dan salam reformasi untuk semua. Dalam Dewan yang mulia ini, Sekinchan ingin turut serta memperbahaskan Belanjawan 2015 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar pada Persidangan Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Yang Ketiga Belas ini yang dibentangkan semalam. Sebelum

saya teruskan, oleh kerana kehadiran wakil-wakil daripada pembangkang semakin lesu, jadi saya nampak kenapa mereka bertindak sedemikian. Mungkin mereka dah akur dengan sifat pembangkang dulu, kini dan selamanya. Jadi saya ucapkan tahniahlah, biar teruskan lesu sebegini dan Tuan Timbalan Speaker, tadi saya dengar, tadi saya dengar sejam lebih perbincangan Ketua Pembangkang yang kita katakan kekang tadi, Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Sungai Burong kalau sekali kita dengar tanpa ditengok wajahnya, kita dengar suaranya kita akan merasakan bahawa pembahas tadi adalah penyokong kuat kerajaan. Mungkin Timbalan BBC dan sebagainya kerana dengan nadanya, dengan suaranya kita nampak cukup *friendly* pada awalnya, cukup *friendly* dengan izin ya, cukup *friendly* dan menyokong banyak dasar-dasar kerajaan. Ini satu perkembangan yang cukup baik. Saya mengalu-alukan, cukup positif, mungkin perubahan sikap inilah yang kita nanti-nantikan sebagai antara penyokong-penyokong kerajaan daripada pembangkang juga menyokong penuh kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan saya juga ingin membangkitkan apa yang dinyatakan oleh Ketua Pembangkang tadi soal banyak projek-projek yang disalurkan oleh Kerajaan Pusat seperti yang dikatakan oleh rakan seperjuangannya Dengkil. Mana Dengkil? Dengkil mungkin di luar. Tolong dengar di luar ya. Dengkil mengatakan lebuhraya banyak dibuat di Selangor. Kerajaan Pusat buat lebuhraya ini, lebuhraya Pantai Barat. Saya nak bagi tahu Lebuhraya Pantai Barat, Pesisiran Pantai Barat ni yang dicanangkan, digembar-gemburkan, diheboh-hebohkan tak silap saya zaman Barisan Nasional memerintah di Negeri Selangor, EXCO nya daripada MCA nya ada, semua sampai hari ini 16 tahun, 16 tahun hawanya saya masih tidak nampak lagi. Tetapi mereka tetap mengatakan pelbagai pembangunan yang mereka bangunkan. Saya tidak nafikan. Pada masa yang sama mereka buat *highway* tetapi mengenakan kutipan tol terhadap semua rakyat Negeri Selangor. Kalau boleh, lain kali kita minta buat *highway* tak perlu kutipan tol. Ini rakyat Selangor mengalu-alukan, lebih mengalu-alukan. Dan seterusnya tentang Sungai Burong mengatakan, Ketua Pembangkang mengatakan projek Persekutuan telah kita hulurkan *friendly* seperti, seperti apa dia? Jeti LKIM Kuala Selangor. Kalau sebut Jeti LKIM, Permatang ada. Permatang wakil Timbalan Ketua Pembangkang hari inilah. Tahniah dan syabas. Saya nak bagi tahu Jeti LKIM ini sudah siap lebih daripada 4 tahun. Menelan belanja lebih kurang RM20 juta, RM20 juta Tuan Timbalan Speaker. Tapi tadi dia beritahu, bukan saya beritahu, dia beritahu, Ketua Pembangkang ada 1 bot saja. 1 bot saja yang *parking* di situ. Di mana *value for money* saya nak tanya Sungai Burong, Ketua Pembangkang. Inilah 1 projek yang saya anggap tidak membuat perancangan secara rapi. Perancangan tidak diatur dengan rapi. Cuma untuk melaksanakan projek sahaja. Demi pembangunan, untuk pembangunan, hendak pembangunan tapi sasarannya tak kena. Akhirnya, kita nampak ada 1 restoran sekarang, restoran ikan bakar. Ini baru restoran. Jeti, jeti tak ada bot-bot kerana perancangan tak betul. Mereka nak naikkan ikan, ok saya setuju tapi mereka tak fikir waktu dulu mereka nak kumpul semua bagan-bagan dari Sungai Yu untuk hantar ikan di situ tapi mereka silap. Belum ada perbincangan secara rapi, secara teratur, tidak. Akhirnya kalau di jeti yang sebegitu besar, kalau *parking* dengan

bot-botnya, saya fikir dalam 10 buah, 15 buah dah penuh dah. Yang lain tak boleh *parking*. Jadi ini tidak munasabah dan nampak jelas banyak kelonggaran, banyak kelemahan. Tapi tak apalah saya cuma sekali imbas saya nak bagi tahu apa yang dinyatakan oleh Ketua Pembangkang. Dan kemudiannya beliau mengungkitkan, tak perlulah jawatan Penasihat Ekonomi dengan nama samarannya Ketum dia kata. Tak apa dia nak cakap ketum ke apa, biar. Tapi saya nak bagi tahu kenapa Sungai Burong begitu dendam kesumat sangat dengan Penasihat Ekonomi Selangor, Dato' Seri Anwar kenapa? Dah 16 tahun dah. Sampai sekarang masih mimpi ngeri dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Ini memang UMNO dulu, kini dan selamanya. Selagi Anwar ada, selagi mimpi ngerilah itu dengan Anwar Ibrahim. Ha, itu tak apalah. Bagi, kita bagi mereka terus dalam keadaan fobia ketakutan dan mimpi igauan malam enggak bisa turu, tak boleh tidur dengan izin ya.

Tuan Timbalan Speaker. Saya nak bagi 1 pantun.

Sultan Selangor bijak bestari
Sehingga UMNO BN menggigit jari
Harap-harap Sultan bubar Dewan Negeri
Rupa-rupanya Sultan memilih Azmin Ali

Ha, ha baru Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar baru masuk. Saya takut Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tak dengar sekali lagi. Sekali lagi, sekali lagi minta izin. Sekali lagi, sekali lagi ya.

Sultan Selangor bijak bestari
Sehingga UMNO BN menggigit jari
Harap-harap Sultan bubar Dewan Negeri
Rupa-rupanya Sultan memilih Azmin Ali

Tahniah dan syabas.

Tuan Speaker, terlebih dahulu saya ingin mewakili BBC dan seluruh teman-teman serta rakyat Negeri Selangor merakamkan setinggi-tinggi, ha, Dengkil dah masuk ya? Selamat masuklah, selamat hadir ya. Tadi tak dengar. Ingat Dengkil, baguslah Dengkil. Dengkil antara calon yang berpotensi untuk menggantikan Tekan, Ketua Pembangkang akan datang. *Insyallah*. Terlebih dahulu saya ingin mewakili BBC dan seluruh teman-teman serta rakyat Negeri Selangor merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa kerana telah dilantik sebagai Dato' Menteri Besar Yang Ke 15. saya cukup yakin dan percaya, berdasarkan pengalaman yang meluas sebagai seorang reformis yang setia dan istiqamah kepada prinsip perjuangan sejak tahun 1988 Yang Amat Berhormat sentiasa tidak berganjak terhadap sebarang ugutan, ancaman dan tekanan dari UMNO Barisan Nasional. Walaupun beliau sering kali difitnah dengan berbagai tuduhan yang tidak berasas dan didakwa di mahkamah oleh UMNO Barisan

Nasional. Namun sehingga hari ini niat jahat, serangan jahat UMNO tetap gagal, tidak kesampaian. Dengan kekuatan semangat dan pengalaman sedemikian, pasti dapat memahami keperluan rakyat khususnya golongan marhaen dan sekali gus mengambil tindakan susulan merancang bagaimana untuk membangunkan Negeri Selangor menuju ke hadapan sebagai sebuah negeri pembangunan yang hebat menjadi model idaman negeri-negeri yang lain.

Tuan Timbalan Speaker, sebagai bukti, baru 2 bulan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar memegang jawatan dekat 64 hari ya, 64 hari, kita lihatlah rasai sendiri pendekatan-pendekatan yang mesra rakyat. Sudah 6 dari 9 daerah seluruhnya di Negeri Selangor beliau turun padang dan terjah untuk menyelami sendiri permasalahan dan keperitan yang dihadapi oleh rakyat.

Azmin Ali nama diberi
Menjadikan Jokoei contoh tepat sekali
Sikap rendah diri harus diikuti
Turun padang dekati rakyat sifat terpuji

Tuan Timbalan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan dalam Dewan yang mulia ini untuk merakamkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Tuan Azmin Ali kerana atas usaha dan inisiatifnya telah berjaya menyelesaikan 1 isu yang cukup sensitif dan bisa mengundang prasangka serta menguatkan keharmonian di kalangan masyarakat khususnya pada penganut agama Kristian. Pemulangan 351 naskhah al-kitab yang dirampas dalam satu serbuan oleh pihak berkuasa penguatkuasaan JAIS awal tahun ini memang dinanti-nantikan. Walaupun sedikit kelewatan namun ia tepat pada masa demi untuk memulihkan imej dan persepsi negatif sebelum ini terhadap Kerajaan Negeri. Tidak dinafikan bukan senang, bukan enteng dan mudah untuk menyelesaikan isu sensitif sebegini apatah lagi dalam suasana mutakhir ini yang lebih condong kepada sentimen pelampau terutamanya wujud NGO-NGO yang fanatik dan pelampau seperti PERKASA, PEKASAM dan ISMA yang berkiblatkan UMNO Barisan Nasional. Bertujuan untuk menimbulkan ketegangan, kekusutan, kebencian, kecelaruan hubungan antara kaum dan agama di seluruh Negeri Selangor dan negara kita. Saya sangat tertarik dan menyokong penuh kenyataan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dengan tegasnya menyatakan pendirian sentimen fanatik dan pelampau tiada tempat di Negeri Selangor. Yang kita dukung dan pertahankan adalah prinsip keadilan dan kesejahteraan demi dan kesederhanaan demi kesejahteraan rakyat berbilang kaum di Negeri Selangor ini. Pendirian tegas inilah yang dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat demi masa depan Negeri Selangor. Sementara itu, saya juga kluatir, saya agak kluatir sekiranya kita leka dan terlepas pandang dalam soal pemantauan terhadap penguatkuasaan, berkemungkinan perkara yang sama akan berlaku pada masa akan datang seperti pisang berbuah 2 kali kerana masih terdapat elemen-elemen hasutan di kalangan mereka yang mempunyai agenda yang tersirat dan tersurat untuk sabotaj imej Kerajaan Pakatan

Rakyat di mata rakyat. Jadi kita kena berwaspadalah Yang Amat Berhormat dengan tingkah laku mereka ini.

Tuan Timbalan Speaker, setelah meneliti dan memperhalusi kandungan belanjawan reformasi dan pembaharuan drastik ala AA, Azmin Ali ini, Menteri Besar kita, yang pertama, pembangunan berkualiti rakyat dipeduli 2015 Negeri Selangor. Ianya merangkumi semua aspek ekonomi, pendidikan, kebudayaan, pembangunan, pembangunan wanita, modal insan, pembangunan belia, kebajikan rakyat dan sebagainya yang diperlukan untuk meneruskan kesinambungan pembangunan Negeri Selangor sejajar dengan kandungan dan tawaran manifesto Pakatan Rakyat pada PRU 13 yang lepas. Setelah lebih 6 tahun pentadbiran Pakatan Rakyat terus menunjukkan prestasi yang cemerlang demi kecemerlangan. PRU 13 yang lalu Kerajaan Pakatan Rakyat pimpinan Menteri Besar yang lalu telah bekerja kuat dan sekarang disambung kesinambungannya oleh Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa terhadap kepedulian rakyat, berbagai-bagai langkah yang berjiwa rakyat, mesra rakyat dan formula yang paling pentingnya Tuan Timbalan Speakernya, formula 20% di pejabat, manakala 80% di lapangan, di lapangan yang dipraktikkan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang baru sudah mula mendapat sambutan hangat dan respons positif daripada rakyat. Terjah di sini, terjah di sana termasuk Ketua Pembangkang Sungai Burong tentang kita, dia pun kata Menteri Besar kita turun masuk longkang. Ada, berada di longkang untuk rakyat nak terjah. EXCO tak berapa turunlah. Jadi EXCO juga kena ambil maklum. Kena turun juga bersama Menteri Besar. Sebelum Menteri Besar turun longkang, kita kena turun dulu. Ha, ini namanya pejuang. Jangan Menteri Besar turun, baru kita tengok di atas. Belum cukup itu, belum cukup. Tidak memadai ya. Kalau tidak ganti orang pula. Ha, ini penting ni ya. ADUN pun kena turun. Saya sendiri, saya sendiri, saya ambil maklum ya. Saya sendiri belum turun longkang tapi dah turun sawah ke bendang. Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, saya nak ucapkan terima kasih sekali lagi bagi pihak seluruh rakyat DUN Sekinchan ini kerana Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tak sampai sebulan, sebulan dah turun ke Sekinchan tengok jeti, lawati bagan, nelayan, tinjau nelayan, santuni nelayan dan santuni pesawah, petani di Sekinchan. Inilah pemimpin berjiwa rakyat yang kita tunggu-tunggu. Inilah Azmin Ali yang kita hendak. Jadi saya harap ketegasan dan pendekatan sedemikian berterusan konsisten. Jangan hanya setakat 5 minit saja, itu belum cukup. Kita mahu, kita mahu lihat dia konsisten, konsisten berterusan sampailah pilihan raya akan datang, Barisan Nasional semakin kurang. Ha. Itu baru berjayanya. Berjayanya bilangan Barisan Nasional semakin barulah berjayanya pendekatan terjah turun ke padang kita. Insya-Allah, saya yakin kita mencapai sasaran tersebut.

Tuan Timbalan Speaker, Belanjawan 2015 yang memperuntukkan sejumlah RM2 bilion RM420 juta RM500 ribu, iaitu yang tertinggi dalam sejarah Negeri Selangor. Setakat ini anggaran kutipan hasil untuk tahun 2015 meningkat 6.49% kepada RM1.97 bilion berbanding RM1.85 bilion pada tahun 2014. Belanjawan 2015 agak

luar biasa daripada belanjawan sebelum ini. Sejumlah besar RM1,133,970,00.00 ataupun 46.81% diperuntukkan untuk perbelanjaan pembangunan. Jumlah ini meningkat hampir 1 kali ganda hampir 100% daripada peruntukan pembangunan tahun lalu yang berjumlah RM6.24 bilion. Ini bermakna kerajaan pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bersungguh-sungguh menekan aspek penjana pembangunan ekonomi Negeri Selangor demi kepentingan dan harapan rakyat yang dahagakan pembangunan. Saya cukup yakin pada tahun hadapan kegiatan ekonomi akan bertambah rancak dengan suntikan dana yang begitu besar. Pihak pembangkang pasti, saya tahu mereka akan mengkritik mengatakan bajet kita, bajet defisit seperti apa yang dikatakan tadi bajet defisit tapi jangan khuatir, saya nak bagi tahu Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Sungai Burong, kita berbelanja besar untuk rakyat menjana pembangunan ekonomi. Ini yang rakyat tunggu-tunggukan ya. Yang pentingnya, rizab Kerajaan Negeri berada dalam keadaan yang cukup kukuh iaitu RM3.2 bilion setakat ini. Saya masih segar dalam ingatan ketika Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar masih menjadi Ketua BBC seperti saya sekarang ini, sering membangkitkan persoalannya apa maknanya kita bangga dengan mempunyai rizab yang besar tetapi wang tersebut tidak dimanfaatkan dengan sepenuhnya untuk menjana pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Ini saya setuju 100 bukan 100%, 152%. Makna 52, Meru pun tak masuk, tak apa, 152%.

Oleh yang demikian, pendekatan dan pembaharuan trend belanjawan 2015 ini diterjemahkan melalui peruntukan yang begitu besar dengan 6 strategi yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar :

- 1) Membesarkan lapisan kelas menengah
- 2) Menjana pertumbuhan berkualiti
- 3) Memberdaya ekonomi hawa dan generasi muda
- 4) Pembangunan kejurangan hijau
- 5) Menjana industri budaya dan intelektual
- 6) Menyemarak ekonomi desa

Tuan Timbalan Speaker, mengimbas kembali tren belanjawan yang dibentangkan oleh Kerajaan Persekutuan yang selalunya berbangga sungguh menerusi hebahan di media arus perdana, TV3, Utusan Malaysia yang lain-lain yang sewaktu dengannya, kononnya hanya kerajaan, hanya kerajaan Barisan Nasional yang mampu membawa pembangunan kepada rakyat. Kita dengar dululah. Hanya Barisan Nasional yang mampu membawa pembangunan selain daripada UMNO lain orang tak bisa, ya. Semua enggak bisa bawa pembangunan. Dia ada pengalaman mengurus stabil. Ini antara sebaran-sebaran Barisan Nasional. Tetapi hakikatnya kisah yang berlaku ialah sebaliknya. Rekod pengurusan dan pentadbiran di negeri Pakatan Rakyat, khususnya Selangor dengan angka dan fakta yang cukup jelas sudah mampu memberi jawapan kepada rakyat bahawa dongeng dan mitos yang menyatakan hanya UMNO BN mampu menjaga rakyat, membawa pembangunan

sudah tidak relevan lagi pada zaman globalisasi ini. Sebagai contoh, belanjawan 2015 yang dibentangkan oleh Perdana Menteri 1 Malaysia pada bulan yang lalu tetap tidak berganjak dengan trend yang tidak ada perubahan iaitu semakin kritikal seperti apa yang kita sedia maklum. Peruntukan pembangunan hanya sekitar 18%. Selangor, 46.81% peruntukan pembangunan. Di peringkat Persekutuan, 18%, pengurusan 82%. Mengembang, mengembang, mengembang. Ini 1 *signal* yang cukup negatif. Ia tidak sihat dalam pengurusan kewangan. Rakyat Negeri Selangor yang rata-rata berpendidikan tinggi, mereka tahu siapa sebenarnya yang gagah mengurus tadbir sehingga hutang negara mencecah ke paras yang kritikal.

Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menyentuh sedikit tentang penyusunan semula industri air Selangor. Ia merupakan perkara yang sangat penting dan ditunggu-tunggu oleh seluruh rakyat Negeri Selangor. Saban hari sejak 6 tahun yang lepas tidak sunyi, tidak sunyi media arus perdana dan juga pihak pembangkang mempermainkan isu air sebagai senjata utama untuk menyerang Pakatan Rakyat, pentadbiran Pakatan Rakyat Selangor namun berkat kesabaran kepimpinan kita yang menangani isu ini dengan profesional dan yang paling penting mengambil kira kepentingan rakyat Selangor sebagai agenda utama sebaliknya pihak pembangkang UMNO Barisan Nasional nampaknya lebih cenderung mempertahankan syarikat kroni lebih daripada kepentingan rakyat. Walau bagaimanapun dalam konteks ini usaha mantan Menteri Besar, Yang Berhormat Pelabuhan Klang untuk menjayakan penstrukturan ini wajar diberi penghormatan. Akhirnya matlamat murni kita sudah tercapai melalui perjanjian yang telah disempurnakan tempoh hari dan kini air Selangor Sdn. Bhd. yang mengendalikan pengurusan air, kita dimaklumkan bahawa hanya tinggal 2 lagi syarikat iaitu SPLASH dan ABBAS yang masih belum menerima tawaran Kerajaan Negeri. Namun ABBAS kita yakin tak ada masalah cuma sedikit masalah seperti apa yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar SPLASH sahaja. Dan kita yakin berdasarkan kepimpinan diplomatiknya, cara pendekatan Menteri Besar kita dalam masa terdekat, Syarikat SYABAS pasti akan dapat bersetuju untuk mengembalikan, mengembalikan konsesi air ini, hak air ini kepada rakyat Negeri Selangor. Inilah matlamat kita demi rakyat. Dan yang penting sekarang, rakyat nak tanya sama ada program selama 6 tahun dulu iaitu pemberian air percuma 20 meter padu akan di kekal atau sebaliknya. Ha, itu antara rakyat takut juga. Mereka khuatir termasuk penyokong UMNO pun dia tanya dekat saya. Penyokong UMNO di kampung, dia kata Yang Berhormat kalau air dah ambil, Selangor ambil ada air percuma lagi tak? Maknanya UMNO pun dia suka air percuma. Ha, jadi tak ada masalah. Jadi kita minta Menteri Besar dapat memberi penjelasan sama ada pemberi air percuma akan diteruskan sampai bila? Ha, itu satu.

Kedua, bagaimana pula dengan kenaikan tarif air? Ha, selepas penstrukturan semua air naik berapa persen? Kalau ada kenaikan berapa persen? Berapa kadarnya? Munasabah atau tidak? Ha, ini rakyat sangat prihatin. Kita sedia maklum, majoriti rakyat dan pembayar cukai ingin tahu apa sebenarnya kandungan,

kandungan perjanjian industri air ini. Perjanjian air ini. Adakah ia menguntungkan rakyat Selangor dalam tempoh jangka pendek dan jangka panjang? Oleh itu semua teka teki ini hanya dapat dijawab sekiranya Kerajaan Persekutuan membenarkan kandungan terma-terma perjanjian, perjanjian air didedahkan untuk tatapan dan semakan umum memandangkan jumlah dana yang disalurkan, yang disalurkan adalah sangat besar. Pada masa yang sama kandungan perjanjian Loji Langat II juga perlu diumumkan supaya rakyat dapat membuat penilaian sendiri terhadap kandungan kedua-dua perjanjian sama ada *value for money*. Saya yakin Kerajaan Negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, Tuan Azmin Ali sesungguhnya tiada halangan terhadap permintaan ini berdasarkan prinsip ketelusan, keupayaan dan kebertanggungjawaban. Yang penting, Kerajaan Pusat kena bagi signal. Dengkil, Yang Berhormat Permatang, Permatang kena bagi tahu sebab saya nak bagi tahu perjanjian industri air ini bukan seperti perjanjian jual beli senjata api M16 ataupun bom C4 yang melibatkan kemungkinan melibatkan faktor keselamatan tidak boleh didedahkan. Tetapi ini air ini dia bukan C4, bukan M16. Saya amat berharap permintaan ini dapat diperhalusi demi kepentingan rakyat di Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya.

Tuan Timbalan Speaker, seterusnya saya juga ingin menyentuh tentang soal pendidikan. Dalam Bajet Tahun 2015, terdapat banyak program yang berpaksikan kepentingan rakyat. Oleh kerana Negeri Selangor merupakan negeri maju yang sangat fokus, komited kepada aspek pendidikan untuk melahirkan seramai mungkin golongan profesional dan modal insan yang berkualiti maka inisiatif yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar untuk memperuntukkan Biasiswa Selangorku RM10 juta kepada pelajar-pelajar UNISEL dan KUIS memang sangat tepat pada masanya. Untuk meringankan bebanan ibu bapa yang kian tersepit dengan kos saraan hidup yang tinggi, tiada maknanya kalau kita hanya bangga dengan kejayaan mengumpul rizab yang besar iaitu RM3.3 bilion tetapi anak muda kita tidak kira Melayu, Cina, India dan sebagainya ramai yang tercicir angkara tidak dapat menyambung pendidikan mereka kerana masalah fulus, masalah kewangan dengan izin. Sehubungan itu saya juga ingin melontarkan satu saranan supaya diwujudkan satu tabung bantuan khas kepada siswazah anak Selangor yang baru bergraduan dan ingin melanjutkan ke pelajaran yang lebih tinggi. Biasiswa ini tidak semestinya ditanggung, ditanggung sepenuhnya tidak oleh Kerajaan Negeri tetapi sekurang-kurangnya separuh daripada yuran. Melalui kaedah ini sedikit sebanyak dapat membantu siswazah-siswazah yang bercita-cita tinggi dapat meneruskan impian mereka ke peringkat lebih tinggi iaitu Master dan Doktor Falsafah, PHD. Dalam konteks ini secara langsung ia dapat menarik minat anak muda untuk melanjutkan pelajaran pada peringkat tersebut agar bakat yang tidak disia-siakan dan tidak terhenti begitu sahaja apatah lagi melibatkan ilmu. Tambahan pula jika golongan anak muda ini dapat melanjutkan pelajaran walau secara jarak jauh kerana sedang bekerja tetapi mereka dapat memberi idea dan menyumbangkan ilmu kemahiran pada bidang kerja masing-masing. Dengan ini secara tidak langsung ia

dapat meningkatkan ekonomi dan menjadikan sesebuah agensi lebih maju dan berdaya saing.

Tuan Timbalan Speaker, senario yang dapat kita lihat pada masa kini di mana kebanyakan malah lebih daripada 50% yang menuntut Master dan PHD adalah mereka yang lingkungan umurnya lebih daripada tiga puluh tahun. Ini kerana hutang pengajian daripada Diploma dan Ijazah sudah melebihi had dan keadaan ini membantutkan usaha dan impian anak muda untuk menyambung pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Masalah utama adalah tanggungan kewangan yang semakin hari semakin membebankan anak muda. Sedangkan golongan ini adalah pelapis, golongan profesional mungkin juga pemimpin dan pejuang yang disegani pada masa akan datang. Walau bagaimanapun pembelian bon biasiswa ini perlulah bersyarat pada mereka yang benar-benar ingin melanjutkan pengajian pada peringkat tersebut dan khas untuk anak muda yang bukan sahaja anak Selangor malah khas untuk graduan yang ingin melanjutkan pengajian di UNISEL dan juga KUIS sahaja. Ini adalah kerana kedua-dua universiti ini adalah lambang kemegahan Kerajaan Negeri Selangor. Saya cukup yakin sekiranya syor ini diterima oleh kerajaan maka sesungguhnya Selangor bukan sahaja peneraju ekonomi Negara malah adalah peneraju modal insan profesional dan berkualiti selaras dengan tema belanjawan 2015 Pembangunan Berkualiti Rakyat dipedulikan.

Tuan Timbalan Speaker, kerajaan juga perlu memberi pertimbangan untuk membentuk satu persatuan dan juga program bersama golongan pemuda OKU, orang kelainan upaya, supaya mereka dapat melihat dunia luar dan memupuk sikap berani berdikari. Walaupun telah wujud persatuan seumpama ini tapi tidak terlalu menonjol, kerana golongan ini mempunyai bakat yang terpendam dan kelebihan yang tidak dapat didapati oleh golongan yang normal. Dalam bidang pekerjaan golongan anak muda OKU mesti diberi kuota untuk bekerja, sekurang-kurang 10%, sama ada sektor swasta mahupun jabatan kerajaan berasaskan kemahiran masing-masing. Dengan langkah sedemikian masyarakat secara tidak langsung akan mengubah persepsi bahawa golongan anak muda OKU hanya diberi bantuan dan tidak bisa bekerja sedangkan mereka mempunyai kemahiran dalam bidang yang tersendiri, Cuma tidak diberi peluang untuk mereka membuktikan kemahiran atas alasan masalah kecacatan anggota. Bermula tahun 2008 Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat telah melakukan perubahan dan melantik NGO daripada golongan OKU untuk mengisi jawatan Ahli Majlis di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Tindakan ini sangat dihargai oleh mereka memandangkan sebelum 2008 zaman UMNO Barisan Nasional tidak pernah memberi peluang kepada golongan tersebut. Dan dalam itu sudah sampai masa bagi pihak PBT mengorak langkah ke hadapan selangkah lagi dengan lebih berani untuk menambah kuota lantikan Ahli Majlis daripada golongan anak muda OKU. Saya mohon perkara ini dipandang dan dipertimbangkan dengan serius.

Tuan Timbalan Speaker, .orang kuat UMNO, OKU ni Orang Kelainan Upaya ya....Tuan Timbalan Speaker, baru-baru ini isu mengenai....baru-baru ini isu mengenai bayaran penghargaan pegawai Menteri Besar dan MBI, Perbadanan Menteri Besar Incorporated yang berjumlah sebanyak RM2.6 juta menimbulkan kontroversi dan tanda tanya di kalangan rakyat. Ingin saya tegaskan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa saya tiada halangan dengan bayaran penghargaan dan ganjaran tersebut kepada mereka yang layak dan pernah berkhidmat serta berjasa kepada Negeri Selangor akan tetapi bayaran yang diberikan mesti munasabah...berpatutan mengikut peraturan kewangan yang sedia ada dan tidak melampau-melampau ya. Kita sedia maklum bahawa MBI adalah anak syarikat milik penuh Negeri Selangor yang mempunyai kedudukan kewangan yang besar iaitu RM112 juta belum lagi dicampur dengan hartanah, aset tanah yang dimiliki. Walaupun kedudukan kewangannya yang sangat kukuh tetapi tidak bermakna ianya boleh digunakan dengan sewenang-wenangnya. Umpama syarikat sendiri sendirian berhad. Sudahkah kita lupa dengan prinsip ketelusan dan kebertanggungjawaban serta integriti yang selama ini dilaung-laungkan oleh mantan Menteri Besar. Jangan kita lupa pada 22 hari bulan sembilan, 22 September 2014 selang sehari sebelum YAB Dato Menteri Besar yang baharu mengangkat sumpah Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri MMKN yang terakhir zaman yang lalu ya pentadbiran yang lalu diadakan oleh mantan Menteri Besar ya pada ketika itu telah membuat satu keputusan yang kononnya untuk menjimatkan kos pentadbiran dengan arahan menutup pejabat Penasihat Ekonomi Negeri Selangor Datuk Seri Anwar Ibrahim. Walaupun elaun yang dibayar kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku penasihat Ekonomi Negeri Selangor hanya seringgigit sebagai token sahaja sebulan saya sangat terkejut dengan keputusan meluluskan bayaran gergasi RM2.6 juta untuk lapan orang pegawai Pejabat Menteri Besar dan MBI. Sebagai contoh CEO MBI yang meletak jawatan sendiri letak jawatan "jewek" (bahasa jawa) dengan izin, sendiri, bukan dipaksa dia letak saya letak jawatan sendiri bukan dipecat seperti enam orang EXCO tempoh hari dia bukan dipecat. Masih dibayar tiga bulan gaji yang berjumlah RM114,000.00 dia letak jawatan sendiri, tak dipecat tapi tiga bulan gaji. Baik benar.

Tuan Timbalan Speaker, RM114 ribu dan bayaran penghargaan ataupun ganjaran pampasan adalah RM581,400. Jika dicampur kedua-dua bayaran yang diterima oleh Cik Faekah Hussin adalah RM695,400.00 hampir RM700 ribu. Lagipun setahu saya beliau hanya memegang CEO MBI tak sampai dua tahun setahun lebih. Begitu juga dengan COO Puan Rohany binti Talib, menerima 524,400.00. Yang seterusnya lah, saya tidak ungkit semua saya bagi dua yang terbesar. Saya yakin dan percaya bayaran penghargaan dengan jumlah yang begitu besar merupakan satu rekod dan satu sejarah dalam pentadbiran Negeri Selangor sejak dulu, kini hingga setakat ini. Persoalan yang timbul ialah kenapa mereka dilayan dengan begitu istimewa? Apa kriteria yang digunakan pakai sedangkan sebagai Ahli Dewan Negeri yang dipilih oleh rakyat seperti saya dan pembangkang Dengkil setiap lima tahun berkhidmat hanya dibayar ganjaran yang tidak lebih daripada RM100,000.00 iaitu bersamaan

dengan 17.5% kali dengan bilangan bulan perkhidmatan. Dalam kes ini saya dah congak-congak bayaran congak kiri kanan bayaran dan formula pengiraan lebih daripada 30% dengan izin Tuan Speaker. Lebih daripada 30%. Persoalannya yang timbul ialah bagaimana keputusan ini diluluskan. Kenapa begitu tergesa-gesa. Pagi lulus dalam mesyuarat MMKN dan saya difahamkan sebelah petang kos dibayar tunai melalui *Electronic Fund Transfer* (EFT). Pagi lulus petang dibayar duit. Duit sampai terus sampai kecek. Apakah ada agenda yang tersirat. Tambahan pula lebih mengejutkan apabila pihak media melaporkan bahawa mantan Menteri Besar YB Pelabuhan Klang tidak mengetahui jumlah *detail* bayaran yang diberikan. Justeru itu siapakah yang menetapkan keputusan jumlah bayaran tersebut. Siapa? Siapa orang yang menetapkan bayaran 30% dengan cara ini siapa? Saya minta penjelasan. Ya, saya minta penjelasan siapa? Kerana ini melibatkan pihak kerajaan wajib senaraikan butiran terperinci dan dedahkan laporan semakan audit kepada Dewan yang mulia ini apakah kisah benar yang berlaku kerana ini melibatkan wang rakyat. Ya wang rakyat yang bernilai RM2.6 juta. Sekinchan bukan dengki dan sakit hati tak dapat duit tapi demi ketelusan kebertanggungjawaban dan keupayaan kita kena beritahu kenapa ini berlaku. Kita harap perkara sedemikian tidak akan berlaku pada masa akan datang.

Tuan Timbalan Speaker, rentetan daripada bayaran penghargaan ini sudah sampai masa sudah sampai masa anak-anak syarikat Kerajaan Negeri Selangor membuat rombakan dan pembaharuan mengikut peredaran dan keperluan semasa. Saya selaku pengerusi PAC dan juga ahli jawatankuasa SELCAT tidak akan tutup mulut terhadap isu ini. Bayangkan struktur ahli lembaga MBI hanya terdiri daripada tiga orang sahaja iaitu YAB Dato' Menteri Besar strukturnya dan Penolong Setiausaha Kerajaan Negeri, YB Pegawai Kewangan Negeri. Dalam keadaan sebegini terdedah berbagai risiko kelonggaran dan kelemahan. Apakah kalau sesuatu keputusan yang dibuat oleh Menteri Besar ketika itu beranikah YB Dato' SUK dan Dato' PWN membantah. Sesungguhnya tidak sebab kaki tangan kerajaan. Kita malu hakikatnya memang sukar untuk membuat bantahan sebab mereka adalah penjawat awam yang patuh dan setia pada bos ketika itu. Maknanya walaupun dengan tiga orang ahli lembaga MBI tapi sebenarnya hanya Menteri Besar yang mempunyai kuasa mutlak untuk membuat keputusan. Komposisi sedemikian kurang sihat. Memang kurang sihat. Bukan kurang manis kurang sihat. Kurang sihat dan tidak telus. Di samping banyak kelemahan dan wujud ruangan yang besar kemungkinan berlaku salah guna kuasa. Oleh yang demikian perhatian serius dan tindakan drastik perlu diambil bagi mengelakkan kejadian sedemikian rupa berulang kembali di masa hadapan.

Tuan Timbalan Speaker, saya ingin menyahut, menjawab respons balas Ketua Pembangkang tadi beliau mengatakan

Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker.....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya....Kota Anggerik....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Oh Kota Anggerik...ya bagi....bagi....

Y.B. TUAN YAAKOB BIN SAPARI: Merujuk kepadakita tadi adakah Sekinchan setuju supaya perkara ini dibawa kepada SELCAT agar satu jawatankuasa khas untuk mengkaji macam mana perkara tersebut boleh berlaku.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih rakan bijaksana seperjuangan saya daripada Kota Anggerik yang dah pindah sebelah sini ke sana ya dulu lebih condong ke pembangkang sekarang dah ke kerajaan ini dah dekat-dekat ke EXCO ni kita doakan yang tu bahaya yang lima dua tu dia beri bangun lebih kuranglah ketua kumpulan saya ketua kumpulan saya Meru. Saya nak bagi tahu saya ambil maklum saya cukup terima kasih dengan cadangan di mana SELCAT boleh memanggil ya pendengaran tapi kita nak tunggu dulu....kita nak tunggu dulu laporan daripada pihak kerajaan bagaimana audit memberi teguran dan sebagainya tentang perkara ini ya ini proses yang kita nak tengok ini tak ada masalah tapi nak tengok dulu apa audit kata apa audit ngomong. Dan saya nak jawab Ketua Pembangkang bangkitkan isu tadi, sebelah pagi dia bangkitkan isu berleluasanya aktiviti kegiatan perjudian...gembeleng ya perjudian mesin slot dan sebagainya di PBT dan sebagainya, saya dengar tadi saya dengar betul-betul kegiatan perjudian haram. Saya nak maklumkan di sini ya saya nak respons di sini menyentuh tentang isu pengawasan PBT terhadap premis-premis yang disalah guna oleh aktiviti perjudian haram dan mesin slot kuda yang berleluasa sebelum ini. Pernah saya bangkit dalam Dewan Yang Mulia ini bahawa pihak PBT tidak mengeluarkan lesen ya saya dimaklumkan tidak mengeluarkan lesen kepada pengusaha-pengusaha tetapi mereka tetap tidak berganjak dan menjalankan perniagaan, perjudian secara haram. Kuasa yang ada pada PBT adalah terbatas dan anggota penguatkuasaan PBT sering terdedah dengan berbagai-bagai ancaman keselamatan. Lagipun mereka tidak dibekal senjata api seperti pistol ya mereka mungkin ada tukul. Kita sedia maklum ketua-ketua sindiket perjudian haram ini begitu...ya...mereka mempunyai kabel-kabel dan jaringan rangkaian yang meluas di seluruh Negara. Ada di antara mereka mempunyai senjata api sebagai contoh dalam kes yang berlaku baru-baru ini letupan bom tangan di Sun Complex Kuala Lumpur....baru-baru ini ya...yang berlaku ada letupan bom tangan. Mereka bergaduh antara gengster antara sindiket....ada bom tangan. Ha...ini perkara biasa. Sehubungan itu pra syarat untuk membendung....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan....

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Kampung Tunku ya....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya....

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: *Orait-orait....bagi...*

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin bertanya kepada YB. Ini adalah satu isu yang penting tentang penguatkuasaan di Negeri Selangor. Adakah YB Sekinchan setuju dengan saya, mengikut fakta yang ada di hadapan saya ini Jabatan Hutan Sarawak untuk melengkapkan atau memperkasakan penguatkuasaan mereka, mereka dibenarkan untuk memegang senjata api, Kerajaan Persekutuan membenarkannya. Adakah Yang Berhormat juga bersetuju dengan saya sekiranya kita juga membenarkan penguat kuasa di PBT dan juga Pejabat Tanah diberi kuasa untuk memegang senjata api setakat untuk mempertahankan nyawa dan diri sendiri penguatkuasa kita. Apakah Yang Berhormat bersetuju.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih rakan seperjuangan bijaksana saya Yang Berhormat Kampung Tunku melontarkan tentang apa yang berlaku di Sarawak di mana renjer-renjer hutan mereka dibenarkan membekal senjata api, pistol dan sebagainya. Tetapi di sini PBT, pernah dimaklumkan juga kita nak minta PBT kita dimaklumkan juga kita nak minta bukan pistol tetapi lain daripada pistol sejenis apa saya tidak tahulah. Leser seperti macam kena karan pengsan itu pun kena minta permit sana, sini permit ini semua Ketua Pembangkang geng-geng tak nak luluskan peringkat Persekutuan. Apa salahnya kita untuk kita membanteras sindiket-sindiket ini kita kerjasamalah tengoklah tadi kata *friendly* dengan izinlah tapi cakap tak cukup bikin. Sehubungan dengan itu pra syarat untuk membendung kegiatan perjudian haram hanya ...

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Mohon mencelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya nak bertanya kepada Sekinchan berkenaan dengan apa yang dipanggil mesin judi, pusat judi haram dan sebagainya. Saya dah banyak kali telah membangkitkan dalam Sidang ADUN, sudah dua kali Sidang DUN saya bangkitkan perkara ini. Polis telah menjalankan tanggungjawab mereka buat penguatkuasaan. Jawapan Yang Berhormat EXCO sejak dua Sidang DUN yang lalu nak ubah Enakmen, nak memperkuatkan Enakmen supaya memberikan lagi kuasa kepada Penguat kuasa PBT tapi sampai sekarang, sampai hari ini saya tengok usul tidak ada lagi Enakmen-enakmen untuk diubah. Ini saya fikir Sekinchan boleh bersetuju dengan saya bahawasanya Enakmen boleh diubah untuk memantapkan lagi penguatkuasaan di peringkat PBT.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat Dengkil bakal potensi Ketua Pembangkang akan datang, saya ucapkan terima kasih kerana memberi saranan cadangan tentang isu yang berbangkit begitu prihatin. Saya dengar jugalah jawapan daripada Kerajaan tentang ubah Enakmen dan sebagainya tapi kita kena tahu satu perkara. Perkara ini cukup penting kalau kita ubah Enakmen dan sebagainya kita perlu masa kesabaran itu kena perlu ada. Yang keduanya, kita nak minta senjata api kena bantuan daripada Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Dalam Negeri. Kalau signal ini tak ada '*ojo ngomonglah*' tidak perlu cakap dengan izin, tidak perlu cakaplah. Jadi saya nak bagi jawapan seterusnya di sini saya bagi jawapan tentang PDRM dan sebagainya seterusnya para syarat untuk membendung kegiatan perjudian haram hanya akan berjaya berkesan dengan bantuan dan kerjasama pasukan Polis Raja Malaysia. Kerana pihak PDRM mempunyai bidang kuasa penguatkuasaan yang lebih besar dan juga dari aspek senjata api walau pun sebelum ini Pihak Pembangkang tidak berapa bersetuju dengan hujah saya mengenai isu ini namun hakikatnya apa yang berlaku mutakhir ini ialah apabila kisah benar. Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar dengan tegasnya mengarahkan semua Ketua OCPD membuat operasi bersepadu dan pasti tidak ada lagi kegiatan perjudian haram dan slot mesin judi sekiranya didapati masih wujud di daerah-daerah tertentu aktiviti berkenaan di kawasan tertentu maka OCPD tersebut akan dipindah dalam tempoh 24 jam. Sesuai dengan arahan Ketua Polis Negara, OCPD di setiap daerah di seluruh Negara termasuk Selangor dan Sabak Bernam, kawasan saya Sekinchan Sabak Bernam telah bertindak segera dan terkini boleh dikatakan untuk maklumat Dewan yang mulia ini hampir semua premis perjudian haram yang beroperasi secara haram sebelum ini sudah pun tutup sebelum serbuan penguat kuasa sudah tutup boleh cek sekarang. Macam sudah hilang dah, dulu kalau di kawasan Kapar sudah 20, Sekinchan ada 7, Sungai Besar ada 10, sekarang sudah tutup pintu sendiri. Oleh itu dalam konteks ini sudah terang lagi bersuluh, saya ucapkan tahniah dan terima kasih kepada Ketua Polis Negara dan PDRM atas inisiatif dan ketegasan dan membantu membanteras kegiatan perjudian haram yang begitu berleluasa sebelum ini dan mendatangkan pelbagai masalah sosial dan keselamatan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan, Kampung Tunku minta laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya bertanya kepada Yang Berhormat Sekinchan, sama ada persoalan saya ini boleh mengukuhkan pendirian hujah Yang Berhormat Sekinchan. Bukan sahaja Polis ada penguat kuasa ada hak menggunakan senjata api ada undang-undang dan kuasanya malahan dari segi kelengkapan dari segi logistik Polis mempunyai lokap. PBT tidak ada lokap kalau PBT menjalankan operasi menangkap orang ke mana kita nak letak mereka. PBT

tidak ada lokap tetapi Polis ada dan dengan kelengkapan lokap itu mereka dapat menjalankan siasatan dengan lebih terperinci dan mereka yang melanggar undang-undang boleh dibawa ke Mahkamah. Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat sama ada ini boleh menguatkan sebab ataupun hujah Yang Berhormat terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, atas penambahan nilai tambah hujah saya oleh Yang Berhormat Kampung Tunku rakan seperjuangan saya. Memang saya setuju sungguh 100% bukan 152% macam Yang Berhormat Meru akhirnya terbukti bahawa tanpa bantuan dan ketegasan PDRM memang sukar untuk membendung kegiatan perjudian haram tersebut. Justeru itu saya juga berharap ketegasan dan inisiatif Ketua Polis Negara dan PDRM ini dapat bertahan lama dan konsisten kalau tidak masalah yang sama akan berulang kembali mungkin selepas 3 bulan, 6 bulan ataupun mungkin setahun. Bagi pihak PBT pula juga saya menyarankan terus hubungan yang baik *friendly* dengan pihak PDRM untuk mengadakan operasi-operasi bersepadu dan sekali gus penguatkuasaan dan memperketatkan undang-undang kecil kegiatan-kegiatan perjudian tersebut demi untuk memastikan penyakit barah sosial kegiatan perjudian haram ini dapat di secara tuntas dan berkesan. Tuan Timbalan Speaker menyentuh sedikit tentang pembinaan Rumah Selangorku ini. Belanjawan 2015 ini pembangunan berkualiti rakyat diperolehi yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar Selangor Tuan Azmin Ali pada kali ini juga menekan soal keperluan permintaan rakyat rumah mampu milik yang semakin terdesak. Saban hari kita mendengar rintihan daripada rakyat, keluhan daripada rakyat khususnya golongan dan anak muda yang baru tamat pengajian dan mula bekerja. Mereka menghadapi pelbagai tekanan termasuk kos saraan hidup yang membebankan dan kenaikan harga barang yang semakin tinggi dan perlu membayar balik hutang PTPTN pengajian secara ansuran setiap bulan kalau tidak berkemungkinan tinggi mereka di senarai hitamkan dan ditahan jika hendak pergi ke luar Negara. Saya juga dimaklumkan purata gaji lepasan graduan tidak melebihi dua ribu, Diploma RM1,500.00, Ijazah RM1,800.00 gaji mereka bayangkan mana mungkin mereka mempunyai kemampuan untuk membeli rumah, memiliki rumah. Jangan kata beli rumah sewa rumah kadang kala juga bermasalah, justeru itu sebagai kerajaan yang mengambil kepedulian yang tinggi terhadap rintihan dan keluhan rakyat sesungguhnya pasti akan berusaha keras untuk membantu rakyat dengan membuat perancangan dengan teliti secara jangka pendek dan jangka panjang dengan membina lebih banyak rumah mampu milik Selangorku. Supaya golongan anak muda dan rakyat yang berpendapatan rendah mampu memiliki rumah sendiri. Sudah berulang kali saya membangkitkan isu keperluan membina rumah mampu milik Selangorku di dalam dewan yang mulia ini. Bukan sahaja perlu membina dengan jumlah bilangan yang besar dengan kadar yang lebih segera, lebih cepat setelah mendengar Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar tentang langkah proaktif yang diambil dalam pembentangan bajet semalam untuk yang merealisasikan dan impian matlamat satu keluarga satu kediaman yang sempurna. Ini adalah berita satu yang cukup baik

khususnya untuk rakyat Selangor yang berpendapatan rendah dan sederhana serta anak muda dan lepasan universiti. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kerana sensitif tahu apa yang rakyat inginkan saya yakin dan percaya usaha gigih Kerajaan Negeri menerusi pemberian insentif dan kemudahan kepada anak-anak syarikat dan pemaju swasta seperti yang digariskan dengan memberi kelulusan segera, diskaun premium 10% nilai tanah semasa, pertimbangan pertambahan kepadatan sehingga 120 unit per ekar dan sebagainya inilah cara kita mentadbir. Jangan terlalu konservatif terlalu perlu memikir banyak sangat rakyat tunggu kesabaran rakyat tidak dapat, rakyat tak nak sewa tiap-tiap hari, tidak mampu dan hasrat dan harapan rakyat inilah kerajaan yang dengar suara rakyat. Saya yakin.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan lagi 3 minit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Masih banyak lagi Tuan Timbalan Speaker.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ramai nak berucap lagi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Kerana Ketua Pembangkang tadi mengambil masa 1 jam setengah tambah 10 minit, 1 jam 40 minit. Ketua PBC tidak boleh di anak tirikan dengan masa yang begitu. Saya minta keadilan mesti ditegakkan di dalam dewan negeri ini saya untuk menyatakan suara rakyat tidak terhad dalam konteks ini.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: ok, Pertimbangan juga, ramai nak berbahas.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih saya akan congak-congak, *insya-Allah* saya akan congak-congak jugalah terima kasih, saya yakin dan percaya usaha gigih Kerajaan Negeri menerusi pemberian insentif kepada anak-anak syarikat dan pemaju saya cakap tadi yang akan pastinya merancakkan lagi 1000 -1,500 unit dalam tempoh 3 tahun. Saya yakin Lembaga Perumahan Hartanah Selangor mesti bekerja kuat saya ingin mencadangkan setiap daerah, 9 daerah di Negeri Selangor setiap daerah paling kurang satu atau dua projek rumah mampu milik wajib dijalankan demi untuk memenuhi hasrat rakyat memiliki rumah di kawasan daerah-daerah yang tertentu. Ini cara Pakatan Rakyat Yang Amat Berhormat saya minta pertimbangkan saranan permintaan saya ini. Dan seterusnya Tuan Timbalan Speaker pengumuman Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam pembentangan bajet semalam pertama kalinya dalam sejarah Negeri Selangor memberi peruntukan mesra rakyat 200 ribu kepada kawasan ADUN pembangkang kepada 12 ADUN pembangkang berjumlah 24 juta dan saya tidak dengar bebas dapat ke tidak. Itu saya minta penjelasanlah yang bebas sebab Pelabuhan Klang ini dia agak unik sedikit dengan rakan seperjuangan saya dululah saya pun tidak banyak cakap. Agak unik kalau penggal yang lepas Pelabuhan Klang akhirnya jadi bebas, penggal ini dia pun bebas, kalau nak bertanding di Pelabuhan Klang dia akan jadi bebas kena jaga-jaga sedikit. Ini ingatan saya, sekadar ingatan Tuan

Timbalan Speaker, jadi ini tidak pernah berlaku BN, Barisan Nasional 50 tahun memerintah Negeri Selangor sebelum 2008 waktu saya jadi Pembangkang 2004, waktu Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa dahulu Hulu Kelang 1999, termasuk Yang Berhormat Sabak 1999 Tuakang Sungai Besar dengan izin. Jadi Pembangkang satu sen pun dia tidak bagi, jangan kata nak kena tolak tidak ada *chance*, tiada peluang nak tolak satu sen pun tidak ada bahasa jawa dengan izin tiada. Sebab ini memang satu budaya politik dendam yang dipraktikkan oleh Barisan Nasional dulu, kini sampai hari ini di peringkat Parlimen macam itu juga yang ada kita minta pun tidak dapat. Ini yang berlaku, tetapi sekarang lain Pakatan Rakyat kita sekarang menghulurkan tangan persahabatan kita. *Friendly* kita bukan omong-omong kosong dengan izin, kita dalam bajet senaraikan sebab pembangunan berkualiti rakyat di peduli, rakyat termasuk di kawasan pembangkang pun kita perlu dipedulikan cakap serupa bikin Kita hulurkan walaupun ada usik-usik sedikit janganlah cepat naik angin ini Ketua Pembangkang Sungai Burung tua-tua daun keladi tua-tua makin menjadi usik sedikit dia kata kita tidak baik *nawaitu* baik *halalan toiyibah* (dengan izin) ini pun tak tahu. Kita hendak bagi supaya berbelanja untuk kawasan situ. Permulaan 200 dahulu saya cadangkan kalau tahun hadapan perbelanjaan prestasi perbelanjaan baik mencapai sasaran kita boleh tambah lagi YAB kita tambah lagi Sekinchan tiada masalah bukan duit Sekinchan pun duit rakyat. Saya minta saya tolong minta mana ada PBBC wakil kerajaan yang baik macam itu dengan Pembangkang saya lah mesra Pembangkang tau dulu kini dan selamanya. Jadi saya hendak bagi tahu.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Minta penjelasan sedikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila-sila Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Timbalan Speaker. Biasa diminta tak dapat marah ini bagi orang tidak terima apa pula nak marah Sekinchan. Saya tak nampak apa pasal nak marah jadi tak patut nak marah lah, sebab kita pun saya ingat Ketua Pembangkang ada juga sebut tadi kita tolak pun kerana ada prinsip juga ini saya ingat janganlah marah Sekinchan kalau dia tidak terima pun.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih YB. Permatang selaku Timbalan saya angkat sebagai Timbalan Ketua Pembangkang yang itu bakal berpotensi. Jadi saya hendak memberi tahu kita bukan marah cuma tadi daripada pembahasan tadi itu saya nampak mula-mulanya suara nada macam wakil kerajaan Ketua Pembangkang kemudian menghulurkan persahabatan *friendly* (dengan izin) sampai penghujung marah pula dia tak nak dia tolak pula bulat-bulat janganlah tolak tak apalah itu terpulang, terpulang. Tapi yang pentingnya saya harap kita perlukan Pembangkang untuk Dewan Negeri ini untuk *check and balance*. Peranan Ketua Pembangkang dalam Sistem Demokrasi berparlimen ini cukup penting dengan itu kita telah Kerajaan Negeri sebelum ini awal bulan awal tahun kita sudah mengisytiharkan

pengiktirafan terhadap kedudukan peranan Ketua Pembangkang ini bukan, bukan sebarang kita betul melalui Dewan kita luluskan dan Ketua Pembangkang kita bagi elaun RM3,000.00 sebulan dan juga kemudahan kereta dulu kereta lama sekarang bagi kereta baru, *driver* nya termasuk Setiausaha kerjanya ini kita tanggung saya rasa ini belum cukup lagi. Pada petang ini saya ingin mengesyorkan kepada YAB Dato' Menteri Besar Ketua Pembangkang ini kita kena jaga dia kalau tidak ada Ketua Pembangkang pun susah juga *check and balance* walaupun ada daripada PBC kita *check* tapi kalau ada lagi moleklah ya (dengan izin). Jadi saya minta kalau boleh elaun tetap RM3,000.00 Ketua Pembangkang naik sampai RM10,000.00 apa salahnya RM10,000.00 lah kita bagi Ketua Pembangkang sebab kita bangga di Selangor hasil negeri untuk rakyat. Ini cadangan sayalah. Lontarkan ya. Pakatan Rakyat mengajar erti Demokrasi (dengan izin) Pakatan Rakyat mengajar erti Demokrasi walaupun Pembangkang peruntukan tetap *bahasa jawa* walaupun Pembangkang kita tetap bagi kereta baru drama Toyota Camry Ketua Pembangkang *bahasa jawa* Ketua Pembangkang ketawa pun sampai nampak gusilah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Pinjam bahasa apa itu?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Bahasa jawa ya minta izinlah.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Mohon menjelah.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Dengkil minta

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Teruskan Dengkil

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Dengkil

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya hendak balas balik pantun Sekinchan tadi fasal wang rakyat, fasal bazir wang rakyat. Sekejap, sekejap

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ini pantun

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Pantun ini berbentuk soalan. Soalan untuk Sekinchan tapi dalam bentuk pantun.

Sultan Selangor Bijak Bestari,
Memilih Azmin menjadi Mamanda Menteri,
Apa jadi langkah Kajang kini,
Bazir wang rakyat sesuka hati? Tanda soal itu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Bagi dia syok sendiri dengan pantun dia tak apa yang pentingnya Pakatan Rakyat terus megah dan memerintah Negeri Selangor dengan baik jaga rakyat dengan baik termasuk Pembangkang kita kena jaga. Ya itu baik lawan pantun kemudian ya. Ya yang pentingnya bakal potensinya ada lebih baik daripada Sungai Burunglah. Kita akan lobi masa akan datang supaya Dengkil ini diambil sebagai Ketua Pembangkang dan juga saya ingin tekan satu dua perkara yang penting. Baru-baru ini kes Mahkamah Penghakiman oleh Mahkamah Persekutuan atas kes saman Y.B. Puchong Ong Beng Sing Lion terhadap Parlimen Speaker dia saman sebab apa ketika itu beliau digantung oleh Parlimen setengah tahun digantung bukan sahaja digantung tapi tak boleh datang ke Parlimen juga dinafikan menerima kemudahan elaun sebagai Ahli Parlimen. Jadi Y.B. Ong Beng Seng telah ke *court* dan cabar dan akhirnya keputusan terakhir Penghakiman Persekutuan memutuskan Perlembagaan Hak sebagai seorang Ahli Parlimen tidak boleh dinafikan elaunnya boleh digantung tapi elaunnya tidak boleh dibagikan kepada Jawatankuasa Hak Kebebasan. Dan ini telah menjadi satu pertunjukan di mana ini Dewan Negeri Selangor merupakan perubahan membaharui menerajui Dewan di seluruh negara. Jadi kita juga ada kes demikian saya ingin menuntut keadilan. Termasuk YB Mantan Menteri Besar Sungai Panjang ya Khir Toyo Dr. Khir Toyo dulu beliau digantung 2009 digantung-digantung atas kerana tidak datang ke SELCAT dan sebagainya beliau digantung 6 bulan atau setahun beliau digantung oleh Dewan oleh Jawatankuasa Hak dan Kebebasan beliau digantung tanpa gaji tanpa gaji oleh Dewan Negeri Selangor. Kenapa kita rujuk tanpa gaji kerana ada satu kes sebelum ini kita rujuk kes apa?. Kes 2004 dan 2008 kes apa YB Sungai Pinang sekarang EXCO YB Sungai Pinang beliau digantung zaman Barisan Nasional oleh Speaker pada masa itu Jawatankuasa hak dan Kebebasan 18 bulan, 18 bulan tiada gaji dan elaun juga oleh Dewan Negeri Selangor. Jadi kes YB Mantan Menteri Besar Sungai Panjang rujuk kes Sungai Pinang, Sungai Pinang dia dulu kes Parlimen jadi salah, salah kembali, salah kembali, salah kembali. Dan hari ini saya hendak menyatakan dalam Dewan yang mulia ini Penghakiman *Federal Court* Mahkamah Persekutuan sudah guling-guling Penghakiman tidak boleh dinafikan bayaran gaji dan elaunnya. Oleh yang demikian, sebagai Dewan Negeri yang bertanggungjawab saya menuntut meminta YAB Dato' Menteri Besar kaji gaji semula semua penggantungan terhadap Barisan Nasional yang dulu dinafikan gaji pulang balik kepada mereka itu hak mereka. Kita Dewan Negeri Selangor mencapai *standard internasional globisasi* seluruh dunia bertahan dunia kita hormat pada prinsip undang-undang dan termasuk YB Sungai Pinang yang digantung kita panjangkan kepada yang dulu tiada rekod di Negeri Selangor Jawatankuasa Hak dan Kebebasan gantung Ahli Dewan tanpa gaji selaras dengan undang-undang. Kita minta perkara ini dipertimbangkan. *Interes* boleh dibincangkan

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Termasuk *interest*

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Itu boleh diperbincangkan. Terima kasih YB daripada Permatang. Saya minta itu boleh dipertimbangkan. Seterusnya ada beberapa perkara kecil

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya minta ringkaskan boleh

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya ringkaskan saya rumuskan sedikit demi sedikitlah. Saya rumusan sedikit demi sedikit perkara yang saya nampak di sini termasuk kita dalam Perbelanjaan bajet 2015 ini Pembangunan Kualiti Rakyat Di Peduli dan peruntukan untuk merayakan ekonomi Selangor sebanyak RM277.3 juta. Ini memang rakyat Selangor menanti program-program merayakan ekonomi termasuk hadiah masuk Universiti RM1,000.00, termasuk TAWAS Tabung Warisan Anak Selangor, Skim Mesra Usia Emas, Jom *Shopping* dan sebagainya. Inilah menjadi satu program popular rakyat melata di pelosok Negeri Selangor Melayu, Cina dan India begitu teruja suka kepada program Kerajaan Negeri ini. Dan hadiah masuknya Universiti dalam konteks ini tahun ini tahun hadapan RM8,000.00,00 kita bagi kepada Sarjana Muda dan Diploma sepenuh masa bagi keluarga pendapatan di bawah RM3,000.00 tapi saya hendak menyatakan di sini ada banyak wujud kelemahan hadiah masuk ke Universiti. Kita bagi RM1,000.00 kepada pelajar tapi kita menyebabkan mereka susah cukup susah bila Demokrasi berlipat ganda saya minta ini diteliti sebab saya dapat aduan di pejabat saya ada pelajar Universiti dapat hantar borang 3 bulan 6 bulan tidak dapat lagi duit dapat duit suruh datang ke pejabat SUK kena datang cuti datang ke pejabat SUK tingkat berapa 4, 5 ambil duit akhirnya dapat cek RM1,000.00 tapi cek itu bagi Timbalan Speaker luput tarikh 3 bulan luput tarikh. Ini sikap pegawai kita yang terlepas pandang tidak *efisien*. Jadi kena ada lompatan semula dalam konteks ini kita hendak bantuan rakyat bukan menyusahkan rakyat. Seribu rakyat sanjung tapi jangan bagi jalan 3, 4 kaki cek tukar lagi tunggu, ini telah menyebabkan kesan positif akhirnya bertukar menjadi negatif. Jadi saya mengharap perkara ini diambil maklum oleh pihak kerajaan dapat dibuat penambah baik dalam konteks ini. Dan seterusnya saya ingin ungkit kan satu perkara yang cukup penting di mana sekarang ini ada satu *trend* ya Tuan Timbalan Speaker ada satu *trend* di Negeri Selangor ini dulu tidak pernah berlaku. 50 tahun yang lalu beberapa tahun yang lalu tidak pernah berlaku kenapa?. Ada elemen-fanatik pelampau wujud di Negeri Selangor ini. Jadi saya menyahut seruan cukup gembira menyokong penuh seruan ya ketegasan YAB Dato' Menteri Besar elemen fanatik dan pelampau tiada tempat di Negeri Selangor. Kita menegaskan kesederhanaan ya keterbukaan ya di Negeri Selangor. Ada golongan-golongan yang berpaksikan NGO sekarang ini di Negeri Selangor. Mereka berdiri menggunakan topeng-topeng bukan NGO dan mereka membuat kerja-kerja apa membantah, membantah apa bantah penjualan arak di sana sini. Penjualan arak ini di sana sini di kedai yang ada lesen oleh PBT jual arak mereka bantah katanya di sini penduduk ramai Islam tidak boleh jual arak. Saya hendak menyatakan di sini kita hormat saya sebagai bukan Islam Sekinchan saya hormat hak Islam sebagai agama rasmi saya hormat hak orang Islam tidak minum tapi orang bukan Islam sebagai saya pun kena

hormat juga, hak saya untuk minum kena hormat kita beli. Lesen arak ada 2 lesen arak di biasa di 7Eleven di Speedmart dan kedai-kedai serbaneka yang jual *Carlsberg* yang jual *Tiger* 50% alkohol itu di bawah bidang kuasa PBT kalau ada lesen mereka boleh jual tidak perlu lesen tidak boleh daripada kastam, Pejabat Tanah ada satu 1 liter minuman keras dia perlu kelulusan Pejabat Tanah dan juga Kastam ya itu bukan dijual sembarangan. Saya akur. Saya akur ini penguatkuasaannya ada tapi sekarang timbul dulu tak pernah. Di mana demokrasi kita. NGO di surau-surau ambil kain rentang bantah tidak boleh jual, tidak boleh minum. Saya kadang-kadang pelik YB Tuan Timbalan Speaker sekarang pelik yang minum, yang minum tak mabuk yang tak minum mabuk (dengan izin) cakup cina (dengan izin) maksudnya orang yang minum macam saya tak mabuk sebab dia tidak minum banyak dia tak mabuklah. Tapi orang yang tak minum dia rasa mabuk. Jadi saya minta perkara ini mesti ada penjelasan kerana ini boleh menimbulkan prasangka ada sikap was sangka was-was antara kaum tidak ada macam ini Taman saya ada Melayu, Cina ada India. Kalau esok saya hendak menantu, kondangan misal katalah, saudara saya nak kenduri, esok nak berkahwin, malam ini saya buat khemah, buat khemah, ajak sanak saudara ada minum-minum sikit, Melayu di situ mereka faham, tak ada masalah sebab dia tahu ini adalah keraian, kenduri. Tak ada masalah, kalau itu pun kita ambil sepanduk, Selangor ini Malaysia ini akan jadi negara apa? IS (*Islam State*). Taliban?. Jadi kalau yang ini kita kena tolak dan saya ada satu dan oleh sebab masa, saya nak bagi masa pada kawan la ya. Tuan Timbalan Speaker, saya ucapkan Tahniah kepada Tuan Timbalan Speaker kerana telah berjaya sebagai menang kepada saya, saya tak apa, ini persahabatan sebab yang menang Sekinchan lawan Bangi tapi memang Sekinchan. Kenapa saya kata begitu. Bangi daripada Sekinchan. Hahaha..Bangi duduk Sekinchan dulu. Asal Parit 4 betul ya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Okey Sekinchan, tak tambah masa dah. Masa tak tambahan dah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Jongkit-jongkit pun tak dapat ke?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Teruskan, 3 minit, 3 minit.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak NGO-NGO ni, saya ada dapat satu *complaint* daripada awam, kempen macam ni, kempen tandatangan membantah, membantahnya jualan arak di premis sekian, sekian Saujana Rawang, Bangi dan tempat-tempat tertentu. Ini berlaku. Kalau benda ini selalu berlaku, tak ada lah jangan ada wujud ada elemen menjadi celaru di Negeri Selangor. Saya mintak lah jangan ada wujud ada elemen di sebalik tabir. Saya tahu, saya tahu kenal orang-orangnya dan di sini saya nak ungkit satu nama di sini, Kamaruzaman telefon dia boleh hubungi 013-206-9522. Kamaruzaman 013-206-9522, siapa orangnya ini? Saya tahu tapi saya tak dedahkan. Jadi jangan buat kerja macam ni la, ketegangan kaum jangan dicari, fahaman fanatik ini jangan dicari, kita nak

kesederhanaan, sabar, ada hal kita bincang la. Bantah semua bantah habis, nanti saya dah minum, saya tak mabuk, orang lain mabuk, ini jadi masalah. Jadi itu la setakat...

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Penjelasan. Mintak penjelasan sikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Paya Jaras minta penjelasan.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Ya, kita memahami pendirian Sekinchan tentang toleransi, tapi saya bertanya setujukah YB Sekinchan bahawa penjualan arak ini harus diketatkan terhadap orang Islam, yang beragama Islam.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat Paya Jaras, rakan seperjuangan saya yang tegas dengan isu ini. Saya terima macam di *7Eleven* dia tulis 'Haram Untuk Islam'. Kalau kawan-kawan semua orang Islam minum, kita hukum dia, dosa. Kita jawab di Akhirat, dosa, tak boleh, kita kena tulis. Tapi yang bukan Islam dia boleh beli lah. Jadi benda ini kena ada satu pendekatan yang *win-win situation*. Kalau dah hari-hari nak buat saya pun boleh. Kalau ada orang nak buat kenduri saya pun boleh pergi bawak NGO, NGI pun ada, PERKASA, Perkasam. Sampai bila nak selesai masyarakat kita dengan cara sedemikian? Jadi harap maklum lah perkara sedemikian. Jadi Tuan Timbalan Speaker, saya menyanjung sungguh, menyokong penuh kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan bajet yang besar RM2.4 bilion ini dengan bajet pembangunan yang begitu besar, saya yakin pada tahun 2015, ekonomi Negeri Selangor akan semakin rancak dan kebersihan di Negeri Selangor akan berada dalam wajah baru sebab Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dia terjah, dia terjah turun ke bawah, dia terjah dan kita mahu kurangkan sampah dan kebersihan dan sebagainya. Jalan nak baik, peruntukan MARRIS kena gunakan maksimum untuk buat jalan, keselesaan kepada rakyat inilah satu negeri yang menjadi contoh. Saya harap dengan usaha kita Pakatan Rakyat ini, *Insyaa-Allah* saya yakin dengan izin, Negeri Selangor akan menjadi contoh kepada pimpinan Pakatan Rakyat di seluruh negara untuk satu model Negeri Pembangunan dan dengan akhir sekali saya menyokong bajet ini dengan satu pantun;

Krisis MB menjadi pengajaran,
Sehingga menggoncang kekuatan Pakatan,
Semangat setia kawan amat diperlukan,
Agar musuh tidak mengintai peluang.

Sekian, sahaja terima kasih. Saya menyokong bajet ini. Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Sekinchan, saya silakan Sabak.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Tuan Timbalan Speaker, izinkan saya untuk memulakan perbahasan ini dengan memetik ayat *Al-Quran* yang menyebut (ayat *Al-Quran*), 'Katakan lah wahai Muhammad, wahai Tuhan yang mempunyai kerajaan, Kau berikan kerajaan kepada orang yang Engkau kehendaki dan Kau cabut kerajaan dari orang yang Engkau kehendaki. Engkau memuliakan orang yang Engkau kehendaki dan Engkau hinakan orang yang Engkau kehendaki. Di tangan Engkau lah segala kebajikan, sesungguhnya Engkau maha kuasa atas segala sesuatu.'

Tuan Timbalan Speaker, saya memulakan perbahasan dengan membacakan ayat ini sebagai mengingatkan pihak kerajaan dan semua yang sayang kepada Pakatan Rakyat agar bersama menjaga tanggungjawab kepimpinan dengan amanah, berintegriti serta membuang jauh segala bentuk kesombongan dan keangkuhan kerana kuasa memerintah boleh datang dan pergi. Sudah cukup lah untuk kita mengambil pengajaran dari sikap megah dan sombong kerajaan-kerajaan yang lalu dengan mendakwa hanya dia sahaja yang boleh memerintah dulu, kini dan selamanya. Marilah kita kuburkan terus fahaman khurafat ini dalam lipatan sejarah. Seterusnya kita memacu kerajaan ini dengan kesedaran bahawa andai kita cuai dan lalai serta mementingkan hal peribadi melebihi kepada kepentingan rakyat maka bila-bila masa Pakatan Rakyat akan ditolak oleh rakyat. Tuan Speaker, saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan Syabas dan Tahniah dengan penuh kesyukuran kepada Allah atas pelantikan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar daripada Bukit Antarabangsa yang telah diangkat menjadi Menteri Besar dan telah berjaya membentangkan belanjawan Selangor bagi tempoh setahun yang akan datang. Juga saya mengucapkan Syabas dan Tahniah kepada Tuan Timbalan Speaker di atas pemilihannya. Lebih RM2.3 bilion yang akan dibelanjakan bagi tujuan membangun dan mengurus Kerajaan Negeri Selangor, diharapkan akan mampu merangsang pertumbuhan ekonomi yang lebih baik dan mampan dan seterusnya mampu meningkatkan hasil dan pendapatan negeri dan yang lebih penting mampu meraih rahmat dan keberkatan Ilahi. Seterusnya mampu berdiri dalam dunia realiti bahawa kita adalah negeri yang benar-benar menjadi idaman, makmur sejahtera dan berkeadilan. Semua ini mampu untuk terus kita realisasikan, asal sahaja kita sanggup berdiri pada garis mula yang tepat.

Tuan Timbalan Speaker, saya amat tertarik dengan Belanjawan 2015 apabila Yang Amat Berhormat Menteri Besar meletakkan keadilan sosial sebagai teras dalam urus tadbir. Namun suka saya memperingatkan tentang pesanan Baginda s.a.w yang juga memasukkan keadilan dan kepedulian sebagai teras urus tadbir bersama teras-teras yang lain yang mesti dilaksanakan sebagai jaminan kemakmuran, kesejahteraan yang penting keberkatan dan rahmat Allah. Sabda Nabi s.a.w (bahasa Arab) 'Uruslah pentadbiran kamu melalui empat asas penting. (i) ilmu yang dimiliki oleh para ulama' ; (ii) keadilan pemimpin; (iii) kemurahan dan para hartawan; (iv) yang kepedulian terhadap golongan *marhaen*.'

Tuan Timbalan Speaker, bagi asas yang pertama, ilmu dan ulama' teras dalam pentadbiran. Sejak kerajaan Pakatan Rakyat mengambil alih pentadbiran Selangor, alhamdulillah, para ulama', tuan-tuan guru serta ustaz-ustaz digerakkan bagi meletakkan Selangor menjadi negeri curahan ilmu, kemakmuran terbayang di masjid-masjid, di surau-surau dalam program-program keagamaan terutama sekali dan saya juga mengambil kesempatan dalam ucapan ini untuk mengucapkan Tahniah kepada Jabatan Mufti yang telah mengadakan *Murtakar Sultan Sharafuddin* dan Seminar Kanun Jenayah Syariah bagi memberi kefahaman kepada semua lapisan masyarakat terutama umat Islam tentang fokus, tugas dan tanggungjawab umat Islam untuk kembali memartabatkan kanun jenayah ini. Usaha memberi kefahaman ini perlu diteruskan kepada semua lapisan masyarakat sehingga mereka benar-benar memahami tentang maksud dan tuntutan bukan sekadar kepada umat Islam bahkan kepada yang bukan Islam yang berkongsi menduduki Negeri Selangor ini sehingga tidak ada maksud lain yang disembunyikan sama ada yang tersurat dan tersirat kecuali hanyalah untuk membentuk kehidupan umat Islam agar sentiasa berada pada trek yang betul. Bahkan akhirnya dapat difahami oleh semua rakyat bahawa yang paling beruntung dengan pelaksanaan kanun ini adalah dua golongan. Yang pertama ialah orang-orang yang tidak ada niat untuk melakukan kejahatan dan yang kedua ialah orang-orang yang bukan Islam kerana mereka tidak terikat dengan pelaksanaan undang-undang ini. Manakala golongan yang paling takut ialah golongan yang berniat jahat, perasuah, pencuri, perompak, perogol, perogol bersiri dan sewaktu dengannya. Walau bagaimanapun, pada masa yang sama Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri Selangor perlu untuk terus memperkasa dengan izin apa yang disebut sebagai '*Makasid syariah*' yang lain bagi keharmonian hidup umat Islam dan hubungan yang harmoni dengan agama-agama lain yang bukan Islam. Walaupun ianya belum mampu untuk mengekang keseluruhan salah laku umat Islam, namun sekurangnya dapat mengawal sebahagian daripadanya, bak kata *philosophy* 'payung tidak mungkin boleh memberhentikan hujan namun payung membolehkan kita berhenti di tengah hujan.' Faham? Saya pun tak faham. Salah satu dari *Makkasid syariah* adalah usaha yang bersungguh-sungguh untuk menutup pintu-pintu kemaksiatan, apa yang disebut dengan izin *zat zaraik*. Kemaksiatan dalam banyak sudut adalah dibenci bukan sahaja oleh Islam, pencerobohan kepada harta, keluarga, darah dan keturunan dan lain-lain lagi adalah suatu yang sangat dibenci dan disebut dalam banyak ayat *Al-Quran* dan Hadis bahkan disebut juga dalam kitab-kitab agama lain seperti *Bible* umpamanya. Mohon maaf jika saya tersilap dan perbetulkan saya. Umpamanya dalam *Bible* dalam bilangan 6 ayat 1 hingga 6, *Amsal*, bab 20 ayat 1 dan *Appesion* bab 5 hingga ayat 18. Saya juga menyebut tentang perkara-perkara lain yang mesti kita tutup sama ada persoalan haramnya riba, zina lelaki dan wanita bagi orang-orang Islam yang mencuri dan segala-galanya dan dengan itu juga saya mengulangi sokongan kepada Sri Andalas tentang cadangan untuk menguatkuasakan satu undang-undang larangan meminum minuman keras di kawasan terbuka. Tadi soal membeli soal lain tetapi meminum di kawasan yang terbuka sebahagian negara-

negara maju yang lain sebenarnya telah melaksanakan undang-undang ini. Saya juga ingin mengucapkan tahniah juga kepada semua EXCO yang dilantik, tidak terkecuali Yang Berhormat daripada Sijangkang untuk menggalas tugas portfolio agama. Saya berkeyakinan dan perlu untuk difahami oleh semua bahawa dalam banyak perkara EXCO mempunyai kuasa untuk memutuskan kecuai dalam bab agama. Ada perkara-perkara yang boleh diputuskan oleh EXCO dan ada perkara-perkara yang perlu diserahkan kepada Tuanku kerana Tuanku adalah Ketua Agama negeri ini sebagaimana juga yang kita persetujui sama dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri. Oleh sebab itu, ini juga untuk memahamkan kita bahawa keperluan terhadap saya hubungan yang rapat dan intim antara Kerajaan Negeri dan juga di pihak Tuanku Sultan Selangor sendiri.

Tuan Speaker, izinkan saya merujuk kepada Pulau Indah yang telah dizonkan sebagai Hub Halal Selangor sejak sebelum dari tahun 2008. Pada masa yang sama kerajaan *federal* melalui JAKIM telah menyerahkan kelulusan syariah *compliance* ataupun *Halal Compliance* kepada kuasa negeri. Ini bererti Jabatan Agama Islam Selangor telah memikul tanggungjawab ini melalui kerajaan, melalui kerajaan Pakatan Rakyat kita melihat ada peluang besar untuk kita bersaing dalam pasaran halal di peringkat global, mengangkat Pulau Indah setaraf Pelabuhan Salala di Oman dengan memacu *supply-chain* di peringkat global. Sehubungan itu saya sebelum ini dengan rakan-rakan yang lain terutama bersama KDEB dan *Central Spectrum* dan rakan yang lain telah berbincang hingga tertubuhnya apa yang disebut *Halal International Selangor*. Mudah-mudahan kerajaan akan memberi nafas baru untuk terus memacu bagi kesuburan persaingan halal di peringkat global ini melalui apa yang disebut dengan *Halal International Selangor*.

Tuan Speaker, alhamdulillahlah belanjawan kali ini sarat berita gembira bukan sekadar pihak kerajaan dan rakyat bahkan juga pihak pembangkang, kenaikan elaun Imam, elaun Ketua Kampung dan sebagainya namun apalah nasib kepada guru-guru agama terutama Guru KAFA. Mereka masih lagi menerima pada tahap RM1,300.00 pendapatan di bawah paras kemiskinan sebelum ini satu *task force* telah diwujudkan untuk mengkaji kenaikan ini sejajar dengan peningkatan tahap kerja berkualiti guru-guru terlibat. Saya rasa amat terdesak dan mengharapakan sebelum kita menamatkan Sidang kali ini pengumuman kenaikan RM200. 00 bagi menjadikan pendapatan mereka kepada RM1,500.00 boleh dan perlu dan terdesak untuk diumumkan pada penghujung daripada Sidang Undangan Negeri pada kali ini.

Tuan Speaker, asas yang kedua adalah keadilan dan amanah kepimpinan, adil dan amanah mestilah dijadikan jentera yang sentiasa bergerak tanpa henti ibarat jantung dalam tubuh kita berjalan jantung jalan, kita berhenti jantung tetap jalan, jantung berhenti kita jalan. Adil dalam pengagihan, adil kepada semua termasuk kepada orang yang kita tidak suka ingatan Allah '*bacaan ayat Al-Quran*' dengan izin. Wahai orang-orang yang beriman hendaklah kamu semua sentiasa menegakkan keadilan kerana Allah dan menjadi saksi yang seadil-adilnya janganlah kebencian kamu

kepada sesuatu golongan mendorong kamu untuk tidak berlaku adil kerana adil itu akan menghampirkan kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah sesungguhnya Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan.

Tuan Timbalan Speaker kestabilan politik dan kekuatan ekonomi adalah sangat bergantung kepada keadilan sosial dan amanah kepimpinan tidak adil seorang pemimpin yang hanya melaungkan anti rasuah tetapi merekalah kaki rasuah menyuruh rakyat belanja berhemah tetapi merekalah kaki pembazir, tahniah kepada semua yang hidup bersederhana, senang kita bersama rakyat, susah kita bersama rakyat. Saya mengharapkan Kerajaan Pakatan Rakyat akan meneruskan tradisi bersederhana dalam segala hal, ambillah tauladan dari apa yang disebut oleh Baginda SAW '*bacaan ayat Al-Quran*' yang bermaksud zaman lapar di kalangan umat Ku, akulah pertama kali akan lapar dan sekiranya datang zaman kenyang maka akulah yang terakhir sekali yang akan kenyang. Dan boleh jadi mengambil tauladan ini jugalah maka sebelum daripada yang lain turun longkang MB kena turun longkang dulu.

Tuan Timbalan Speaker izinkan saya juga untuk mengakhirkan ucapan ringkas pada petang ini kerana kekangan masalah tekak yang tidak berapa bagus. Untuk saya *landing* dalam masalah di DUN ataupun daripada hujung utara Selangor iaitulah di Sabak dan saya bersyukur bertanding di Sabak, dari Sabak saya datang ke Sabak saya juga pulang macam dalam kubur. Dan sekurangnya untuk satu DUN yang lama disebut dalam Al Quran Sabak, Sekinchan tidak ada dalam Quran. Sabak satu DUN yang menjadi pintu masuk dan pintu keluar ke Negeri Perak saban waktu terutama di hujung minggu pada hari Jumaat, pada hari Sabtu menghala ke Perak jalan terlalu sesak. Dan pada petang Ahad daripada Perak pula menghala ke Lembah Klang jalan terlalu sesak. Trafik selalu jem dan keadaan jalan yang hampir tidak pernah tiap hari tidak berlaku kemalangan jalan raya antara Sabak dan juga Klang. Dan apa yang menyulitkan lagi ialah jalan dua *line* yang dibina hanyalah sampai kepada *trafik light* Balai Polis Sabak tidak sampai kepada penghujung jambatan sempadan. Saya pun tidak faham apakah ADUN Sabak ini masuk ke Negeri Perak ataupun dalam Negeri Selangor sehingga jalan itu terus tidak disambungkan untuk sampai. Sedangkan jambatan Perak, Jambatan Sabak Selangor ke Perak pun sudah ada dua jambatan maka perlu juga ada dua *line* dan pentingnya dua-dua.

Tuan Timbalan Speaker dan saya juga ingin penjelasan daripada pihak Kerajaan tentang perkembangan, tanah yang menjadi milik Kerajaan Negeri yang berada di hujung Sabak masuk DUN Sungai Tawar di Sungai Helang. Tentang status yang diberitakan sebahagian di penghujungnya akan menjadi sebahagian daripada *City Point* ataupun menjadi pelabuhan yang kita mengharapkan kalau dapat dilaksanakan dia akan menubuhkan satu persaingan ekonomi yang tinggi merangsang kepada pertumbuhan yang sangat pesat. Bila wujudnya Bandar-bandar baru dan kita difahamkan juga dan kalau ianya tidak ada maka satu usaha perlu

dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor bersama dengan Kerajaan Negeri Perak untuk supaya satu jambatan baru boleh dibuat supaya menghubungkan di bahagian Barat Selangor dan Negeri Perak bagi merancakkan lagi pertumbuhan ekonomi di Sabak Bernam. Saya menyebut ini kerana semacam Sabak Bernam bila menyebut tentang bila Yang Amat Berhormat tentang soal kemiskinan desa maka Sabak Bernam adalah menjadi negeri fokus yang penting soal kemiskinan desa ini boleh jadi Sabak Bernam telah tidur berpuluh tahun sebelum daripada ini. 20 tahun, 30 tahun kerancakkan ekonomi semacam tidak sampai ke utara Negeri Selangor itu sebab itulah ini juga menjadikan sistem maklumat dan pelbagai inisiatif dan kadang-kadang jarang tidak sampai untuk dinikmati sebahagian daripada masyarakat di Sabak Bernam. Sama ada persoalan *Wi-Fi*.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker ada satu perkara yang saya rasa fakta ini perlu diperbetulkan pada peringkat ini sebelum ia menimbulkan kekeliruan rakyat kerana Yang Berhormat Sabak sebentar tadi apabila menyebut Pulau Indah menyatakan bahawa Pulau Indah diisytiharkan halal hab jadi kenyataan itu tidak tepat kerana hanya sebahagian sahaja ada Pulau Indah sahaja pada tapak perindustrian itu dinamakan sebagai halal hab tidak ada soal seluruh Pulau Indah diisytiharkan sebagai halal hab.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Sungai Pinang sila sambung Sabak.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Sebahagian Pulau Indah telah dizonkan sebahagian halal hab bukan semua saya pun tahu tidak sebut semua daripada Pulau Indah. Dan saya ingin teruskan sebab itu Sabak Bernam ataupun utara Selangor ini semacam menikmati sama ada persoalan ia melibatkan kepada kuasa peringkat Kerajaan Federal atau pun Kerajaan Negeri. Pengangkutan sebagaimana yang banyak yang menghubungkan antara Sabak Bernam ke Lembah Klang, kenderaan awam, bas dan sebagainya yang sampai hari ini belum nampak penyelesaian dan jalan kesudahan dan begitu juga soal-soal yang lain. Maka sebab itulah supaya Kerajaan Negeri pada kali ini benar-benar merealisasikan supaya Sabak biarlah mempunyai satu corak yang baru. Namun alhamdulillah saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri yang sudah mula untuk memulakan inisiatif sekurang-kurangnya meletakkan beberapa contoh dan kawasan-kawasan yang dilihat akan didirikan sebagai perumahan rakyat rumah SelangorKu mula akan dibina.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sabak, 1 minit.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Namun sampai hari ini program itu projek itu belum lagi dimulakan saya telah menghubungi SB sendiri untuk mengetahui tentang status tapi sampai hari ini dia masih belum dimulakan lagi. Dan kita harap supaya dalam masa terdekat ini dapat direalisasikan terus pembinaan. Dan seterusnya izinkan saya sebab Timbalan Speaker saya minta dua tiga minit lagi sebab wakil Sabak peringkat Pakatan Rakyat dua sahaja dengan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ini tidak sokongan atau cadangan. Saya bagi 3 minit.

Y.B. TUAN SALLEHEN BIN MUKHYI: Nanti saya belanja Sekinchan. Seterusnya tentang beberapa prasarana ambillah tentang pekan Bagan Terap. Pekan Bagan Terap ini bagi saya sudah sangat terdesak sangat, terdesak macam nak kiamat dah, terdesak sangat untuk supaya dibuat satu landskap yang baru, bentuk yang baru. Dia bukan sekadar tidak memberikan satu bentuk persaingan perniagaan kepada masyarakat desa tetapi ianya dalam keadaan yang begitu suram untuk kerancakan ekonomi. Dan apatah lagi kawasan ini sebenarnya kawasan yang boleh membangun. Ada dua sekolah menengah ada 2 sekolah rendah dan termasuklah yang terbaru di situlah ditempatkan Maahad Tahfiz Sains di bekas Asrama Yayasan, Yayasan milik yayasan. Semua ini perlu untuk kita bersedia mengubah Bagan Terap supaya menjadi satu pekan yang paling kurang ianya menunjukkan dan memberikan satu kesediaan untuk bersaing dan memberikan impak yang besar terutama sekali kepada masyarakat kampung dan masyarakat desa. Dan begitu juga Tuan Timbalan Yang Dipertua Timbalan Speaker begitu juga tentang pekan Sabak saya melihat pekan Sabak juga suram tidak bersaing sebagaimana pekan yang lain yang ada persaingan dalam perniagaan. Kesuraman ini pula ditambah pula dalam kedudukan pekan Sabak yang sedikit ke belakang dan walaupun saya yakin dan percaya bahawa banyak sumber yang boleh dibangunkan Sungai Sabak supaya dilihat selepas daripada ini boleh menjadi satu tempat pelancongan yang sangat baik. Apabila dia di *upgred* kan untuk supaya sekurang-kurangnya walaupun tidak setaraf seperti mana di River View di Kucing, Sarawak sekurang-kurangnya jauh lebih baik River View lagi dan begitu juga tentang beberapa prasarana lain yang perlu dilihat di Sabak Bernam ialah kita di Sabak Bernam baru didatangi dan diminati oleh rakan-rakan kita dari OKU bukan orang kuat UMNO, orang kelainan upaya. Dan ini kita baru memulakan tahniah kepada Majlis Daerah Sabak Bernam yang baru mengadakan dan menerima kedatangan OKU dalam sukan mereka. Dan mereka kita boleh menjadikan paling tidak sebagai *trend mark* tempat penempatan dan tempat OKU tetapi prasarana Kerajaan Negeri perlu bantu pada Majlis Daerah Sabak Bernam untuk memajukan sama ada pada trek yang baru atau pun kemudahan-kemudahan yang lain terutama pada sukan OKU. Dan akhir sekali tuan Timbalan Speaker kadar kemiskinan di kampung apabila Yang Amat Berhormat menaikkan sehingga kepada 1,500 maka dia telah melonjak kemiskinan ini menjadi angka yang begitu tinggi sedikit dalam, renungan dalam semakan saya baru bahawa 60% petani Sabak Bernam di mereka kalangan yang tidak mempunyai lebih pendapatan setelah ditolak hutang dan belanja mengurus keluarga 40% mereka yang masih menghadapi tekanan kewangan kerana mereka masih tidak ada lebih dan menghadapi kekurangan kewangan setelah ditolak pendapatan mereka kepada hutang dan juga mengurus. Ini sangat kritikal dan akan menyumbang kehidupan

jauh ke belakang. Sebab itu seluruh agensi dan Kerajaan pertama sekali melalui Usahawan, melalui Ekonomi Desa, melalui apa yang disebut dalam Belanjawan sebagai kemiskinan desa ini. Saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kerana dimasukkan sebagai satu tajuk yang penting supaya sekurang-kurangnya masyarakat di Sabak Bernam selepas daripada ini akan berwajar baru akan menerima kemudahan infrastruktur dan juga mampu bersaing setaraf sama dengan masyarakat yang berada di Lembah Klang juga, terima kasih dan saya menyokong kepada Belanjawan yang telah dibentangkan. *Assalamualaikum waramatullahi wabarakatuh* salam sejahtera.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Sabak, Sri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, Sri Andalas nak ambil bahagian dalam pembentangan Bajet 2015. Mula-mula saya nak ucapkan tahniah kepada sahabat saya YB Bukit Antarabangsa yang telah pun dikurniakan dengan jawatan Dato' Menteri Besar dalam negeri Selangor dan saya yakin dengan corak dan dengan pengalaman beliau kita akan nampak Selangor akan lebih maju dalam masa yang akan datang.

Tuan Speaker, negara kita Malaysia bertanggung kepada belanja yang besar di dalam Bajet Parlimen baru ini RM247 bilion. Anggaran mereka ialah mereka akan dapat hasil dari penjualan petroleum dan gas besar-besarnya dan pada waktu itu mereka anggapkan setong minyak harga \$100USD. Malangnya sekarang kita nampak bahawa harga tong minyak telah pun jatuh kepada paras \$78USD dan anggarannya ialah dia akan jatuh lagi sampai RM50.00 setong US. Yang kita dapat peruntukan hasil dari gas dan minyak ialah 8% GDP, 8% GDP dan dia ialah dekat 28% atau pun 30% hasilnya keseluruhan yang kita anggap akan dapat. Tahun depan saya nampak kita ada masalah kewangan di keseluruhannya dan saya nak katakan bijaksana Selangor untuk adakan satu bajet yang nampak kita boleh belanja dan kita boleh buat penilaian sedemikian. Apa yang saya kata ialah *we have to be prepared for a tough year* untuk tahun 2015. Ini bukan anggaran saya tetapi kalau baca kenyataan-kenyataan ekonomi sedunia sekarang di seluruh dunia beberapa negeri pun sudah tukar bajet mereka dengan apa yang akan laku pada masa depan akan datang. Dengan ada GST 6% lagi ini akan adakan masalah besar kepada golongan-golongan penduduk bukan sahaja di Malaysia tetapi di Selangor di mana kita telah diberitahu oleh Dato' Menteri Besar bahawa 30% daripada penduduk di dalam negeri Selangor ialah di bawah paras kemiskinan yang RM1,500 pendapatan mereka satu bulan. Nampak ini apa yang telah lakukan dalam 57 tahun di dalam Malaysia jenis *coefficient* yang itu paras di mana mereka kira di kekayaan, di antara orang kaya dan miskin. Sekarang saya baca baru bahawa Malaysia ialah yang tertingginya jenis *coefficient* yang jaraknya di antara orang berpendapatan tinggi dengan orang yang miskin di Asia. Ini ialah satu-satu gambaran yang tidak munasabah dan ini kita kena ambil dengan sedikit apa yang katakan *portion* nya

atas apa yang kita nak buat, macam mana kita nak belanja dan macam mana kita nak meningkatkan atau pun rizab-rizab kita di dalam negeri Selangor.

Tuan Speaker, ada beberapa perkara yang saya nak sentuh. Di Negeri Selangor yang sekarang saya nampak ujar dan diskusi yang hebat-hebatnya ialah harga rumah yang sekarang tinggi sangat di dalam negeri Selangor. Ramai yang kerja di negeri Selangor pendapatan dia kalau kata *middle income* dan sebagainya sekarang mereka pun susah untuk beli sebuah rumah teres, yang kosnya *average* dah dekat RM500,000.00 di mana kawasan-kawasan yang bukan di Bukit Gasing, saya tau Bukit Gasing harga rumah lebih mahal. Masalahnya ialah kita sebagai satu Kerajaan yang bertanggungjawab kita kena adakan usaha-usaha dan cadangan-cadangan untuk atasi masalah ini. Kalau katakan penduduk di dalam negeri Selangor meningkat 4.5% setahun, dalam 10 tahun dari sekarang kita akan adakan penduduk yang dua kali ganda yang kita ada sekarang. Itu bermakna kita kena adakan dekat lebih dari rumah-rumah yang mereka akan memiliki. Itu program rumah Selangor Ku ini saya nampak sebagai satu program yang kita di dalam negeri Selangor kena bagi prioriti kepada pembinaan kalau kita kata 15 buah rumah dalam tempoh 3 tahun kita kena capai lebih dari itu kalau boleh. Macam mana kita boleh buat, saya yakin negeri Selangor boleh. Saya yakin bawah negeri Selangor dia ada banyak tanah untuk digunakan. Kita kena kerja dengan *construction-construction* swasta, pemaju-pemaju swasta. Negeri sahaja tidak boleh membina dekat 15,000 rumah di negeri Selangor. Cara dia ialah untuk kita bersama-sama bekerjasama dengan pemaju-pemaju yang ada di luar sana, inisiatif-inisiatif yang cukup menarik untuk mereka membina rumah ini. Ada beberapa tempat di dalam negeri Selangor sekarang tak payah kita ada rumah kos rendah. Kajian yang telah dibuat oleh UPEN menunjukkan beberapa kawasan di dalam negeri Selangor di mana untuk rumah kos rendah itu rendah tapi ada juga kawasan-kawasan di mana *demand* lebih tinggi daripada *supply*. Tapi ada juga kawasan-kawasan di mana *demand* lebih tinggi daripada *supply*. So kalau kita bagi prioriti kepada kawasan-kawasan di mana rumah kos rendah ini nampaknya tidaklah banyak digemari oleh mereka untuk dibina atau di miliki. Kita boleh tukar kawasan-kawasan yang telah diluluskan oleh PBT-PBT masing-masing untuk pembinaan rumah kos rendah itu tukar kepada pembinaan rumah mampu milik di atas tanah-tanah mereka itu. Sebab ada banyak pemaju-pemaju di dalam kawasan Selangor sekarang di dalam proses pembinaannya. Kalau kita harus panggil mereka semua untuk berbincang demikian kita boleh buat atau pun menggunakan tanah-tanah yang ada di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Ini ialah tanah-tanah memiliki Kerajaan atau pun bawah Kerajaan. Bolehkah kita mengadakan *Joint Venture* antara Kerajaan Negeri Selangor dengan juga pemaju-pemaju untuk bagi insentif untuk mereka kata khususnya mereka kena bina rumah mampu milik. Dulu saya diberitahu bahawa ada Pekeliling yang tidak benarkan *Joint Venture* digunakan tapi saya minta Kerajaan dengan EXCO meneliti Pekeliling ini untuk kita memberi kuasa kepada GLC atau pun pihak-pihak Kerajaan untuk adakan *Joint Venture-Joint Venture* dengan pemaju-pemaju untuk kita

capaikan hasrat kita yang itu 15,000 buah rumah SelangorKu dibenakan dalam 3 bulan, 3 tahun ini. Sebab saya nampak kita tidak ada ...

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sri Andalas, Kampung Tunku minta.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Yang Berhormat Sri Andalas, saya tarik dengan topik isu yang dibahaskan tentang isu rumah mampu milik. Salah satu masalah yang kita hadapi ialah rumah yang akan dibina Kerajaan Negeri Selangor di tempat yang tidak sesuai. Permintaannya adalah di kawasan bandar seperti Klang, Shah Alam, Petaling Jaya kawasan yang maju yang ada rangkaian pengangkutan awam yang mantap tapi tanah tak ada, atau pun tanah itu milik swasta atau pun tanah itu milik swasta dan harganya sangat tinggi. Jadi saya ingin mengemukakan satu cadangan kepada Yang Berhormat sama ada kita boleh mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya kita tengok balik mana-mana tanah perindustrian contohnya di kawasan Petaling Jaya Seksyen 51 dan Seksyen 51a terdapat banyak kawasan perindustrian yang telah pun usang dan tidak dipakai lagi. Dan kita cadang kepada Kerajaan Negeri supaya kita tengok balik sama ada mungkin kita membuat sesuatu mengguna balik tanah-tanah ini di bawah tema *Urban Regeneration* untuk kita buat semula rumah-rumah mampu milik bercampur dengan projek-projek pembangunan bercampur di atas tanah yang sama seperti komersial dan sebagainya. Jadi soalan saya.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Kampung Tunku. Memang *Urban Regeneration* itu ialah satu program yang penting di dalam kawasan yang telah pun katakan *virture development developed area* yang itu ada bangunan dan sebagainya dan kita boleh bekerjasama dengan PBT-PBT masing-masing untuk *identify* lokasi-lokasi mereka di mana kita boleh lakukan *Urban Regeneration*. Lagi satu ialah Kerajaan Negeri dan juga PBT dan GLC ada banyak tanah-tanah yang katakan *poket land* di dalam kawasan-kawasan masing-masing. *Poket-poket land* ini bukan besar, *poket land* ini ialah 1 ekar, 1 ½ ekar, 2 ekar di dalam kawasan dan sekarang dibiarkan begitu juga sebab tidak tahu macam mana nak bangunkan kawasan-kawasan ini. Saya ingat kita boleh gunakan *poket-poket land* ini untuk dibangunkan rumah Selangor Ku ini di dalam kawasan-kawasan ini untuk dibangunkan rumah Selangor Ku ini di dalam kawasan-kawasan ini dan kita kena benarkan PBT-PBT masing-masing yang mempunyai tanah-tanah ini untuk cadangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk ada pembinaan melalui *Joint Venture* atau pun dengan GLC Kerajaan Negeri atau pun saya ingat sendiri mereka nak buat sendiri susah sedikit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Biar Sri Andalas, Bukit Gasing minta laluan. Ya sila.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Kalau berkenaan cadangan membangunkan *pocket land* 1 ekar, 1 ½ ekar sebagai satu kawasan perumahan tetapi juga di negeri Selangor ada kekurangan *social amenities* dengan izin seperti dewan orang ramai, seperti pasar awam moden, seperti kawasan hijau, mungkin juga saya rasa lebih sesuai di *pocket-pocket land* ini juga diberi pertimbangan *social amenities* dan mungkin untuk perumahan satu perancangan yang lebih rapi *town shape* yang lebih sesuai patut dibangunkan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sri Andalas duduk sebentar, duduk sebentar. Ahli Yang Berhormat Sekalian oleh kerana Urusan Mesyuarat ini masih panjang maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan YAB Dato' Menteri Besar untuk bawakan Usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa suatu Usul yang berbunyi seperti berikut:-

“Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dalam Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 7.00 petang”.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian Usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan **YA**. Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila kata **TIDAK**. **Dipersetujui.**

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Sri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya setuju dengan Bukit Gasing bahawa keperluan *social amenities* ini ialah satu yang penting di dalam satu kawasan tapi saya ingat pada masa sekarang kita kena nampak realitinya ialah untuk macam mana kita nak hadapi dengan kekurangan rumah-rumah yang wajar dibeli oleh satu golongan masyarakat yang bekerja di dalam negeri Selangor yang datang beribu-ribu ke negeri Selangor untuk cari kerja dan hidup. Untuk berikan kemudahan kepada keluarga-keluarga mereka. Saya tidak nafikan bahawa *Green Land, Green Area* ini memang penting di dalam satu rancangan. Saya bukan kata semua *pocket land* kena di *develop* untuk Rumah Selangorku tetapi kita boleh teliti dan kita boleh bersama-sama dengan ADN-ADN tempatan dan sebagainya untuk buat, ambil satu tindakan demikian. So, inilah

sedikit yang kita boleh buat tentang Selangorku, tapi kita kena pastikan bahawa harga Rumah Mampu Milik Selangorku tu ialah *ceilingnya*, kita mesti adakan sesuatunya. Kerajaan pusat, *ceiling* Rumah Mampu Milik mereka ialah RM300,000.00 dan atas, kalau tak silap saya. Kalau negeri Selangor kita boleh membina Rumah Selangorku itu sampai RM250,000.00 dari katakan RM180,000.00 sampai RM250,000.00 itu, itu nampaknya ramai yang nak beli Rumah Selangorku itu, khususnya pekerja-pekerja awam yang sentiasa cari rumah-rumah yang mereka nak beli juga. Saya nak sentuh sedikit isu dengan denggi dan juga kebersihan di dalam negeri Selangor. Saya berterima kasih kepada Menteri Besar sebab dalam 3 minggu ini lepas beliau masuk ambil jawatan ini telah pun bagi peruntukan yang lebih dalam tempoh untuk satu bulan ini untuk pembersihan kawasan. Tetapi ini *is one off* yang kita katakan, diberikan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Saya nampak ini ialah satu masalah besar di dalam kawasan. Kalau kita nak anggarkan bahawa kita hapuskan isu denggi di dalam negeri Selangor itu mimpi-mimpi kita sahaja. Denggi ini kita akan menurunkan kes-kes denggi di dalam kawasan bukan kita boleh hapuskan keseluruhan isu kes denggi. Denggi ini ialah 2 cara penglibatan mereka. Satu ialah sebab sampah dan lagi satu ialah kawalan ataupun bekerjasama di antara penduduk dengan PBT-PBT masing-masing. Ini terlibat dari satu punca dari satu isu sahaja, pendidikan. Sebagai contoh, untuk dewan ini, negara Sweden telah pun adakan masalah sampah ini sudah lama mereka cuba belanja dan sebagainya. Akhirnya apa mereka buat ialah mereka khususnya mengadakan satu dana besar yang digunakan untuk pendidikan sahaja. *They started educating their children from young till they left school* dan telah pun masuk di dalam fikiran mereka tentang isu pembersihan di dalam kawasan. Itulah caranya untuk tukar fikiran juga di dalam kawasan. Kalau kita boleh belanja dengan, untuk mengatasi masalah ini, kita kena adakan pendidikan yang kita selalu memberi kepada anak-anak kita tentang sampah dengan caranya untuk kita mengadakan satu sistem yang bersih di dalam kawasan.

Malangnya, saya nampak sekarang di dalam sekolah-sekolah kita, walaupun ada *moral education* yang *compulsory* untuk mereka semua lulus di dalam SPM dan sebagainya, itu jadi satu slogan kata moral sahaja tetapi tidak digunakan oleh pendidikan kita ataupun anak-anak kita. So, saya minta kerjasama kerajaan bagi fokus khususnya untuk pendidikan untuk kita bersama *under* EXCO Pendidikan ataupun EXCO Kesihatan ataupun EXCO *Environment* untuk adakan program-program ini selalu di dalam kawasan menggunakan tenaga yang ada di dalam pejabat-pejabat Adun di dalam semua kawasan untuk bekerjasama untuk kita atasi masalah ini. Dengan pendidikan saya nak bangkitkan satu perkara iaitu kita telah mulakan untuk pembinaan sekolah Tamil di dalam Ijok. Bila saya jadi EXCO, saya telah mulakan program ini sebelum Pilihan raya 13. Pada waktu itu, Adun Ijok ialah mantan Menteri Besar.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sri Andalas, mohon ringkaskan *please*.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Ada banyak lagi. Dan saya minta kerjasama dari pihak kerajaan untuk melihat pembinaan sekolah ini, di mana semua lulusan saya tahu sudah pun diadakan, tanah pun telah ditetapkan, separuh binaan pun telah dilakukan. Sebab untuk Pilihan raya yang lepas, kita telah buat *foundation* dan sebagainya. Untuk cecutkan proses ini, di mana sekolah ini boleh dimulakan pada tahun 2016 dengan binaan di dalam 2015. Dan pada masa yang sama kita telah pun adakan satu buah tanah yang telah diberikan oleh pemaju untuk pembinaan asrama anak-anak kerja ladang. Ini ialah satu projek yang akan bawa satu impak besar kepada Pakatan Rakyat di dalam negeri Selangor. Kalau kita boleh membenakan asrama ini dan asrama ini berjalan pada tahun 2016 ataupun 2017. Ini ialah untuk meningkatkan isu masalah sosial di dalam negeri kita. Walau pun golongan India di dalam negeri Selangor ini ialah satu yang terendah sekali iaitu 14% dari penduduk di dalam negeri Selangor, tetapi di lokap dan juga dalam Sg. Ranggung, penjara-penjara ini, yang tertinggi ialah anak-anak muda orang India, belia India yang ada di dalam. Isu *gangsterism*, isu geng dan sebagainya besar di dalam golongan masyarakat India itu. Sebab, *problem socio-economy* mereka ini yang terendah di dalam negeri kita, mereka anggapkan tidak ada orang yang nak sanggup untuk bantu mereka. *They don't have work, they don't have job, they don't have respect, they don't have political power*, dia akan jadi seorang peragut dan juga mereka akan masuk di dalam geng-geng ini yang ada. Ini serius, kalau ada pihak polis di sini, mereka kena buat sesuatu. Ini permulaannya ialah dari sekolah rendah sampai sekolah menengah, penglibatan mereka semua.

Asrama ini cadangan Kerajaan Negeri yang telah diluluskan dalam mesyuarat EXCO ialah untuk memberikan golongan pendapatan rendah anak-anak kita dari kerja-kerja ladang dan juga daripada keluarga miskin dan sebagainya di bandar untuk diambil dan diberi satu tempat di mana mereka boleh diajar, boleh ada disiplin, boleh katakan dari tingkatan 1 sampai tingkatan 5 lepas tu mereka boleh keluar dari golongan ini. Ini bukan satu cara baru, ya, ini sama dengan apa saya katakan telah dilakukan 20-30 tahun ini di FELDA dan juga di dalam kawasan-kawasan asrama penuh kerajaan Barisan Nasional yang telah tukar cara coraknya, penduduk-penduduk orang Melayu dari kampung dan sebagainya. Ini bukan cara baru. Saya nak gunakan, saya katakan, saya nak gunakan pengalaman yang kita ada dengan apa yang telah kita lakukan dalam 30 tahun ini untuk digunakan untuk golongan India ini, untuk bawa mereka keluar dari apa yang kita lakukan. Kalau tidak kita akan nampak satu *socio-economic* yang besar di dalam negara kita. Tuan Speaker, saya tadi dengar dari ketua pembangkang yang katakan *the silent majority* tidak buat apa yang dia sentiasa tunggu sahaja untuk buat perubahan. Tetapi saya nak beritahu kepada ketua pembangkang dan juga rakan-rakan kita dari Barisan Nasional, di dalam negeri Selangor, *silent majority* itulah yang bawa kemenangan besar kepada Pakatan Rakyat dalam tempoh dari 2008 sampai sekarang. Sekarang kita nampak yang ada kumpulan minoriti yang sekarang membuat sesuatu untuk takutkan majoriti di dalam negeri Selangor. Adakah ini, kumpulan-kumpulan macam Pekasa dan ISMA dan sebagainya? Kita kena baca dan kita kena tengok macam

mana kumpulan-kumpulan ini dapatkan sokongan dan dari mana golongan mana berikan sokongan kepada mereka untuk takutkan keseluruhan negeri Selangor.

Saya harap, kita di dalam negeri Selangor ini dengan perbelanjaan yang besar akan digunakan untuk atasi masalah-masalah yang kita hadapi. Tadi, kawan saya Sekinchan telah sebut, sentuh tentang arak. Sabak pun telah sebutkan tentang arak. Saya pun nak sentuhkan tentang sedikit tentang penjualan arak di dalam kawasan.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Andalas, ini perintah akhir ya.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya tidak ada masalah tentang penjualan arak. Kalau ada berlesen dan berjual dan sebagainya, apa yang saya minta adalah, ada beberapa kedai-kedai di dalam kawasan-kawasan tertentu yang menjual arak-arak yang murah harganya. Ini menjadi masalah besar di dalam negeri Selangor. Kalau lesen dia katakan dia kena tutup kedai pukul 9 malam, masalahnya kedai-kedai ini buka sampai pukul 3 - 4 pagi menjual arak di belakang kedai dan juga berani menjual arak di depan kedai. Ini penguat kuasa kena ambil tindakan-tindakan sewajarnya. Kedai-kedai ini kena ditutup kalau mereka langgar peraturan-peraturan yang ada. Dan kita tidak boleh benarkan orang-orang minum arak di dalam kawasan-kawasan awam, saya telah bawa kes ini dulu. Tapi sampai sekarang saya tidak nampak perubahan. Penguat kuasa PBT kena ambil tindakan-tindakan sewajarnya di dalam kawasan-kawasan permainan padang di mana orang ramai yang datang pukul 5 petang, pukul 6 petang ada orang minum di dalam kawasan itu. Ini kita kena berhentikan. Saya minta Penguat kuasa dari PBT untuk ambil tindakan sewajarnya. Kalau ada undang-undang di dalam PBT yang boleh digunakan, tolong gunakan. Kalau belum ada undang-undang yang ini, saya ingat kita kena tubuhkan undang-undang ini untuk kita kuatkuasakan minuman arak di dalam kawasan-kawasan awam. Setuju Meru?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Sri Andalas..

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Akhir sekali..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Akhirkkan *please*.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Akhir sekali, Program MES, memang sangat dinanti-nantikan dan juga diterima oleh semua ADN-ADN dan juga rakyat di dalam negeri Selangor. Saya terima kasih kepada negeri Selangor untuk adakan beberapa program yang mewah tetapi saya ingat masa ini sudah pun dekat untuk kita teliti balik beberapa program-program yang ada, cara dia, corak dia macam mana kelanjutan dia dan penglibatan ADN-ADN di dalam kawasan mesti dibagi *priority* oleh UPEN dan Kerajaan Negeri Selangor. Ad ADN-ADN ialah ahli-ahli wakil rakyat yang dipilih oleh rakyat dan mereka

bertanggungjawab kepada orang-orang di bawah. Malangnya, baru-baru ini program YAWAS, memang gagal di seluruh negeri Selangor sebab tidak terlibat dengan pejabat Adun sebelum ini. Saya faham pegawai-pegawai nak habiskan program akhir tahun juga tetapi kita kena bagi sedikit *how do I say?* Apa ni, *understanding* dengan isu yang berdepan dengan kita. Dan kita akan capai lebih maklumat ataupun kita akan dapatkan lebih *support* dari orang-orang ramai di bawah tentang isu ini. Saya minta kerajaan ambil tindakan sewajarnya dan kita boleh dapatkan satu program-program MES ini diteruskan dengan apa yang kita lakukan.

Akhir sekali, Tuan Speaker, saya minta kerajaan Pakatan Rakyat untuk teliti isu Ketua Kampung, Ketua Komuniti dan juga Ketua Kampung Baru. Saya terima kasih kepada Dato' Menteri Besar di mana elau Ketua Kampung dinaikkan RM100.00 sampai RM800.00? RM900.00 sebulan. Saya minta ini selaras dengan semua lain iaitu Ketua Komuniti dan juga Ketua Kampung Baru juga dan saya minta di dalam negeri Selangor, kita mesti adakan lebih Ketua Komuniti yang kita ada sekarang. Sekarang kita ada 44 saya minta kalau boleh, kita dapat lagi 30 lebih Ketua Komuniti, minimum dia untuk dilantik di dalam negeri Selangor sebab untuk dekat dengan rakyat dan kerja yang patutnya kita buat demikian. Dan saya pun terima kasih lah kepada Selangor untuk melantik Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Penasihat Ekonomi negeri Selangor. Beliau ialah seorang ikon di dalam negara kita dan juga di luar negara kita yang boleh membawa manfaat kepada negeri kita dalam masa depan yang akan datang. Lagi sekali saya ucapkan tahniah dan syabas kepada Dato Menteri Besar dan juga cadangan bajet yang sebesarnya RM2.4 bilion untuk 2015 dan saya anggapkan bahawa kita semua akan bekerjasama dengan EXCO dan Kerajaan Negeri Selangor untuk bawa kemajuan dalam tahun yang akan datang. Dengan ini saya menyokong cadangan bajet yang telah dibawa oleh Dato Menteri Besar kelmarin.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Sri Andalas. Ya, Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih YB Tuan Timbalan Speaker. Kampung Tunku juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan tahun 2015 di peringkat dasar ini di mana saya telah pun meneliti teks ucapan semalam yang disampaikan buat kali pertama oleh YAB Bukit Antarabangsa. Saya cuba memikirkan satu ungkapan yang lebih tepat untuk *describe* (dengan izin). Rupa bentuk belanjawan yang akan kita luluskan nanti di dewan yang mulia ini, saya tidak dapat cari satu ungkapan sehingga sebentar tadi saya telah menjumpai ungkapan ini tetapi bukan daripada bangsa ..bahasa Melayu. Ungkapan ini saya rasa amat menepati, satu saranan yang pernah disarankan oleh Dr. Sun Yat Sen, yang diadakan saya rasa pada 120 tahun yang lalu. Dalam 16 perkataan sahaja, ia boleh merangkumi semua perkara yang telah dibawa oleh Y.A.B semalam. Iaitu (Bahasa Mandarin) maksudnya ialah kita mencungkil bakat dan modal insan. Kita mengoptimumkan kegunaan tanah, kita memaksimumkan

kegunaan sumber semula jadi dan kita melicinkan perdagangan di sesebuah negara. Pada 120 tahun yang lalu, Dr. Sun Yat Sen menulis kepada perdana menteri Dinasti Ching, dengan harapan ia akan dipakai tetapi ia tidak diguna langsung dan akhirnya beliau mengarahkan revolusi yang menghasilkan republik yang pertama di Benua Asia pada tahun 1911. Tuan Timbalan Speaker, ucapan saya akan bermula dengan Dewan Negeri Selangor. Ucapan belanjawan yang disampaikan oleh YAB semalam begitulah maksudnya menepati ungkapan yang dihasilkan oleh Dr. Sun Yat Sen yang saya sebut tadi. Biasanya saya akan membawa ucapan saya dan saya akan menyentuh perkara tentang Dewan Negeri Selangor pada akhir ucapan saya tapi kali ini saya bercadang ia perlu dihulukan. Sebab saya membuat sedemikian kerana saya berpendapat walau apa isi ataupun topik ataupun isu yang kita bawa ke dewan yang mulia ini, apa yang penting sekali, apa yang muktamad ialah dewan ini lah yang memberi kuasa kepada kita, memberi kuasa kepada kita untuk membawa isu yang akan diputuskan, dibahaskan di dalam dewan yang mulia ini. Dewan inilah yang akan meluluskan belanjawan ini, dewan inilah yang akan juga memastikan pihak eksekutif tertakluk pada pemantauan ataupun Dewan Negeri ini. Oleh sebab itu saya rasa penting saya bawa isu tentang pentadbiran Dewan Negeri Selangor. Yang pertama sekali ialah autonomi kewangan dewan seperti pada tahun-tahun yang lepas, kita akan meluluskan perbelanjaan untuk Dewan Negeri pada tahun yang akan datang. Autonomi kewangan perlu ada pada dewan negeri Selangor tetapi ini tidak bermaksud Dewan Negeri Selangor tertakluk, tidak akan tertakluk pada mana-mana pemantauan. Kita telah menubuhkan jawatankuasa pengurusan dewan tahun yang lalu dan ianya berfungsi dengan baik dalam memantau semua perbelanjaan dan perjalanan Dewan Negeri. Jawatankuasa ini juga telah memastikan setiap satu sen yang diperuntukkan kepada dewan negeri Selangor digunakan dengan berhemah. Tuan Timbalan Speaker, saya rasa ini adalah penting kerana sekiranya dewan tidak ada autonomi, maka dewan ini akan tertakluk kepada pengaruh eksekutif. Kita tidak mahu birokrasi yang berlebihan sehingga menyebabkan segala usaha Dewan Negeri Selangor dan juga semua jawatankuasa pilihan di bawahnya terbantut. Kita tidak mahu perjalanan dewan tercicir kerana birokrasi perlu mendapat kelulusan kewangan daripada MMKN dan sebagainya. Oleh sebab itu saya mencadangkan perkara pertama yang kita harus berusaha pada tahun-tahun yang akan datang ialah supaya kuasa autonomi ini dikembalikan kepada dewan, dikembalikan kepada tangan Speaker dan saya rasa ini adalah sangat penting kerana sekiranya sesebuah Dewan Undangan Negeri itu tertakluk kepada pengaruh luar, makanya tidak akan mencapai berfungsi dengan bebas. Kita perlu ikut contoh di negara Westminster yang matang, yang maju, Dan kalau kita ikut, kita kena ikut yang terbaik. Contohnya ialah di United Kingdom dan saya menggesa supaya kerajaan memberi, mencurahkan usaha yang lebih banyak ke arah ini. Tuan Timbalan Speaker, yang keduanya ialah juga berkenaan dengan pentadbiran dewan. Saya bercadang supaya pentadbiran Dewan Negeri Selangor dirombak semula. Iaitu pentadbirannya perlu dibesarkan daripada eksekutif sejajar dengan pengasingan kuasa. Perkara ini telah banyak kali saya dan rakan-rakan yang lain sebut dalam Sidang-sidang Dewan yang lepas dan

kita pernah mencadangkan semasa mantan Speaker Sg. Pinang, YB Sg. Pinang menjadi Speaker supaya kita bentangkan satu Rang Undang-undang Enakmen Perkhidmatan Dewan Negeri Selangor atau nama singkatannya SELESA. Saya kira sudah sampai masanya Dewan Negeri Selangor ataupun pihak MMKN untuk melihat perkara ini semula. Mengadakan pihak-pihak yang berkepentingan termasuk penjawat-penjawat awam untuk kita melihat macam mana kita boleh mencapai satu , mewujudkan satu pentadbiran Dewan yang bebas daripada pengaruh MMKN. Dan ini juga adalah sangat penting kerana pentadbiran dewan perlu bebas dan profesional. Pada masa sekarang pentadbiran dewan juga terlibat dalam pengurusan eksekutif. Dan ini telah menyebabkan mereka tidak dapat memberi lebih banyak masa kepada urusan Dewan Negeri itu sendiri. Sebagai contoh apabila jawatankuasa ingin mengadakan mesyuarat, pada bulan November, kita tidak dapat menjalankannya kerana staf dewan terpaksa, perlu melibatkan diri dalam isu-isu ataupun perkara yang sebahagiannya tidak, bukan merupakan *co-business* dewan negeri Selangor. Yang ketiga, juga tentang dewan negeri Selangor. Saya memohon kepada YAB Menteri Besar bahawa memandangkan perjalanan dan urusan dewan kita semakin rancak dan aktif, maka kita perlu memikirkan bahawa ada satu keperluan untuk diwujudkan seorang lagi jawatan Timbalan Speaker. Jawatan ini saya rasa amat diperlukan kerana perbahasan dewan semakin rancak, mesyuarat jawatankuasa semakin banyak. Pengetahuan dan juga *standard* perbahasan yang ada pada Ahli-ahli dewan negeri juga semakin meningkat. Dan oleh sebab itu tugas untuk mentadbir Dewan Negeri Selangor semakin berat. Dan ia nya tidak boleh diletak di atas bahu seorang Speaker dan Timbalan Speaker sahaja. Oleh sebab itu saya cadang ada keperluannya. Kita lihat di Parlimen, ada 2 orang Timbalan Speaker, di negeri Selangor saya dengar daripada rakan-rakan YB barangkali dalam perbahasan peringkat jawatankuasa, ramai akan masuk semasa saya menjadi ahli Dewan Undangan Negeri pada tahun 2008, tak pernah, kita tak masuk dalam perbahasan peringkat jawatankuasa. Kita jarang rujuk kepala apa, perbelanjaan apa. Jarang. Tapi sekarang ini ramai akan mengambil bahagian. Bayangkan kita ada 20 lebih ke, 30 lebih kepala, bahagian. Kita akan mengambil masa yang sangat panjang. Oleh sebab itu saya rasa isu ini saya bawa ke dewan yang mulia ini supaya pihak eksekutif, supaya semua ahli dewan negeri, kita boleh lihat sama ada ia nya boleh dilaksanakan atau tidak. Tuan Timbalan Speaker, saya juga amat bersetuju dan saya sebenarnya memuji sikap dan juga dasar Kerajaan untuk memberi peruntukan kawasan ataupun peruntukan mesra rakyat kepada wakil rakyat pembangkang. Walaupun mereka telah pun menyatakan dengan terang bahawa mereka tidak akan menerima, tidak akan mengguna peruntukan ini, saya berasa , saya tetap merasa niat kerajaan itu adalah bagus dan murni. Saya ingin memberi nasihat kepada pembangkang khususnya ketua pembangkang, yang tidak ada di sini, malangnya dia tidak ada. Bahawa peruntukan ini diberi bukan kerana kita ada apa-apa niat yang tidak baik. Peruntukan ini diberi semata-mata kerana kita mahu memastikan Dewan Negeri Selangor ini betul-betul dewan bertaraf antarabangsa. Betul-betul dewan bertaraf dunia. Ramai yang bertanya kepada saya, semalam kita ada pemilihan Timbalan Speaker, ada masalah ke. Saya tanya

balik, mengapa tak boleh pilih. Kalau di luar, di negara luar, di United Kingdom, di Australia, di Kanada, di New Zealand, di Hong Kong, pilih, undi tak ada masalah. Saya kata ini adalah satu perubahan yang bagus. Dan saya percaya dalam menjadikan dewan kita ini sebagai dewan yang bertaraf dunia. Peruntukan dan juga dasar yang adil pada setiap ahli Dewan Negeri, kita perlu buat. Oleh sebab itu, saya menyanjung tinggi dasar dan juga pendekatan YAB semalam tapi saya berasa kesal dengan sikap pembangkang yang tidak mahu menerima peruntukan ini. Barangkali apa yang disebut oleh Sekinchan itu benar, sikap dendam mereka masih lagi kebal. Saya berharap, pada masa-masa yang akan datang, sekiranya ahli-ahli YB daripada pembangkang bertukar fikiran, bertukar pendapat, dan kalau-kalau ini mendapat restu daripada ketua Barisan Nasional itu sendiri pun, saya rasa kerajaan tetap perlu menyediakan peruntukan sebanyak RM200,000.00 ini untuk setiap tahun, mana-mana tahu ada pertukaran pendapat di sebelah sana dan kalau mereka tukar pendapat, kita tidak ada peruntukan. Maka saya rasa rugi. Oleh itu saya mencadangkan Tuan Speaker untuk menunjukkan komitmen kita, wang ini kita tetap, kita tetap salurkan kepada pejabat Tanah setiap tahun, dia ambil tak ambil, dia belanja tak belanja, itu masalah mereka. Kalau RM200 ribu untuk tahun depan tidak belanja, kita *accumulate*, kita bawa ke tahun 2016. Kita bawa ke tahun 2017. Kalau mereka masih tak pakai, tak apa, kita akan menentukan supaya wang ini digunakan untuk rakyat pada akhir pilihan raya yang akan datang. Tuan Speaker, saya semalam, ucapan YAB juga menyentuh sedikit, tentang satu, tentang NGO. Dasar kerajaan yang sentiasa sedia bekerjasama dengan badan bukan kerajaan atau NGO amat dialu-alukan. Tapi cadangan saya juga ialah dasar ini perlu diterjemahkan kepada tindakan konkrit. Dan saya ingin membawa satu cadangan supaya Badan-badan NGO ini diberi peluang, peluang untuk menyewa premis pejabat milik anak-anak syarikat kerajaan yang telah lama kosong. Dengan sewa bulanan yang rendah, bergantung pada kemampuan masing-masing. Saya rasa, ini sangat penting kerana kita tidak mahu rasa, percakapan ataupun ucapan daripada kerajaan itu kosong, tanpa tindakan. Kita perlu membuktikan keikhlasan kita dengan menawarkan sekiranya anak-anak syarikat kita ada premis kosong dah berbulan-bulan, bertahun-tahun tidak dapat disewa maka kita tawarkan kepada NGO-NGO ini seperti SUARAM, seperti Tenaganita, biar mereka menggunakan peluang ini, ruang pejabat yang kita ada untuk menjalankan aktiviti mereka dan secara tidak langsung kita juga memperkasakan NGO-NGO ini untuk berkhidmat kepada rakyat yang tertekan di negeri Selangor.

Puan Speaker, saya juga ingin menyentuh tentang perisytiharan aset EXCO. Kali terakhir, kerajaan mewajibkan perisytiharan aset kalau saya tak silap tahun 2010. Saya bercadang sekarang sudah tiba masanya untuk perkara ini dilakukan sekali dan maka saya mencadangkan kali ini kita melakukannya tapi bukan sahaja aset EXCO juga meliputi semua ahli Dewan Undangan Negeri. Kalau pembangkang berminat, saya rasa boleh buat sekali juga. Saya mencadangkan ini dilakukan pada tahun depan juga. Dan, diinstitusikan, apa maksud diinstitusikan iaitu, ia perlu dilakukan secara tetap melalui satu peruntukan undang-undang di bawah format

yang tetap mengikut prosedur audit yang standard setiap tahun secara terbuka. Saya percaya sekiranya kita dapat melakukan ini maka sanjungan orang ramai terhadap Kerajaan Negeri Selangor kepada wakil rakyat akan meningkat kerana kita berani, kerana kita bersih, kita tidak takut dan kita berani berdepan dengan audit dan kita sanggup memberitahu dengan rakyat secara jujur apa pendapatan kita.

Puan Speaker, saya ingin menyentuh tanah. Seperti apa yang saya kata tadi, Dr. Sun Yat Sen pernah berkata (bahasa cina) iaitu kita perlu mengoptimumkan kegunaan tanah kita untuk kebaikan rakyat dan negara. Yang Berhormat Sri Andalas tadi telah menyentuh tentang *pocket's land*. Saya kira ucapan Yang Berhormat Sri Andalas itu *spot on* dengan apa yang saya bangkitkan di sini. Di kawasan seperti Petaling Jaya Puan Speaker, banyak sangat tanah-tanah poket tapi tanah poket yang ada di kawasan saya bukannya besar satu ekar, setengah ekar barangkali kalau nak buat satu dewan kecil, satu balai raya kecil, satu gelanggang futsal mungkin boleh lagi. Dan saya kira rakan saya Bukit Gasing dia senyum-senyum. Saya kira keadaan yang sama berlaku di kawasan Bukit Gasing sebab kawasan Petaling Jaya ini adalah satu *township* yang telah berusia lebih 50 tahun. Pada dahulu kalanya pemaju tidak menyerah balik banyak tanah poket, tanah rizab, tanah yang mempunyai hak milik tidak serah balik kepada kerajaan. Dan kerajaan pun sambil lewa sahaja hingga menyebabkan tanah-tanah ini terbiar ataupun bertukar milik bertangan-tangan. Dan kalau kita nak semak balik kita sudah tidak boleh semak apa masalah dia. Oleh sebab itu saya menyeru kepada kerajaan agar kita mengenal pasti, mengambil satu langkah proaktif untuk mengenal pasti sama ada terdapat tanah-tanah sedemikian di semua DUN supaya kerajaan boleh membuat satu tapak *base* dan membuat perancangan bagaimana tanah-tanah ini boleh diambil balik untuk kebaikan rakyat. Untuk membina rumah pun boleh, nak buat balairaya pun boleh, nak buat gelanggang pun boleh, semuanya adalah untuk kebaikan rakyat.

Puan Speaker, saya juga dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri ada satu tabung amanah untuk tanah perkuburan dan tabung amanah ini telah pun diwujudkan oleh Kerajaan Negeri beberapa tahun yang lalu. Kerajaan juga menetapkan agar semua permohonan lanjutan tempoh hak milik dan pemberimilikan hak milik tanah akan dikenakan caruman kubur, di mana caruman ini akan disalurkan ke dalam tabung ini. Maka saya menggesa kepada kerajaan untuk memaklumkan kepada dewan yang mulia ini tentang status tabung amanah ini. Berapa yang telah pun dikutip ataupun caruman yang telah diterima oleh tabung amanah ini. Berapa yang telah pun digunakan untuk tujuan pemeliharaan tanah perkuburan dan yang penting sekali ialah masalah kekurangan tanah perkuburan. Masalah ini berlaku di Kinrara, masalah ini berlaku di Balakong, di Seri Kembangan dan di banyak tempat yang menghadapi pemelesaian pertambahan dari segi jumlah penduduk. Kita tidak ada tanah yang cukup untuk buat tanah perkuburan. Adakah kerajaan akan menggunakan wang ini untuk mengambil tanah bagi tujuan perkuburan? Adakah kerajaan juga akan menggunakan wang ini untuk menggalakkan lebih ramai

penduduk menggunakan perkhidmatan krematorium supaya mereka tidak akan menggunakan tanah perkuburan yang besar. Dan sekiranya saya meminta kerajaan dan juga Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk memberi makluman dan mengambil tindakan cepat bagi mengatasi masalah ini. Tentang tanah perkuburan bersepadu, kita sudah dengar bertahun-tahun kononnya akan diadakan di daerah Sepang, kononnya proses pengambilan tanah sedang dan akan berjalan tapi sehingga sekarang, kita hanya dengar jawapan lisan sahaja. Tak ada satu laporan bertulis maka saya meminta supaya maklumat ini disampaikan kepada dewan ini dengan cara yang lebih tetap dan berkala.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Kg. Tunku. Ringkaskan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, dalam perbahasan sidang DUN yang lepas, satu usul telah diluluskan di Dewan Negeri Selangor yang menetapkan bahawa kerajaan akan sentiasa memberi maklumat terkini tentang semua projek infrastruktur kerajaan Persekutuan dengan sepenuhnya kepada rakyat dan dewan yang mulia ini. Saya menyanjung tinggi pendirian yang diambil oleh kerajaan dalam menangani isu KIDEX ini. Walaupun begitu, kerajaan juga harus mengambil maklum bahawa terdapat bantahan untuk pembinaan beberapa lebuh raya di Selangor dan ia memerlukan pemeriksaan dan perhatian yang sama daripada kerajaan bukan sahaja KIDEX. Antaranya ialah Lebuh raya Damansara-Shah Alam (DASH) yang akan melintasi kawasan perumahan padat, Lebuh raya bertingkat Sg. Besi-Hulu Kelang (Suke) dan *Kuala Lumpur Outer-Ring Road* (KLORR) dari Taman Templer Park ke Sg. Long. Dan dikatakan Suke dan Klorr akan melalui kawasan sensitif alam sekitar maka saya menggesa supaya kerajaan juga memberi makluman kalau kerajaan telah memberi laporan tentang apa yang berlaku kepada KIDEX, saya memohon supaya kita juga memberi cerahan yang lebih banyak tentang DASH, tentang Suke dan tentang Klorr ini.

Puan Speaker, Selangor menyumbang sebanyak 23% kepada KDNK Malaysia. Dan atas semangat Persekutuan kami selalu menyeru kepada kerajaan Persekutuan untuk memberi lebih banyak kuasa dan sentiasa bekerjasama dengan Selangor. Atas semangat yang sama, saya juga berpendapat bahawa kini sudah sampai masanya untuk pihak kerajaan Selangor menyediakan satu program ataupun peruntukan khas yang kita boleh menamakannya sebagai Program Malaysiaku untuk membantu rakyat-rakyat termiskin di negeri Sabah, Sarawak dan negeri-negeri yang lain di Semenanjung Malaysia melalui program dan projek kecil-kecilan. Saya tak pasti ini boleh dilakukan atau tidak tapi walaupun ia tidak boleh dilakukan saya rasa program ataupun peruntukan ini masih boleh diadakan. Tapi, diadakan untuk membantu rakyat Sabah dan Sarawak yang miskin..yang gelandangan..

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kg. Tunku, masa sudah cukup.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Bagi saya 2 minit.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: 1 minit.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Yang bergelandangan di Selangor dan Kuala Lumpur. Saya percaya ini adalah satu pendekatan yang sangat penting untuk menunjukkan bahawa kita sebahagian daripada Malaysia dan kita wajib membantu saudara kita dari Sabah dan Sarawak dan negeri-negeri lain yang masih miskin. Puan Speaker, *point* saya yang terakhir, di mana saya ingin menyentuh tentang pembelian 12 unit Apartment Al Marwa Tower di Mekah. Isu ini adalah isu yang panas beberapa tahun yang lalu yang melibatkan Permodalan Negeri Selangor Berhad dan mantan Menteri Besar. Saya difahamkan daripada 12 unit apartment, 5 unit ini masih lagi atas tangan PNSB. Maka, saya ingin bertanya, apakah tindakan dan juga cadangan kerajaan terhadap kelima-lima unit apartment ini? Sekiranya PNSB masih tidak dapat menjana apa-apa pulangan daripada kelima-lima unit ini maka saya bercadang supaya kelima-limanya dijual di pasaran terbuka melalui lelong awam. Oleh sebab itu, saya memohon supaya kerajaan memberi satu makluman kepada kita. Puan Speaker, sekiranya masa 1 minit masih ada lagi, saya memohon kerajaan dan juga Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk melihat semula susunan portfolio yang sedia ada. Tentang beberapa, ada terdapat beberapa portfolio yang saya berpendapat bertindih dan saya rasa inilah, portfolio-portfolio ini sebenarnya boleh diringkaskan dan digabungkan di bawah sebuah ataupun seorang EXCO sahaja untuk melicinkan pentadbiran kerajaan. Contohnya, saya bawa contoh portfolio Pembangunan Usahawan, haruslah digabung dengan portfolio Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan. Portfolio Kebajikan pada pendapat saya harus bergabung dengan portfolio Kerajaan Prihatin. Kedua-dua portfolio ini semalam saya ada bertanya soalan. Saya tanya Yang Berhormat Kota Alam Shah yang menjaga portfolio Kerajaan Prihatin tentang Tabung Amanah Bencana Alam. Saya bawa isu tabung ini ada RM20 juta tetapi jawapan yang saya terima, tabung ini di bawah portfolio Kebajikan dan saya semak laporan ini nampaknya, rupa-rupanya EXCO yang berkenaan dia sendiri pun tidak merupakan sebahagian daripada Lembaga Pengarah Tabung Amanah ini. Dan saya rasa ada sedikit kekeliruan di sini. Kadangkala kita ada portfolio Kerajaan Prihatin kita pun tak tahu, isu kebajikan ini kita nak merujuk kepada EXCO Kota Alam Shah ataupun EXCO Sementa. Oleh sebab itu, ada baiknya kita susun semula.

Portfolio satu lagi adalah portfolio Pekerja Ladang. Saya kira ia harus bertukar nama kerana majoriti pekerja-pekerja ladang dan estet di Selangor pada masa sekarang bukan lagi rakyat Malaysia berketurunan India. Tetapi mereka ini warga asing, lebih 80-90% pun begitu. Oleh sebab itu, saya rasa ia perlu ditukar nama. Untuk menjadikan portfolio ini, berfungsi dalam memperjuangkan hal ehwal kebajikan pekerja-pekerja estet yang sekarang ini ramai tidak lagi duduk di estet. Oleh sebab itu, saya berasa ini perlu dilakukan, saya tahu portfolio ini diadakan pada zaman Barisan Nasional. Saya rasa kita perlu mengadakan satu anjakan dalam penyusunan semula portfolio ini. Oleh itu, saya nak tanya masa sudah cukupkah?

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Cukup.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Puan Speaker di atas makluman ini. (Ahli Dewan ketawa). Saya dengan rendah diri menyokong ucapan bajet yang disampaikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar, isu-isu yang lain, saya akan masuk dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa. Tengok, kita perlukan lebih banyak masa. Kalau kita hanya setakat sekarang ini, saya rasa tak cukup. Oleh sebab itu, saya memohon dan menyokong dan memohon kerajaan juga menyokong cadangan saya. Terima kasih, sekian.

TUAN TIMBALAN SPEAKER: Kota Damansara.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera dan salam 1 Malaysia. Terima kasih kerana Dun Kota Damansara diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam Perbahasan Bajet 2015 Negeri Selangor di Mesyuarat Ketiga Penggal Kedua Dewan Negeri Selangor Ke-13. Puan Speaker, kediaman adalah merupakan perkara yang paling asas yang terpenting yang harus dimiliki oleh semua orang. Milikan sendiri atau sewaan adalah perkara kedua kerana selain menjadi tempat perlindungan serta merehatkan badan setelah seharian bekerja, rumah juga merupakan tempat untuk membesarkan dan mendidik anak-anak. Persekitaran yang kondusif dan selesa pastinya mempengaruhi proses didikan dan pembesaran anak-anak. Namun begitu, bukan semua orang mampu memiliki rumah disebabkan kos dan harga rumah yang terus meningkat dari masa ke semasa. Kenaikan harga rumah ini adalah disebabkan faktor pasaran hartanah serta peningkatan kos membeli bahan mentah seperti simen, kayu dan juga besi. Justeru Kerajaan Negeri bersama dengan Kerajaan Persekutuan seharusnya mengambil langkah yang agresif bagi memastikan keperluan rakyat yang asas ini dipenuhi dan menepati kemampuan mereka. Dalam isu menyediakan perumahan yang mencukupi, dilihat Kerajaan Barisan Nasional terkehadapan dan prihatin dengan isu pemilikan rumah mampu milik serta sentiasa merancang untuk membolehkan sekurang-kurangnya setiap seorang ketua isi rumah berupaya memiliki rumah sendiri. Buktinya pada pembentangan belanjawan 2015 yang lalu, Kerajaan Barisan Nasional menggariskan program-program perumahan yang sememangnya dinanti-nantikan oleh rakyat terutamanya yang berpendapatan sederhana dan rendah. Program-program ini adalah untuk memastikan golongan majoriti iaitu yang berpendapatan sederhana dan rendah juga mampu memiliki rumah mereka sendiri sebagai syarat asas untuk kehidupan yang lebih terjamin. Antaranya yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah peruntukan sebanyak RM1.3 bilion untuk membina 80,000 unit rumah di bawah Program Perumahan Rakyat Satu Malaysia iaitu Prima di seluruh Malaysia. Dari jumlah ini saya yakin sebahagiannya ditumpukan ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seperti di Lembah Klang. Jadi sekiranya Kerajaan Negeri prihatin terhadap kebajikan rakyat

mohonlah kepada Kementerian yang berkenaan agar Prima dibina di Selangor. Sediakan tanah dan keperluan yang sepatutnya bagi memudahkan dan mempercepatkan pelaksanaannya. Tolak tepilah isu politik kerana yang lebih penting dan utama ialah keperluan dan memenuhi kehendak rakyat. Sehingga ke hari ini Kerajaan Negeri telah gagal menyediakan perumahan yang mencukupi untuk semua kelompok masyarakat khususnya golongan sederhana berpendapatan rendah. Bagaimana Kerajaan Negeri boleh mengaku bahawa pejuang kebajikan sedangkan masalah ini tidak pernah selesai sejak 6 tahun pemerintahan Pakatan Rakyat di Negeri Selangor. Selain Perumahan Rakyat Satu Malaysia (PRIMA) yang menjadi bualan rakyat hari ini kerana harganya yang rendah dan berkualiti serta memiliki prasarana yang lengkap seperti ada kemudahan dewan, surau, sekolah dan sebagainya. Kerajaan Barisan Nasional melalui Syarikat Perumahan Negara Berhad iaitu SPMB juga diperuntukkan sebanyak RM160,000,000.00 untuk membina 37,000 unit rumah mampu milik yang terdiri daripada 12,000 unit Rumah Mesra Rakyat, 5,000 unit Rumah Idaman Rakyat dan 20,000 unit Rumah Aspirasi Rakyat bagi menambah rumah mampu milik sentiasa ada dan memenuhi permintaan rumah mampu milik yang dikhususkan kepada golongan berpendapatan sederhana dan rendah di Malaysia.

Puan yang Di Pertua, Kerajaan Barisan Nasional juga telah menggariskan Program Perumahan Rakyat Khas untuk golongan FOCUS seperti penjawat awam dan juga belia. Skim Perumahan Belia telah diperkenalkan khas untuk belia yang berusia, berkahwin, berumur dari 25-40 tahun. Sebanyak 20,000 unit rumah telah disediakan bagi permohonan melalui konsep siapa cepat dia dapat. Pemohon yang telah berjaya akan memperolehi pembiayaan sehingga 110% termasuk kos insurans. Selain itu tempoh pembiayaan maksimum sehingga 35 tahun dan pengecualian 50% duti setem bagi surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman. Bagi memastikan keselesaan kepada penjawat awam, dana kemudahan ditingkatkan sehingga 25% bagi sejumlah 5,383 unit rumah selain projek penyelenggaraan rumah sehingga RM40,000,000.00 telah pun disediakan. Usaha dan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional sebagaimana yang telah saya nyatakan sebentar tadi di dalam dewan yang mulia ini ialah bukti keprihatinan kepada rakyat berpendapatan rendah dan kesungguhan untuk menyediakan perumahan yang kondusif dan selesa sepanjang negara maju.

Puan Speaker, sebagaimana yang telah diumumkan oleh Kerajaan Persekutuan, pelaksanaan *Good and Services Tax* dengan izin ataupun GST akan bermula pada 1 April 2015 bagi menggantikan cukai sedia ada bagi memastikan sistem pengutipan cukai yang lebih kemas dan tersusun. Sistem GST akan mengenakan cukai dengan kadar rata sebanyak 6% kepada semua jenis barang dan perkhidmatan. Namun terdapat beberapa barangan dan perkhidmatan yang dikecualikan dari dikenakan cukai ini. Telah diumumkan dengan jelas bahawa pembelian dan penyewaan rumah kediaman termasuk dalam senarai yang akan dikecualikan cukai ini. Ia bermakna

sebarang kenaikan harga rumah pada masa hadapan tidak boleh dikaitkan dengan pelaksanaan sistem cukai yang baru ini.

Sidang Dewan yang dimulakan, dalam Sidang Dewan yang lepas, Kerajaan Negeri ada menyatakan bahawa antara faktor-faktor kenaikan harga rumah ialah disebabkan peningkatan kadar premium tanah dan pengenaan caj-caj yang dikenakan kepada pemaju perumahan. Faktor-faktor ini secara jelas di bawah kuasa Kerajaan Negeri kerana caj pemaju perumahan dan kadar premium ditentukan oleh Kerajaan Negeri jadi jika Kerajaan Negeri bersungguh-sungguh dalam membela nasib golongan rendah dan sederhana pastinya tiada kenaikan caj kadar premium yang mempengaruhi secara langsung kenaikan harga rumah di Negeri Selangor. Namun ini tidak berlaku, Kerajaan Negeri telah mengenakan caj sebanyak 30% kepada pemaju perumah di kawasan Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran dan 20% kepada pemaju di kawasan Majlis Daerah dengan alasan untuk pembangunan dan menaiktaraf dan membaik pulih kemudahan awam.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Mencelah.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BT BOHAN: Nanti saya habiskan dulu.

TUAN SPEAKER: Ya Kinrara. Kota Damansara tidak benarkan.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BT BOHAN: Sebab masa saya suntuk, kalau diberi masa lebih mungkin boleh. Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Tuan Speaker, boleh bagi dia masa lebih, saya..

TUAN SPEAKER: Kota Damansara saya bagi masa lebih kalau benarkan dia mencelah.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BT BOHAN: Sabar, sabar, Puan Speaker, sabar ya, sabar, sabar, sabar itu adalah separuh daripada iman dan sabar itu ya sabar, bagi saya masa.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Tuan Speaker, kalau saya dapat maksudnya ada *chance* la boleh tunggu kalau tidak sabar masa tak ada.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BT BOHAN: Sabarlah. Puan Speaker, kemampuan PKNS sebagai peneraju kepada penyedia perumahan mampu milik terus dipersoal. PKNS sejak penubuhannya hampir dah 50 tahun lepas telah berjaya membina 155,090 unit rumah dan 85% daripadanya adalah kos sederhana dan rendah tapi bagaimana seorang EXCO yang berjawatan menjaga rumah telah mengeluarkan kenyataan bahawa hasrat PKNS membina rumah mampu milik hanya bermula sekitar 2009 yang kononnya selepas Pakatan Rakyat mengambil Selangor

dari Barisan Nasional. Ini seolah-olah menafikan usaha PKNS semasa di bawah kepimpinan di bawah Barisan Nasional menyediakan rumah mampu milik sehingga terbinanya bandar-bandar Melayu seperti Shah Alam dan juga Bangi selama ini. Ini bukti Kerajaan Negeri tidak serius dalam rancang dan bela nasib rakyat terutamanya golongan sederhana dan rendah sedangkan sehingga kini hanya 1,800 unit sahaja yang baru dibina, apa guna berbangga dengan rizab berbilion ringgit tapi hidup rakyat terus menderita mencari ruang untuk berteduh. Ini semua disebabkan oleh pengurusan yang gagal. Kerajaan Negeri pimpinan Pakatan Rakyat dilihat hanya bersikap sambil lewa dan tidak serius dalam membela masa depan golongan berpendapatan rendah dan pertengahan untuk memiliki rumah sendiri di Selangor. Bilangan rumah kos rendah dan kos sederhana rendah sebagaimana yang dijanjikan sejak pilihan raya ke-12 tahun 2008 masih belum tertunai malah Kerajaan Pakatan Rakyat yang mentadbir Negeri Selangor kini terus berdolak-dalik dan usaha mengelirukan rakyat Selangor tentang isu rumah mampu milik dengan angka-angka yang sangat mempesonakan. Cadangan membina sehingga 31,086 unit rumah idaman selalu diuar-uarkan dalam sidang media oleh Yang Berhormat EXCO. Angka-angka ini sangat mengagumkan namun adakah ia sekadar manis di bibir atau bakal menjadi realiti. Saya berhujah atas bukti yang kukuh kerana sehingga ini selepas 6 tahun mentadbir tiada apa yang boleh dibanggakan dari berbangga dengan rizab berbilion ringgit namun kebajikan rakyat terus dipandang sepi dan ditidakkan.

Saya nak merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar yang telah turun padang, rajin turun padang mungkin beliau masih muda, masih bertenaga kalau dibandingkan dengan Yang Amat Berhormat bekas Menteri Besar yang lama. Terima kasih kerana turun ke Daerah Petaling dan turun ke DUN Damansara di PPR Seksyen 8 dan juga terus bersolat Jumaat di juga DUN Kota Damansara iaitu di Pasar Tani. Saya juga rasa terharu kerana apabila Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar turun di kawasan saya pada hari dan ketika itu, keadaan PPR di sekitar kawasannya amat bersih, longkang yang tersumbat pun dah tak tersumbat, air mengalir dengan baiknya dan saya yakin ketika itu tikus-tikus dan juga nyamuk-nyamuk pun berterbangan lari ke kawasan lain sebab kawasannya cantik tetapi setelah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar meninggalkan kawasan, saya ingat lagi hari beliau turun itulah 31 Oktober, itu adalah hari lahir saya, hadiah untuk ADUN Kota Damansara. Semua rakyat suka, semua rakyat bergembira, hari itulah hari mereka menyambut hari kelahiran saya dengan suasana yang amat bersih. Saya kalau boleh, saya nak bisik juga pada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar turunlah selalu-selalu supaya keadaan terus bersih, keadaan terus terkawal tapi saya tidak tahulah sama ada apabila Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar turun ketika itu adakah Y.A.B. Dato' Menteri Besar melihat kerja-kerja infra yang telah dilakukan di kawasan itu sempurna atau tidak? Kalau Y.A.B. Dato' Menteri Besar perasan jalan-jalan yang diturap tidak sempurna menjadikan rakyat mengadu kepada saya terutamanya di Seksyen 8, Kota Damansara. Di tepi *traffic light* setelah diperbaiki tetapi kerja-kerjanya tidak

sempurna. Jadi saya nak pohon pada Y.A.B. Dato' Menteri Besar supaya melihat ke seluruh kawasan di Kota Damansara, semua kerja-kerja infra menaiktaraf jalan ini dilakukan dengan sempurna ke tidak. Saya tidak tahu samada pemantauan daripada PBT atau kontraktor yang dilantik itu tidak menjalankan kerja dengan sempurna. Jadi, saya juga ingin menyarankan kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar itu adalah lawatan kerja ataupun lawatan turun padang yang berjadual. Saya juga tahu, ada lawatan kerja yang tidak berjadual yang secara *ad hoc* yang inilah yang patut Y.A.B. Dato' Menteri Besar lakukan selalu dan kerap. Jangan hanya turun untuk nak pergi membersihkan longkang sendiri tanpa ditemani oleh EXCO-EXCO tapi turunlah dan pastikan ajaklah EXCO itu setiap kali setiap ketika untuk memastikan gerak kerja ataupun perjalanan PBT untuk memantau kawasan di setiap DUN ini dilakukan dengan sempurna. Jadi, saya memohon supaya lihat-lihatlah, pandang-pandanglah DUN Kota Damansara ini namanya canggih Kota Damansara tetapi keadaannya tidak serupa kota. Keadaannya kadang-kadang lebih teruk seperti kampung. Jadi saya ingin mengingatkan diri saya juga dan semua ahli dewan yang berada di dewan yang mulia ini sekadar untuk kadang-kadang kita ni sebagai Wakil Rakyat saya yakin semua mempunyai hati untuk memastikan rakyat kita dibela di kawasan masing-masing. Tapi kadang-kadang apabila kita nak bersidang di dewan ini pastikanlah bahawa bila kita nak menegur kawan-kawan ini gunakanlah bahasa yang elok-elok. Kalau kita, saya yakin semuanya di sini mempunyai pelajaran yang tinggi, kadang-kadang kita nak mencelah tu mencelahlah dengan cara baik dan secara harmoni. Saya nak menyebut sedikit tak de pantun hari ini mungkin mudah saja, sikit masa lagi...Puan Speaker saya tahu Puan Speaker nak suruh saya berhenti. Tapi tadi masa diberi banyak tadi kepada ADUN...

Hidup ini jangan sampai ada perasaan benci, dendam dan iri hati. Orang yang ada sifat ini dia tidak akan nampak kebaikan pada orang lain. Apa saja kebaikan yang dilakukan dia tetap nampak salah dan tidak puas hati. Sentiasalah muhasabah diri. Akhir kata, harap-harap yang dikatakan pembangunan berkualiti jangan jadi sekadar janji. Harap-harap yang dikatakan rakyat didahului jangan pula dibuli. Sekian ADUN Kota Damansara mohon mencadang.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Puan Speaker. Salam sejahtera salam petang. Saya amat tertarik dalam ucapan Y.A.B. Dato' Menteri Besar dalam ucapan dia semalam kerana Kerajaan Negeri di bawah pimpinannya berhasrat untuk meningkatkan garis paras kemiskinan daripada angka RM830.00 yang memang tidak munasabah kepada sesuatu angka yang lebih munasabah yang lebih realistik iaitu RM1,500.00. Dengan kenaikan angka ini seperti yang diberitahu oleh Y.A.B. bahawa terdapat 30% rakyat Negeri Selangor yang akan hidup di bawah garis kemiskinan yang baru ini. Saya juga amat tertarik untuk mendengar bahawa terdapat inisiatif hijrah untuk membantu golongan-golongan yang hidup di bawah

garis kemiskinan ini untuk naik dan keluar daripada kehidupan kemiskinan dan mendapat menjana '*income*' dengan izin, yang lebih baik. Tapi pada petang ini saya juga ingin membangkitkan satu lagi isu ialah bagaimana kita sebagai Kerajaan Negeri Selangor memastikan kehidupan untuk mereka yang masih lagi di bawah garis kemiskinan ini lebih selesa. Kehidupan yang lebih, dengan perkataan Bahasa Inggeris '*dignified life*' kepada mereka yang masih lagi belum dapat peluang untuk naik keluar daripada garis kemiskinan ini. Kepada mereka yang mungkin hanya dapat menjana pendapatan RM600.00, RM800.00 ataupun RM1,000.00 sebulan sebelum mereka dapat menceburi perniagaan ataupun apa-apa lain cara kita perlu memastikan sistem di Negeri Selangor memberi peluang kepada mereka untuk hidup lebih selesa. Mungkin perbelanjaan yang paling besar kepada mereka adalah perumahan. Jika mereka tidak mempunyai gaji yang formal agak susah untuk mereka mendapat pinjaman. Jika mereka menyewa flat kos rendah sekarang di Lembah Klang, RM400.00, RM500.00 sewa untuk satu flat kos rendah. Saya tertarik dengan di Singapura di mana untuk mereka yang gaji di bawah \$S1,500.00. Hanya sewa \$S90.00 dikenakan untuk flat HDB yang kualitinya sangat baik dan bukan seperti flat kos rendah yang ada di Malaysia pada hari ini. Mungkin kita boleh mengkaji semula bilangan PPR yang kita ada di Negeri Selangor kerana didapati hampir semuanya adalah penuh dan untuk saya di kawasan DUN Bukit Gasing ramai keluarga yang meminta untuk flat ini. Ramai keluarga yang memang tidak mampu untuk membeli ataupun menyewa flat kos rendah juga tidak dapat masuk unit PPR kerana tidak ada kekosongan tapi sedangkan saya juga perhatikan di Unit PPR seperti yang di Kota Damansara ramai yang mempunyai Astro dan kereta. Bukan saja kereta '*second hand*' tetapi kereta seperti Myvi juga dimiliki. Jadi, mungkin kita kena imbang semula situasi yang kita ada di Negeri Selangor ini untuk memastikan mereka yang betul-betul miskin dapat hidup dengan selesa. Saya ada kes juga di DUN saya di mana sekeluarga menyewa satu bilik kerana tidak mampu perumahan yang lebih selesa. Saya juga harap Kerajaan Negeri Selangor memberi perhatian kepada aspek kehidupan lain keluarga yang sangat miskin ini seperti pengangkutan awam. Di mana kita membina projek perumahan mampu milik, projek perumahan kos rendah dan sebagainya perlu ada pengangkutan awam yang sempurna kalau tidak dibekalkan oleh Kerajaan Persekutuan melalui Rapid KL dan sebagainya di situlah paling penting kita adakan perkhidmatan bas percuma yang dibuat oleh PBT bukan di kawasan perbandaran yang di mana orang dia kaya belaka ataupun yang sudah ada perkhidmatan bas swasta pada hari ini. Juga akses kepada kesihatan di mana mereka yang tinggal di PPR dan kawasan perumahan kos rendah adakah mereka mempunyai keupayaan untuk sampai kepada klinik kesihatan yang terdekat. Jika tidak senang mereka terpaksa mengambil teksi untuk sampai ke sana. Jadi, kita kena lihat mungkin kita membekalkan ruang untuk penubuhan satu klinik kesihatan dan kita mendesak Kerajaan Persekutuan untuk membuka klinik kesihatan di sana. Dan juga kepada pendidikan. Jika sekolah tidak dekat, jika sekolah tidak boleh berjalan kaki kadang-kadang tambang bas sekolah kalau ada empat anak ini menjadi satu beban kepada keluarga yang miskin. Jadi, saya harap sementara kita membantu keluarga miskin untuk keluar dari kemiskinan

dengan pelbagai inisiatif dengan pelbagai latihan. Saya harap kita juga menyediakan satu *'frame work'* dengan izin supaya mereka yang masih lagi miskin atau tidak mampu keluar daripada kemiskinan ini untuk hidup satu kehidupan yang paling minima itu selesa dan *'respectable'* dengan izin. Isu yang kedua saya lihat sangat popular di dewan dibahaskan pada hari ini adalah isu perumahan. Yang ini kita katakan untuk golongan kelas menengah rumah mampu milik yang jadi semakin sukar untuk cari di Lembah Klang pada hari ini. Saya sangat setuju dengan cara yang dicakap oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar di mana beberapa insentif diberi supaya pihak swasta yang dapat membekalkan 15,000 rumah mampu milik kepada pasaran. Saya perhatikan daripada data Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta bahawa pada suku pertama dan suku kedua tahun ini di Negeri Selangor hanya terdapat penawaran baru yang dirancang ataupun *'new plan supply'* sebanyak 6,089 pada suku pertama dan 7,322 unit rumah pada suku kedua bilangan rumah di bawah kategori *'new plan supply'*. Ini adalah satu angka pada pandangan saya sangat rendah. Jika kita *'explore'* / *I mean* kita tengok untuk satu tahun mungkin tak sampai 40,000 rumah dibina di Selangor. Tetapi kita memerlukan bilangan rumah yang lebih banyak kerana pertumbuhan penduduk di Selangor sangat tinggi. Dijangka di Lembah Klang sahaja bilangan penduduk daripada tahun 2010 hingga 2020 akan meningkat paling minima 4 juta. Jika peningkatan penduduk 4 juta ini dan satu rumah dengan kadar purata 4 orang, kita memerlukan 1 juta rumah yang baru ataupun boleh katakan 100,000 rumah yang baru. Itu pengiraan kasar saya. Tetapi saya lihat bilangan penawaran baru yang dirancang yang mengikut data JPPH ini sangat sedikit. *'Basic Economics'* yang kata *'supply and demand'*, jika *'supply'* ini semakin menurun harga mesti menaik dan jika *'supply'* boleh dinaikkan kita boleh menggunakan cara ini untuk mengawal harga perumahan dan mungkin akan stabilkan harga perumahan supaya tidak naik mendadak seperti hari ini. Yang kedua, kita perlu lihat cara subsidi untuk rumah mampu milik di Negeri Selangor. Saya melihat antara kelas A hingga kelas D, *'Type A To Type D'* Rumah Selangorku jika tanah yang lebih besar lebih banyak peratus tanah Rumah Selangorku yang perlu dibina. Tetapi saya perhatikan ini adalah syarat yang hanya dikenakan kepada tanah *'residential'* (tanah kediaman). Tetapi banyak perumahan yang dibina hari ini di Lembah Klang terumatanya di Daerah Petaling adalah di atas tanah komersial. Kita lihat *'plan supply'* dan untuk Q2 2014 lebih unik didirikan sebagai *'service apartment'* dengan izin atas tanah komersial daripada jenis pangsapuri di atas tanah *'residential'*. Dengan ini, kita hanya membebaskan separuh daripada pemaju. Hanya pemaju yang memilih tanah kediaman yang terpaksa membuat kerja sosial ini untuk membekalkan Rumah Selangorku tetapi banyak pemaju ataupun pemilik tanah yang berstatus komersial tetapi semuanya dibangunkan sebagai pangsapuri perkhidmatan ini tidak menyumbang ke arah menambahkan bilangan Rumah Selangorku dalam sistem ini. Jadi, saya harap dapat dilihat semua pemaju yang membina pangsapuri perkhidmatan menyumbang dengan secara adil sepertimana pembangunan lain. Saya juga perhatikan ramai pembinaan rumah banglo yakni rumah yang sangat mahal RM5 juta, RM3 juta di Petaling Jaya. Mereka pun tidak menyumbang sebab rumah banglo ini kurang daripada 2 ekar yang minima untuk

mereka menyumbang terhadap kos pembinaan rumah mampu milik. Jadi, nampaknya yang sederhana kaya sahaja, yang golongan sederhana yang menyumbang untuk golongan miskin mendapat rumah. Tetapi golongan yang sangat kaya '*service apartment*' yang harga RM1 juta itu tidak menyumbang kepada pembinaan kos rendah. Rumah banglo yang RM3 juta itu tidak menyumbang terhadap pembinaan. Mungkin ini perlu dikaji semula. Dan yang ketiga, saya harap kita juga memberi pilihan yang lebih banyak untuk saiz-saiz perumahan yang kita nak dibina di bawah skim Rumah Selangorku. Sekarang saya lihat saiz yang paling kecil 700 kaki persegi itu memang perlu untuk satu keluarga yang kecil. Tetapi kita pun ada kes di mana ada pasangan suami isteri yang tidak ada anak hidup dua orang sahaja. Mungkin yang itu satu pangsapuri dengan tiga bilik adalah terlalu besar untuk mereka. Kita boleh buat beberapa unit yang lebih kecil supaya dapat diberi untuk mereka dengan kos yang lebih murah tidak perlu membelanja lebih daripada apa yang sepatutnya. Kita juga perlu fikirkan kepada keluarga yang anaknya lebih seperti lima orang anak, enam orang anak itu pun ada di Negeri Selangor. Jadi saya rasa pangsapuri kos sederhana yang saiz dia 800 hingga 900 kaki persegi sangat tidak mencukupi. Jadi saya harap kita boleh ada satu *variety* Rumah Selangorku ini kita anta satu bilik hingga empat bilik tidur bukan sahaja kesemuanya tiga bilik tidur. Jadi kita boleh '*cater*' dengan izin kepada permintaan yang berlainan. Isu ketiga yang saya ingin bawa pada hari ini ialah isu pajakan tanah. Isu pembaharuan pajakan tanah menjadi satu sumber yang penting kepada Kerajaan Negeri dan untuk syarikat-syarikat besar dan sebagainya memang patut mereka membayar premium yang sepatutnya yang ditentukan oleh peraturan-peraturan Kerajaan Negeri. Tetapi saya ingin membawa kes pemilik kedai pemilik rumah kedai yang menjadi '*sole operator*' dengan izin atas premisnya yang perlu memperbaharui pajakan mereka sekarang. Ini ketara di kawasan Petaling Jaya di mana pajakannya di bandar lama PJ sudah sampai ke tempoh '*time for renewal*' dengan izin. Kebanyakan mereka perlu membayar premium dalam sekitar RM500,000.00 untuk kedai-kedai yang besar seperti Mcdonalds, Pizza Hut dan sebagainya itu tidak ada masalah. Mereka ada keupayaan kewangan, mereka boleh meminjam dengan bank dan sebagainya untuk membayar premium tersebut. Tetapi untuk pemilik tunggal seperti kedai jual ubat, seperti kedai runcit dan sebagainya ada di antara mereka, mereka sudah tua kerana memiliki kedai ini daripada muda tadi sekarang sudah umur 50an, 60an dalam keadaan ini bisnes mereka ok boleh hidup tetapi jika perlu untuk membayar premium untuk pembaharuan pajakan ini sebanyak RM500,000.00 mereka tidak mampu. Kalau kita tidak memperkenalkan apa-apa skim untuk membantu mereka, saya risau mereka terpaksa jual tanah mereka kepada pemilik baru yang mampu membayar pembaharuan. Seperti untuk kediaman, di mana beberapa tahun kita sebagai Kerajaan Pakatan Rakyat telah memperkenalkan satu skim bayar hanya RM1,000.00 untuk memperbaharui pajakan tetapi hanya untuk rumah sahaja. Saya harap satu skim boleh diperkenalkan untuk menjaga pembaharuan pajakan untuk komersial di mana pemilik tunggal yang mengoperasikan perniagaannya di sana. Mungkin saya boleh cadangkan jika tidak boleh dibagi pengurangan premium boleh diperkenalkan skim bayaran secara

installment jangka masa panjang jadi mereka mampu untuk membayar pajakan tersebut. Isu keempat yang saya ingin bawa pada hari ini ialah pada rizab Kerajaan Negeri. Saya ambil perhatian bahawa rizab Kerajaan Negeri Selangor telah terus meningkat. Sekarang RM3.3 billion. Ini naik tahun ke tahun daripada 2008 hingga ke sekarang. Saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan, apakah sasaran kita untuk rizab Kerajaan Negeri? Adakah angka RM3 billion satu angka yang kita selesa yang kita hendak kekalkan di RM3 billion? Ataupun adakah kita hendak meningkat lagi? Adakah dia dalam sekitar RM5 billion ataupun RM10 billion? Di mana kita akan kita hendak pergi dengan angka sasaran untuk rezab negeri sebab jika kita telah melebihi keperluan untuk rizab saya mencadangkan lebih banyak pembangunan. Saya berterima kasih kepada Y.A.B. kerana pembangunan tahun ini mencapai satu rekod yang besar dan '*development budget*' ini mencapai satu rekod yang besar. Tetapi dengan rizab yang sangat besar mungkin kita boleh pergi sedikit lebih. Jika tidak perlu simpanan. Jadi kita mungkin boleh dapat pencerahan berapa *target* dan apa formula yang dipakai untuk mengira *target* tersebut dan adakah *target* ini akan terus naik ataupun tidak. Isu seterusnya ialah saya pun tertarik dengan usaha Kerajaan Negeri untuk mengambil alih SYABAS, Puncak Niaga dan semua konsesi air lagi di bawah Air Selangor Sdn. Bhd. untuk mengurus air sendiri dan kemungkinan besar pada tahun hadapan kita akan menguruskan air secara keseluruhannya. Saya ingin tanya adakah, berapakah wang yang diperuntukkan di dalam bajet ini untuk tujuan tersebut? Berapa juta yang telah diperuntukkan sebagai 'C Capital' dengan izin untuk permulaan operasi ini pada tahun hadapan dan juga berapa juta yang ingin diperuntukkan untuk mengatasi '*non-revenue water*' dengan izin bermula tahun hadapan? Kita sangat risau kita terpaksa mengalami satu '*period of*' kekurangan air seperti pada awal tahun ini dan saya harap apabila kita mengambil alih kita tidak ada alasan lagi yang sepatutnya kita ada satu pelan dan dengan pelan itu berapa banyak yang kita peruntukkan. Saya juga perhatikan bahawa air percuma dalam bajet ini tidak diperuntukkan wang di dalam buku bajet ini. Dan saya juga ingin tanya adakah ini bermaksud selepas kita mengambil alih pemberian air percuma in akan berhenti atau tidak? Jika tidak diberhentikan adakah ada sumber lain untuk membiayai air percuma ini. Akhir sekali, saya juga memerhatikan bahawa dalam keinginan Kerajaan Negeri Selangor untuk mempromosikan keusahawanan generasi terkini terdapat cadangan untuk membuat satu '*platform e-commerce*' dengan izin seperti dalam perkara 70 dalam ucapan bajet Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Saya rasa perkara ini mungkin tidak berapa sesuai pada zaman ini disebabkan platform-platform untuk memasarkan produk dan servis memang sudah ada dan platform-platform ini tidak senang untuk dibangunkan. Memandangkan terdapat banyak platform secara di seluruh dunia ini saya rasa lebih sesuai kita menggunakan sebarang peruntukan yang ada untuk melatih usahawan kita untuk memakai platform tersebut daripada kita membina satu platform yang baru. Membina satu platform yang baru mungkin berisiko tinggi kerana tidak tentu dapat menarik mata dunia kepada platform tersebut. Jadi, mungkin dengan peruntukan wang yang sedia lebih bijak ia digunakan untuk melatih usahawan-usahawan kita untuk memakai pelbagai jenis platform yang sudah ada,

platform yang sudah berjaya supaya mereka dapat mencapai kejayaan yang optimum. Jadi di sinilah saya mengakhiri ucapan saya, saya mohon menyokong. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Ya. Terima kasih kepada Puan Speaker kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan ucapan Belanjawan Selangor 2015 yang dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar. Saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar yang bersedia membelanjakan sejumlah RM2,422,500,000.00 pada tahun 2015 untuk melaksanakan semua rancangan pembangunan kerajaan. Nisbah perbelanjaan mengurus berbanding pembangunan pada 53.19 kepada 46.81 adalah jauh lebih baik daripada paras ideal iaitu 60 kepada 40. Saya bersetuju dengan Kerajaan Negeri yang akan membelanjakan RM600,000,000.00 untuk kerja-kerja MARRIS pada tahun 2015. Mengikut penyata kewangan Negeri Selangor 2013, Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri MARRIS setakat 31 Disember 2013, telah meningkat kepada RM822,091,294.92 berbanding dengan RM631,272,780.63 pada tahun 2012. Wang tersebut dijangka terus meningkat pada tahun ini. Ini adalah kerana Dato' Menteri Besar telah memaklumkan dewan yang mulia ini semasa menjawab pertanyaan mulut Ahli Dewan Negeri semalam iaitu pada 24 Disember 2014 bahawa wang MARRIS masih belum digunakan sepenuhnya. Jawapan ini bermakna penyaluran peruntukan kepada agensi-agensi pelaksana iaitu JKR, PBT, JPS dan Pejabat Daerah untuk melaksanakan projek MARRIS adalah kurang daripada penerimaan iaitu RM564.64 juta pada tahun ini. Saya menyahut baik cadangan Dato' Menteri Besar bahawa semua wang MARRIS yang diterima akan disalurkan kepada agensi-agensi pelaksana pada tahun 2015. Dengan ini, saya mengemukakan dua isu yang perlu diberi perhatian semasa pelaksanaan projek MARRIS.

Masa yang diambil bagi memproses projek MARRIS adalah terlalu lama. Saya mengambil contoh apa yang berlaku pada tahun ini. Salah satu agensi pelaksana iaitu PBT dikehendaki mengemukakan senarai kerja MARRIS kepada Kerajaan Negeri sebelum 21 Februari 2014. Jawapan pertanyaan mulut saya di dewan yang mulia ini pada bulan Jun 2014 hanya enam BBT telah mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut harga atau Lembaga Tender bagi menentukan kontraktor-kontraktor untuk melaksanakan kerja-kerja MARRIS setakat 31 Mei 2014. Tiga PBT mengadakan mesyuarat tersebut pada bulan Jun 2014. Dua PBT bermesyuarat pada bulan Julai 2014 dan MPSJ (Majlis Perbandaran Subang Jaya) adalah PBT yang terakhir mengadakan mesyuarat iaitu pada bulan Ogos 2014. Walaupun kontraktor yang dilantik dalam mesyuarat tersebut diberikan masa di antara satu hingga dua bulan untuk menyiapkan kerja, tetapi amalan biasa ialah kebanyakan kerja akan disiapkan lebih daripada dua bulan kerana masalah cuaca dan pihak kontraktor kekurangan tenaga kerja. Ini bermakna jalan yang rosak terpaksa

menunggu selama lima hingga 10 bulan untuk diturap semula. Puan Speaker, bayangkan betapa marahnya pengguna jalan raya jika beliau perlu menggunakan jalan yang rosak tersebut tiap-tiap hari. Oleh itu, saya amat berharap kerja-kerja MARRIS boleh dilaksanakan dengan segera tetapi kualiti tidak dikompromikan pada tahun 2015 demi menjaga imej Pakatan Rakyat. Bagi membolehkan kerja dilaksanakan dengan segera, Kerajaan Negeri perlu mempertimbangkan satu kaedah lagi iaitu '*outright grant*' dengan izin, diguna pakai selain daripada kaedah '*direct grant*' dengan izin, untuk BBT dan secara jurnal peruntukan kepada agensi-agensinya pelaksana yang lain untuk membolehkan kerja-kerja MARRIS dilaksanakan dengan segera.

Tuan Speaker *Outright grant* dengan izin tidak diguna pakai sebagai kaedah penyaluran peruntukan sejak tahun 2010 dengan alasan untuk mengelakkan agensi pelaksana melaksanakan kerja-kerja di luar skop yang dibenarkan. Ini boleh diatasi sekiranya terdapat kaedah kawalan yang rapi bagi memastikan peruntukan MARRIS digunakan mengikut garis panduan tatacara pengurusan pemberian penyelenggaraan jalan negeri. Keupayaan agensi pelaksana dipertingkatkan dengan menghantar jurutera-jurutera ke kursus adalah satu langkah yang baik dan bijaksana. Pemahaman skop kerja MARRIS oleh Kerajaan Negeri dan agensi pelaksana adalah penting. Saya sering mendengar rintihan pegawai kerajaan bahawa kerja MARRIS adalah berhad kepada sesuatu penyelenggaraan sahaja dan banyak batasan akan tetapi apabila saya membaca garis panduan tatacara pengurusan pemberian penyelenggara jalan-jalan negeri saya dapati kerja MARRIS juga termasuk kerja-kerja pemotongan rumput, landskap, skop penyelenggaraan pemetung dan jambatan, pembersihan longkang di tepi jalan, penyelenggaraan cerun, terowong, jejantas, lampu jalan, lampu isyarat dan sebagainya. Garis panduan tatacara pengurusan pemberian penyelenggaraan jalan negeri telah menyenaraikan 4 kategori dan sebanyak 29 contoh kerja boleh dilaksanakan. Ucapan belanjawan Dato' Menteri Besar para 108 juga menyebut beberapa kerja boleh dilaksanakan dalam peruntukan MARRIS. Saya mengulangi teks ucapan Dato' Menteri Besar pada para 108 supaya kita lebih memahami kerja skop MARRIS 108 untuk tempoh tiga bulan ini dari Oktober hingga Disember 2014. Perbelanjaan peruntukan MARRIS dioptimumkan untuk kerja-kerja penyelenggaraan untuk penurapan segera jalan, pembaikan dan pembersihan longkang, kerja-kerja pemotongan rumput, Lanskap dan kerja-kerja penyelenggaraan pokok-pokok di bahu jalan. Dengan adanya pemahaman skop kerja MARRIS saya yakin Kerajaan Negeri boleh mengoptimumkan penggunaan wang MARRIS dan jalan yang masih baik tidak akan diturap semula semata-mata untuk menghabiskan peruntukan MARRIS sahaja. Sebaliknya pengoptimuman ini akan mengurangkan beban PBT yang menghadapi kekurangan kewangan untuk melaksanakan kerja penyelenggaraan selain daripada penurapan semula jalan.

Isu yang kedua ialah kaedah penyaluran melalui bilangan DUN dalam PBT. Kaedah yang diguna pakai sekarang telah menyebabkan Majlis Perbandaran Sepang yang

hanya mempunyai 2 kawasan DUN dan Majlis Daerah Hulu Selangor yang mempunyai 3 kawasan DUN menerima peruntukan MARRIS yang amat kurang berbanding dengan Majlis Perbandaran Klang yang mempunyai 7 kawasan DUN, Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Perbandaran Petaling Jaya yang mempunyai 6 kawasan DUN. Oleh kerana taburan panjang jalan di setiap PBT tidak diambil kira maka terdapat PBT yang mempunyai lebih sedikit jalan daripada dari segi ukuran panjang jalan tapi menerima peruntukan yang banyak hanya kerana ianya mengandungi bilangan DUN yang banyak. Ini bukan sahaja berlaku di peringkat PBT tetapi juga berlaku di peringkat DUN dalam PBT yang sama. Saya mengambil contoh taburan panjang jalan di Majlis Daerah Hulu Selangor yang mana jalan di DUN Batang Kali adalah 4 kali ganda panjang daripada DUN Hulu Bernam. Dengan ini adalah tidak wajar jika ianya diberi peruntukan MARRIS yang sama nilai faktor panjang jalan perlu diambil kira semasa menyalurkan peruntukan MARRIS demi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Tuan Speaker, Rizab MARRIS dalam kumpulan wang Amanah Penyelenggara Jalan Negeri yang lebih 800 juta itu patut digunakan untuk kerja-kerja penyelenggaraan cerun sekiranya dibenarkan seperti garis panduan tatacara pengurusan pemberian penyelenggaraan jalan negeri bagi menyediakan kehidupan yang berkualiti di Selangor. Penyelenggaraan cerun adalah sangat penting kerana bencana tanah runtuh telah membawa kerugian yang signifikan kepada negara. Kematian dan kemusnahan harta benda telah berlaku akibat bencana tanah runtuh seperti apa yang berlaku di Cameron Highlands baru-baru ini. Setakat ini maklumat mengenai cerun yang kritikal dan berisiko bencana masih lagi tidak lengkap. Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri perlu sedang melaksanakan projek penghasilan peta bahaya dan risiko cerun yang mana kawasan kajiannya juga termasuk Selangor. Keluasan kajian adalah 1,550 km persegi yang mana termasuk kawasan Cheras Selatan seluas Kajang ke Bangi 300 km persegi, Rawang ke Batang Kali seluas 150 kilometer dan Gombak ke Selayang seluas 200 km persegi. Projek ini dijangka siap pada tahun 2016.

Tuan Speaker, sementara menunggu hasil kajian projek tersebut Kerajaan Negeri juga perlu memastikan kerja-kerja memantau, menyelenggarakan, menstabilkan cerun di Selangor dijalankan oleh PBT. Satu perkara yang membanggakan kita ialah Unit Cerun Majlis Perbandaran Ampang Jaya telah ditubuhkan pada 3 Disember 2009. Dan Ampang Jaya merupakan PBT yang pertama menubuhkan unit cerun di Malaysia. Walau bagaimana pun perkongsian kepakaran tidak ada di peringkat PBT, ini jelas kelihatan apabila kejadian berlaku di Apartmen Teratai Bukit Beruntung yang mana penduduk-penduduk terpaksa pindah keluar selama 8 hari untuk kerja-kerja kestabilan cerun. Majlis Perbandaran Ampang Jaya mempunyai 349 lokasi cerun dalam senarai pemantau mereka dan saya percaya Majlis Perbandaran Kajang, Majlis Perbandaran Selayang, Majlis Daerah Hulu Selangor juga mempunyai beberapa ratus cerun di tanah milik kerajaan atau tanah milik individu. Adakah Majlis Daerah Hulu Selangor mampu menubuhkan unit cerun

seperti Majlis Perbandaran Ampang Jaya jika tidak maka kita perlu memikirkan sesuatu langkah dan bukannya semata-mata bergantung kepada cawangan kejuruteraan cerun JKR Malaysia. Kerajaan Negeri mungkin boleh membantu melalui penubuhan *taskforce* atau sebagainya.

Tuan Speaker sudah tiba masanya Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk menubuhkan Jabatan Cerun di peringkat negeri bagi perkongsian kepakaran dan latihan kepada *Stake Holders* dengan izin. Melalui program kursus, seminar, latihan *hands on skill* dan bengkel dan sebagainya selain daripada memantau cerun-cerun di Selangor. Dengan adanya inisiatif sedemikian maka kejadian Apartmen Teratai tidak akan berulang lagi.

Tuan Speaker saya kagum dengan kesungguhan Dato' Menteri Besar bahawa pentadbiran beliau akan mengusahakan pelbagai cara untuk menambah baik dan memupuk persefahaman kaum dan toleransi antara agama di Selangor. Tidak dapat dinafikan bahawa masyarakat Selangor merupakan sebuah masyarakat majmuk ia terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain yang memiliki bahasa, budaya dan agama yang berbeza. Kita harus memastikan golongan minoriti di negeri ini mendapat pembelaan sewajarnya. Masyarakat Punjabi Sikh adalah golongan minoriti tetapi telah memainkan peranannya yang penting dalam pembangunan dan kemajuan Negeri Selangor. Bahasa Punjabi digunakan oleh keturunan Punjabi untuk memahami dan mengamalkan kebudayaan dan agama mereka malangnya tidak diajar sebagai *pupils old language* (POL) di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah bagi mengatasi masalah pembelajaran bahasa Punjabi yang dihadapi. Khalsa Diwan Malaysia telah menubuhkan pusat pendidikan Punjabi di seluruh Negara. Pusat Pendidikan Punjabi di Negeri Selangor telah meningkat kepada 9 buah dan kesembilan itu terletak di kawasan Kuala Kubu Bharu. Jumlah murid yang mempelajari bahasa Punjabi di Selangor adalah 900 orang, mereka pernah memohon peruntukan bantuan pendidikan seperti mana Kerajaan Negeri peruntukan kepada Sekolah Agama Rakyat, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil bagi meringankan beban kewangan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Punjabi. Galakan dan sokongan oleh Kerajaan Negeri terhadap proses pembelajaran Punjabi di pusat-pusat pendidikan Punjabi amat diperlukan dengan ini saya meminta Kerajaan Negeri menetapkan satu jumlah peruntukan tahunan yang munasabah kepada Punjabi Education Trust Selangor Darul Ehsan (PETS) yang mengendalikan pusat-pusat pendidikan Punjabi di Selangor.

Tuan Speaker saya mengakhiri ucapan saya dengan menyokong belanjawan 2015 yang bertemakan "Pembangunan Berkualiti Rakyat Di peduli" yang dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar, sekian sahaja terima kasih.

TUAN SPEAKER: Seri Serdang

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Speaker sebelum meneruskan hujah Seri Serdang ingin membawa pantun "Sekinchan tempat banyaknya ikan, ikan dijual semua terbaik, demi rakyat kita utamakan, semoga diurus dengan baik". Alhamdulillah kita merapatkan kesyukuran kepada Allah SWT, hari ini kita mendapat Menteri Besar yang cukup komited, prihatin dan berjiwa rakyat insya allah dan kita nampak banyak perubahan dari segi bajet. Seri Serdang ingin mengambil bahagian untuk membahaskan ucapan Belanjawan Selangor 2015 iaitu berkenaan dengan pendidikan adalah pelaburan modal insan untuk menjamin bersinambungan pertumbuhan ekonomi yang rancak dan dinamis. Kerajaan Negeri pembangunan pendidikan sebagai inisiatif rakyat untuk mengangkat moto pendidikan kepada negara dan berkualiti, taraf global Seri Serdang amat berbangga apa yang diperuntukkan kepada UNISEL, KUIS sebagai pembelajaran yang kondusif dan banyak lagi yang lain-lain. Tahniat kita ucapkan kepada Dato' Menteri Besar yang baru alhamdulillah. Seri Serdang ingin mencadangkan pembangunan Sekolah Agama Menengah agar diperbanyakkan di Negeri Selangor memandangkan permintaan yang banyak di negeri ini dan pertambahan murid-murid rendah agama atau pun KAFA yang meningkat. Setakat ini di negeri Selangor hanya 23 buah Sekolah Agama Menengah sahaja yang tidak bertambah hanya yang bertambah adalah Mahad Tahfiz Sains Sahaja. Untuk makluman Dato' Menteri Besar DUN Seri Serdang mempunyai 74,000 daftar pemilih dan saya masih ingat dalam Sidang DUN yang pertama Dato Menteri Besar pernah menyebut DUN yang paling ramai di Malaysia dan di dunia kata beliau. Dan inilah saya mengingatkan kepada Dato' Menteri Besar bahawa tidak ada satu pun Sekolah Menengah Agama di Seri Serdang. Dan ini Seri Serdang ingin mengambil kesempatan dengan peruntukan yang begitu banyak yang kita alirkan di peringkat universiti ataupun kolej ataupun peruntukan yang lain dan kita dapat membangunkan Sekolah Menengah Agama. Di peringkat Sekolah Rendah Agama ini setelah pun ada walau pun ditampung oleh KAFA jadi di peringkat Sekolah Menengah Agama tidak ada. Keseimbangan pendidikan agama ini perlu kita ambil perhatian sedangkan pendidikan agama ini mereka mempelajari dari Sekolah Rendah Agama dan kita harap diteruskan di peringkat menengah. Di DUN Seri Serdang untuk makluman Dato' Menteri Besar di Bandar Kinrara sememangnya ada tanah lapang yang diperuntukkan oleh untuk Sekolah Menengah Agama saya di harap..

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin mencelah.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku minta mencelah.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Yang Berhormat Seri Serdang saya ingin bertanya adakah Yang Berhormat Seri Serdang bersetuju sekiranya saya mencadangkan, kalau boleh kita mengujudkan Sekolah Menengah Tahfiz Aliran

Sains dan Sekolah Menengah Agama. Bukan di DUN Seri Serdang mungkin masa sekarang tidak sempat lagi tetapi sekurang-kurangnya di setiap daerah ada satu. Sebab setahu saya dengan Sekolah Menengah Tahfiz aliran sains kita hanya 2 sahaja tetapi permintaan ialah kita kalau boleh kita adakannya satu di setiap daerah.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Sebagai pembelajaran yang kondusif dan banyak lagi yang lain-lain. Tahniah kita ucapkan kepada Dato' Menteri Besar yang baru. Alhamdulillah. Sri Serdang ingin mencadangkan pembangunan sekolah agama menengah agar diperbanyakkan di Negeri Selangor memandangkan permintaan yang banyak di negeri ini dan pertambahan murid-murid di sekolah rendah agama ataupun KAFA yang meningkat setakat ini dari Selangor hanya 23 buah sekolah agama menengah sahaja yang tidak bertambah. Hanya yang bertambah adalah Maahad Tahfiz Sains sahaja. Untuk makluman Dato' Menteri Besar, DUN Sri Serdang mempunyai 74,000 daftar pemilih dan saya masih ingat dalam Sidang DUN yang pertama, Dato' Menteri Besar pernah menyebut, DUN yang paling ramai di Malaysia dan di dunia, kata beliau, dan inilah saya mengingatkan Dato' Menteri Besar bahawa tidak ada satu pun sekolah menengah agama di DUN Sri Serdang. Dan ini Sri Serdang ingin mengambil kesempatan dengan peruntukan yang begitu banyak yang kita alirkan di peringkat universiti ataupun kolej ataupun peruntukan yang lain dan kita dapat membangunkan sekolah menengah agama. Di peringkat sekolah rendah agama ini setelah pun ada walaupun ditampung oleh KAFA jadi di peringkat sekolah agama menengah tidak ada. Jadi keseimbangan pendidikan agama ini perlu kita ambil perhatian, sedangkan pendidikan agama ini mereka mempelajari dari sekolah rendah dan kita harap diteruskan ke peringkat menengah. Di DUN Sri Serdang, untuk makluman Dato' Menteri Besar, di bandar Kinrara memang ada tanah lapang yang telah diperuntukkan oleh, untuk sekolah menengah agama dan diharap Sri Serdang

TUAN SPEAKER: Sri Serdang, Kg. Tunku minta mencelah.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih Yang Berhormat Sri Serdang. Saya ingin bertanya, adakah Yang Berhormat Sri Serdang bersetuju sekiranya saya mencadangkan kalau boleh kita mewujudkan sekolah menengah tahfiz aliran sains dan sekolah menengah agama. Bukan sahaja di DUN Sri Serdang mungkin pada masa sekarang tidak sempat lagi tetapi sekurang-kurangnya di setiap daerah ada satu. Sebab setahu saya sekolah menengah tahfiz aliran sains hanya ada 2 sahaja. Tapi permintaannya ialah kita kalau boleh kita adakannya satu di setiap daerah.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Amat bersetuju. Terima kasih Kg. Tunku. Untuk makluman pihak dewan, sekolah rendah yang diteruskan di peringkat menengah di bandar Kinrara ada tapak untuk sekolah menengah agama, diharap yang pihak tertentu telah pun gazet kan dan pihak kerajaan untuk

meneruskan. Puan Speaker, ahli-ahli dewan yang dikasihi, kerajaan telah banyak berbelanja untuk pelajar-pelajar di peringkat universiti dan Sri Serdang mengharapkan agar Kerajaan Negeri menyediakan pekerjaan supaya kita dapat memanfaatkan kebolehan mereka ini untuk pembangunan negeri khususnya dan negara amnya. Berjuta-juta kita membelanjakan untuk pembangunan tetapi kita terlepas pandang dalam pembangunan modal insan untuk menjaga moral dan akhlak serta sahsiah untuk menjadikan negeri yang maju berkebijakan dan negeri yang diampunkan oleh Allah SWT. Ingin saya mengambil perhatian di mana ucapan Sekinchan berkenaan dengan arak amat sensitif bagi orang-orang Islam. Islam, arak adalah hukumnya haram walaupun setitik tetap haram. Oleh itu, ke arah melahirkan rakyat yang baik jadi kita sama-sama menghormati hukum dan undang-undang Islam. Banyak kedai serbaneka yang banyak menjual arak walaupun 100% hampir penduduk orang Islam. Oleh yang demikian, Sri Serdang ingin menyarankan agar tindakan dari pihak yang berkuasa mengambil tindakan tegas adalah untuk penjual-penjual dan juga pembeli kepada orang-orang Islam

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Untuk makluman para

TUAN SPEAKER: Sri Serdang, Kg. Tunku minta mencelah lagi.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Kg. Tunku ni tak habis-habis ya. Ok.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Memang tak habis. Terima kasih. Saya ingin bertanya adakah benar sebenarnya fokus masalahnya ialah terhadap penguatkuasaan ataupun penyalahgunaan minuman beralkohol iaitu pembeli itu sendiri dan bukannya mereka yang menjual. Sekiranya penjual ataupun pekedai itu, dia menjual mengikut keperluan undang-undang yang sedia ada maka mereka tidak perlu diambil tindakan. Cuma, apa yang kita mempertikaikan ialah mereka yang menyalahgunakan minuman beralkohol ini mereka minum di tempat awam, mereka melanggar semua peraturan dan juga undang-undang kecil PBT, kita perlu mengambil tindakan terhadap mereka yang melakukan perkara ini. Jadi, terdapat perbezaan apabila kita membahaskan isu ini, setuju kah Yang Berhormat?

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Ok, terima kasih Kg. Tunku. Sebenarnya, untuk di DUN Sri Serdang penjual arak berleluasa. Di samping itu, ramai pendatang asing terutamanya *negro* dan sebagainya. Di kawasan persekitaran orang-orang Melayu dan di kedai-kedai berleluasa, boleh menjual. Walaupun memang disekat oleh penguat kuasa tetapi tidak berapa serius oleh itu Sri Serdang menyarankan tindakan ini menyeluruh bukan sahaja di Sri Serdang malah di peringkat negeri Selangor.

Dan saya terus kepada Tuisyen Rakyat. Untuk makluman ahli dewan, Sri Serdang ingin menyarankan kepada pihak EXCO yang bertanggungjawab agar mengemaskinikan Pusat Tuisyen Rakyat iaitu dibayar elaun kepada Koordinator Pembangunan Modal Insan bermula Januari ke Disember bukannya bermula Januari hingga Oktober. Untuk makluman yang lepas-lepas kepada KPMR ini dibayar hingga Oktober sahaja sebab mereka katakan November hingga Disember tidak bekerja. Oleh yang demikian, saya ingin menerangkan sedikit Koordinator Pembangunan Modal Insan ini sebenarnya mereka meneruskan kerja sama ada November dan Disember untuk mencari pelajar-pelajar sempena setiap DUN untuk memenuhi kuota 100 orang. Mereka akan terus bekerja dengan tidak ada bayaran. Oleh itu Sri Serdang menyarankan supaya pihak EXCO bahagian Pendidikan mengambil inisiatif tahun 2015 diteruskan untuk membayar terus kepada Koordinator ini memandangkan Tuisyen Rakyat ini amat berkesan di peringkat DUN-DUN untuk kita menaikkan imej Pakatan Rakyat. Oleh yang demikian, elaun guru-guru juga Sri Serdang menyarankan agar dinaikkan elaun yang setaraf dan seiring dengan pusat-pusat tuisyen lain. Untuk masa sekarang 1 jam RM50, oleh itu Sri Serdang menyarankan agar dibayar 1 jam RM70 seiring dengan pusat tuisyen memandangkan guru-guru ini adalah kelulusan ijazah dan guru-guru yang berpengalaman.

Oleh itu Sri Serdang menyarankan *Medical Card*. *Medical Card* ini telah dibangkitkan dalam usul pada sidang DUN yang lepas kepada Adun-Adun serta keluarga dan juga staf di pejabat DUN. Memandangkan kesibukan Adun-Adun dan pegawai-pegawai di pejabat DUN, bekerja mereka tak mengenal masa, jadi Sri Serdang mencadangkan supaya dipercepatkan *Medical Card* ini bukan diberi kad kepada hospital kerajaan. Yang kita ada adalah hospital kerajaan. Terpaksa menunggu giliran. Dan saya amat simpati kepada Sekinchan di mana isteri beliau, untuk makluman ahli-ahli dewan, isteri Sekinchan menghidap penyakit kanser dan beliau terpaksa menunggu berjam-jam untuk mendapat rawatan. Oleh itu, hari ini, Sri Serdang menyarankan dan mencadangkan agar perkara ini saya rasa telah pun diluluskan dalam sidang DUN yang lepas tetapi belum dipraktikkan. Harap mengambil tindakan dengan secepat yang mungkin. Sri Serdang juga ingin membawa kepada ahli dewan supaya pembinaan masjid terutama Dato' Menteri Besar.

Minta penjelasan.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Masjid yang sedang dibina di DUN Sri Serdang iaitu 4 buah masjid dalam pembinaan dan tidak ada peruntukan. Jadi diharap terutama masjid Sri Aman yang penduduk di sana lebih kurang 4 ribu orang, 99.9% penduduknya adalah Islam dan tidak mampu lagi membangunkan masjid. Pihak UMNO kalau tuan puan tahu, YB-YB semua tahu di DUN Serdang ini adalah tempat ketua pembangkang. Beliau akan bertanya apa Pakatan Rakyat buat? Bila masjid nak naik? Sekarang tapak sudah ada cuma menunggu dana

sahaja. Jadi, di harap Dato' Menteri Besar, peruntukan Dato' Menteri Besar bolehlah agihkan sikit dekat DUN Sri Serdang untuk masjid Sri Aman, *Insyaa-Allah*. Oleh yang demikian, saya ada lagi beberapa perkara berkenaan dengan MARRIS juga saya ingin menyentuh di mana Kuala Kubu Baharu telah pun menyentuh MARRIS. Sri Serdang juga ingin membangkitkan berkenaan dengan peruntukan MARRIS. Sri Serdang jalan yang cukup luas, panjang dari hujung tanjung ke hilir tanjung hanya RM3 juta tak apa, *Alhamdulillah*. Tetapi berlaku tampal hari ini, 2 hari, dia berlubang balik. Jadi kepada pihak yang berkenaan terutama PBT yang menguruskan MARRIS, kita harap mengambil satu inisiatif yang drastik, sebab musim hujan ini akan bertakung air dan orang-orang UMNO telah pun mengatakan Adun akan bela buaya dalam tu, ada lintah, ya, bagai-bagailah komen mereka dan saya harap pihak yang berkenaan mengambil tindakan. Di DUN Sri Serdang, MARRIS tolong habiskan bajet RM3 juta. Setahu saya di *stop* kan seketika kerana kontraktor tidak menepati piawaian yang dikehendaki.

Oleh yang demikian, cadangan yang terakhir adalah dari Sri Serdang berkenaan dengan peruntukan bencana alam. Sri Serdang bila hujung tahun Adun susah hati kerana banjir, ribut dan sebagainya. Peruntukan DUN banyak kita alirkan kepada bencana alam terutama musim ribut, bumbung terbang di beberapa tempat yang terpaksa kita keluarkan peruntukan DUN untuk menampung, membantu rakyat begitu juga dengan banjir beberapa tempat, banjir kilat terutama MRT sedang dibangunkan, banyak kawasan-kawasan yang banjir lumpur dan sebagainya. Oleh itu, Sri Serdang mencadangkan adakan satu peruntukan untuk bencana alam bagi DUN-DUN yang dikenal pasti kawasan-kawasan banjir ataupun yang selalu mendapat bencana alam seperti ini. Dan saya menyokong sepenuhnya. Oleh yang demikian, saya menyokong sepenuhnya ucapan belanjawan oleh Dato' Menteri Besar yang begitu, saya rasa tahun ini adalah bajet yang cukup baik dan *Alhamdulillah* Sri Serdang amat bersyukur dan mewakili rakyat Sri Serdang mengucapkan ribuan terima kasih kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar kerana prihatin kepada rakyat dan pembangunan rakyat. Saya sudahi dengan *Wabillahitaufikwalhidayah Assalammualaikum Wabarakatuh* Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sebelum saya memanggil Adun seterusnya, saya tertarik untuk membuat komen bahawa saya kagum setelah sepanjang hari bersidang, Dato' Menteri Besar masih berada di dalam dewan untuk mendengar perbahasan yang dibangkitkan oleh para Adun. Bukan sahaja mendengar malah Dato' Menteri Besar sibuk mengambil nota. Ini adalah satu amalan yang sangat baik di mana Ketua Eksekutif bertanggungjawab mendengar dan menyelesaikan masalah-masalah yang dibawa ke dewan negeri Selangor. *This is indeed a very refreshing change*. Baiklah Damansara Utama.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Terima kasih Tuan Speaker kerana izinkan Damansara Utama untuk turut serta dalam perbahasan. Selamat petang Dato' Menteri Besar, YB-YB EXCO, YB-YB Pegawai-Pegawai Kerajaan dan pemerhati-pemerhati.

Pertama sekali saya ingin mencatatkan sokongan kepada Dato' Menteri Besar dengan pembentangan bajet yang melihat 53% adalah perbelanjaan mengurus tetapi kita ada 46% untuk perbelanjaan pembangunan. Ini rekod baru bukan sahaja untuk negeri Selangor tetapi untuk seluruh Malaysia. Dan saya ingin merakamkan tahniah kepada Menteri Besar kerana sanggup, ataupun berani membuat keputusan dan perubahan yang begitu *revolutionary I would say* dengan izin.

Walau bagaimanapun, saya ingin meletakkan perspektif dewan ini ke atas saiz bajet Selangor. Saiz bajet Selangor adalah RM22.4 bilion. Jika kita bandingkan dengan bajet Persekutuan RM273 bilion. Bajet Selangor adalah kurang daripada 1% bajet Pusat. Walaupun Malaysia itu satu negara Persekutuan, kita dapati bahawa *there is too much centralization* yang berlaku di Malaysia. Sama ada dari segi kewangan, dari segi bajet, ataupun dari segi pendidikan, kesihatan ataupun pengangkutan awam. Pada pendapat saya, kita kena apabila kita bincang RM2.4 bilion ini, kita kena tengok apakah *big picture, big picture* ialah sama ada kita boleh menerima *status-quo centralized governance* ini. So, dengan ini saya mencadangkan Kerajaan Negeri supaya untuk melantik satu pasukan penyelidik yang neutral untuk membuat satu kajian yang menyeluruh sama ada Malaysia wajar melakukan *governance decentralization*. Dan setakat mana *decentralization* ini perlu dilakukan supaya kita dapat mencapai pentadbiran yang lebih baik, bersih dan efisien untuk kebajikan rakyat. Saya berpendapat bahawa walaupun Pakatan Rakyat bukan kerajaan Persekutuan dan kita tidak boleh memutuskan bagaimana kita buat *decentralization* ini tetapi kita kena ada satu pendirian polisi yang berdasarkan kajian yang baik supaya kita sebagai satu Kerajaan Negeri boleh menuntut kerajaan Pusat bagaimana kita nak *decentralization* ini untuk berlaku.

Perkara seterusnya yang saya ingin bangkitkan ialah dasar membesarkan lapisan kelas tengah Kerajaan Negeri. Saya berasa amat bangga bahawa Kerajaan Negeri tidak mewujudkan satu lagi program *Cash handout* untuk beri wang untuk menangani masalah kemiskinan seperti BR1M. Sebab *Cash handout* bukanlah satu penyelesaian jangka masa panjang untuk menggalakkan *upward mobility*, dengan izin. RM100,000.00 juta yang diperuntukkan oleh Kerajaan Negeri dalam Program Hijrah, ini tema yang baik. Program Hijrah jika digunakan dengan baik boleh memberi banyak peluang perniagaan dan pekerjaan untuk golongan yang miskin. Adam Smith dalam buku dia *The Wealth of Nation* pekata *money makes money. When you have got a little. mlt is often easy to get more. The great difficulty is to get that little* dengan izin. Sekarang ini adalah sangat sukar untuk golongan miskin untuk mendapatkan kredit *working capital* daripada sistem yang sedia ada. Dengan ada modal kecil ini golongan miskin boleh menjalankan perniagaan kecil untuk menghasilkan pendapatan yang berterusan dan seterusnya keluar dari garis kemiskinan. Bank Dunia dan United Nation mengiktirafkan keberkesanan mikro kredit dalam pembasmian kemiskinan. Mohd Yunus, tokoh yang bermulakan konsep mikro kredit melalui *Grameen Bank Bangladesh* pada 1970an juga diiktiraf sumbangan beliau dengan *Nobel Prize* pada tahun 2006. Oleh itu Damansara

Utama sangat mengalu-alukan peningkatan peruntukan skim mikro kredit ke RM100 juta melalui SkimSel dan membasmi kemiskinan.

Walau bagaimana pun, bukan semua mikro kredit berjaya. Kalau kita lihat di negara-negara lain ada skim mikro kredit yang membawa beban kepada golongan orang miskin, ada golongan miskin *trap in death trap* dengan izin. Contoh yang paling *extreme* ialah berlaku di India di mana ada puluhan orang yang bunuh diri kerana tidak dapat memulangkan pinjaman ini. So oleh itu skim mikro kredit ini perlu dirancang dengan lebih teliti supaya ia benar-benar membawa manfaat kepada rakyat. Apabila kita tengok ada satu polisi kita, kita nak melaksanakan polisi itu. Kita ingat ia itu bagus tapi rancangan itu sangat penting. Bagaimana kita *execute the policy* sangat penting. So saya berharap Kerajaan Negeri boleh merancang dengan lebih baik supaya golongan miskin tidak akan *suffer from the consequences* dengan izin.

Keberkesanan skim mikro kredit bukan sahaja bergantung kepada peruntukan wang sahaja. Pelatihan mikro enterprise (perniagaan mikro) juga amat penting supaya pinjaman yang didapati oleh peniaga-peniaga kecil ini boleh digunakan dengan baik. *Imagine* sekarang ini peniaga orang golongan miskin ini tiada pendidikan (*education*) yang baik, mereka tidak tahu macam mana nak buat perniagaan. Mereka kena dilatih untuk membuat perniagaan. Dan sama ada *Business* itu boleh menjana *revenues* atau pun *profit* kepada peniaga kecil ini. Oleh itu saya harap bahawa Kerajaan Negeri juga boleh ada satu program untuk berlatih mikro *enterprise* ini supaya sebagai satu *compliments* untuk skim mikro kredit. Proses pemantauan juga sangat penting dalam skim mikro kredit. Ada banyak orang yang akan *rent seekers* akan menggunakan skim ini untuk mendapatkan wang tetapi bukan untuk membuat perniagaan tetapi untuk *consume*. Kalau mereka pergi untuk beli barang dan bukan membuat perniagaan ia akan *defeat the purpose* dengan izin. So Damansara Utama berpendapat bahawa Kerajaan perlu ada satu KPI untuk memantau seluruh keberkesanan skim mikro kredit. KPI ini harus merangkumi berikut:-

- 1) Bilangan permanfaat
- 2) Pinjaman yang diluluskan
- 3) Kadar pemulangan balik
- 4) Berapa orang yang pulang balik pinjaman yang kita keluarkan

Berapakah, ini yang paling penting, berapakah di antara permanfaat ini benar-benar dapat peningkatan pendapatan melalui skim mikro kredit ini. Selepas beberapa tahun kita kena menilai balik macam mana skim mikro kredit ini dilakukan dan kita kena menambah baik melalui kajian yang kita ada. Seterusnya saya ingin juga menyentuh program-program Merakyatkan Ekonomi Selangor secara menyeluruh. Sekarang kita terdapat 17 program MES di Selangor. SMUE TAWAS, TUNAS, Insentif Perkahwinan Belia, Pusat Tuisyen Rakyat, Hadiah Masuk Universiti dan banyak-banyak lagi. Ada banyak ADUN yang tidak boleh hafal 17 itu. Terlalu

banyak. Memang terlalu banyak. Bukan sahaja terlalu banyak dan ADUN menjadi *clueless how to handle all this* bukan sahaja macam itu, sekarang juga terdapat banyak pihak yang mengendalikannya sebagai contoh SMUE, RMSB hadir masuk Universiti *Standco* mana, *Standco* Pendidikan. Banyak-banyak so ini memang menjadikan pengurusan dan koordinasi diantara program MES sangat lemah dan terdapat banyak pertindihan fungsi dan tugas. Bayangkan satu Hadiah Masuk Universiti kita ada *admin*, SMUE ada satu *admin*, program lain kita ada satu *admin*. Sepatutnya kita satukan di dalam satu pengurusan kita hanya perlu satu *admin* sahaja. Kos operasi MES akan diturunkan kalau kita boleh menyatukan semua MES program dalam satu Jabatan Negeri yang akan *in-charge* pengurusan semua program MES ini. Dan juga kalau kita tengok pemasaran MES juga, *its everywhere, its very messy*. Ini *this marketing brochure* ini, *brochure itu so its very messy*. Tiada satu *brand image* untuk MES. Semua ini kena disatukan dan kena ada satu *direction yang* strategik untuk yang ini. Selain itu kalau kita tengok data-data permanfaat program MES juga disimpan oleh *different Standco* atau pun pihak yang berbeza. Kalau tengok kita ini sekarang adalah era teknologi *big data*, bagaimana kita gunakan data ini untuk mentadbir Kerajaan Negeri sangat bergantung pada macam mana data permanfaat ini disatukan dan disepadukan dalam satu sistem. Oleh itu, saya menyeru Kerajaan Negeri supaya meletakkan semua Program MES dalam satu jabatan dan untuk pengurusan dan pentadbiran. Saya memang faham ada *Standco-Standco* yang nak *we need political mileage from* MES program. So program ini boleh dipasarkan sebagai program *Standco* tetapi pengurusan adalah di satu jabatan. Dan kena *streamline everything. Make it clean and nice* dengan izin. Supaya kita boleh mencapaikan pengurusan yang bersepadu dan cekap. *That why* saya sangat percaya kalau kita buat macam itu, kita dapat menurunkan kos operasi program negeri.

Perkara yang seterusnya saya nak bincang di Dewan Yang Mulia Ini adalah Dasar Hutan Simpan Kekal Negeri. Saya alu-alukan tindakan Kerajaan Negeri yang memberi jaminan untuk mengekalkan jumlah keluasan 70 hutan Simpan Kekal di Negeri Selangor yang merupakan 31.5% daripada keluasan negeri. Seperti yang dikatakan oleh YAB Dato' Menteri Besar nilai kawasan tanah lembap dan hutan amat tinggi kepada manusia dan tidak boleh ditukar ganti dengan wang ringgit. Atas semangat untuk melindungi Hutan Simpan, Damansara Utama ingin mencadangkan supaya mengkaji untuk memindah Enakmen Penghutanan Negara Negeri 1985 Selangor yang diadaptasi dari Akta Penghutanan Tanah 1984. Menurut Perkara 11 Akta Penghutanan 1984 Pihak Berkuasa Negeri boleh mengeluarkan kawasan tanah daripada Hutan Simpanan Kekal jika berpuas hati bahawa mana-mana kawasan tanah dalam Hutan Simpanan Kekal tidak perlu dikelaskan lagi sebagai hutan simpanan atau ia diperlukan bagi kegunaan ekonomi yang lebih tinggi daripada kegunaan yang sedang dilakukan sekarang.

Secara *in short* dengan izin Perkara 11 memberi kuasa kepada MMKN atau pun memberi kuasa kepada Menteri Besar untuk mengeluarkan Hutan Simpan Kekal ini

tanpa dibentangkan dan diluluskan di Dewan. So untuk melindungi, *to put a second protection* dengan izin untuk Hutan Simpanan ini. Damansara Utama berpendapat bahawa kita kena meminda Enakmen ini supaya jika dimasa depan Kerajaan Negeri nak mengeluarkan tanah dari Hutan Simpanan Kekal, perkara ini perlu dibentang, dibahas dan diluluskan di Dewan Undangan Negeri. Dengan ini kita dapat satu sistem yang lebih telus dan ketat bagi melindungi Hutan Simpan Kekal Selangor.

Seterusnya saya juga ingin menyentuhi sedikit tentang apa yang dikatakan oleh Dato' Menteri Besar tentang penyediaan laluan pejalan kaki yang boleh diakses oleh golongan-golongan Orang Kurang Upaya (OKU). Saya amat mengalu-alukan inisiatif ini. sebenarnya ia adalah wajib menurut Perkara 26 Akta OKU 2008 yang berbunyi Kerajaan penyedia kemudahan awam hendaklah mengambil langkah untuk menepati reka bentuk Universal bagi memudahkan akses OKU di tempat awam. Atas semangat Perkara 26 Akta OKU, saya ingin menarik perhatian Dewan Yang Mulia ini bahawa garis panduan untuk Taman Cergas sekarang belum lagi meletakkan syarat-syarat *Universal design* untuk akses OKU. Saya berasa terdapat banyak garis panduan kemudahan awam, bukan sahaja untuk Taman Cergas tapi untuk kemudahan awam yang lain juga, belum lagi meletakkan yang *requirement* syarat-syarat reka bentuk untuk akses OKU. Dalam perkara sama juga, saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri menubuhkan jawatankuasa OKU untuk setiap PBT supaya kita dapat meninjau prestasi PBT untuk menyediakan kemudahan OKU.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, nak minta penjelasan. Saya...

TUAN SPEAKER: Ah, Damansara benarkan.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: *Short one.*

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, terima kasih. Saya bercadang sama ada Damansara Utama boleh menerima kalau saya mengembangkan sedikit cadangan Y.B. Damansara itu supaya kita meletakkan isu ini di bawah satu topik iaitu kesejahteraan dan kita menyediakan akses bukan sahaja kepada OKU tapi menyediakan infrastruktur seperti laluan berbasikal, *walkway*, *covered walkway* ataupun tempat untuk laluan berjalan kaki yang berteduh dan sebagainya, khususnya di tempat-tempat yang penting seperti stesen LRT, MRT, PRT dan Komuter untuk kesejahteraan dan kemudahan hidup semua lapisan masyarakat.

Y.B. PUAN YEO BEE YIN: Saya amat bersetuju dengan Y.B. Kampung Tunku. Sebenarnya saya berkomunikasi dengan golongan OKU dan berpendapat bahawa itu paling penting supaya mereka boleh menggunakan pengangkutan awam. Sekarang di Selangor atau pun di mana-mana di Malaysia, ini adalah amat susah untuk OKU untuk menaik pengangkutan awam. Dan saya juga tanya golongan OKU ini sama ada *walkway* perjalan kaki OKU ini boleh di *share* dengan basikal. Mereka

kata tak ada *problem*, so when you do the walkway you are actually doing a cycling lane as well. So ini saya berharap EXCO PBT boleh melihat, boleh mengkaji *this suggestion* dengan izin.

Saya itu Damansara Utama juga sangat tertarik, ini saya sangat tertarik, kepada konsep kota seni yang dicadangkan oleh Kerajaan Negeri. Terutamanya salah satu kota yang dikenal pasti oleh Kerajaan Negeri adalah Petaling Jaya, di mana Damansara Utama adalah sebahagian daripadanya. Memang seniman-seniman adalah aset yang besar di negara kita dan saya rasa kita belum lagi memaksimumkan potensi mereka. Saya masih ingat lagi semasa saya belajar di England suasana kesenian dan kreatif amatlah sangat baik. Setiap minggu ada muzikal, ada drama, balet dan lain-lain. Selain itu terdapat banyak galeri-galeri kesenian yang berbeza untuk lawatan orang ramai. Kesenian adalah *intangible asset to a city* dengan izin. Ia akan meningkatkan kualiti hidup warga-warga bandar. Oleh itu saya sangat menyokong penuh dengan hala tuju Kerajaan Negeri untuk mewujudkan kota seni. Walau bagaimana pun, saya memohon Kerajaan Negeri untuk mengulas dengan lebih lanjut bagaimanakah Kerajaan Negeri akan menjadi Petaling Jaya atau pun Shah Alam satu kota seni. Adakah kita akan mewujudkan satu tempat melalui Anak-anak Syarikat di mana seniman-seniman boleh mendapat sewaan yang lebih rendah? Adakah rancangan, adakah Kerajaan Negeri merancang untuk mengurangkan Fi lesen untuk industri kreatif? Adakah kita akan membina lebih banyak Dewan Seni Rakyat supaya seniman-seniman boleh membuat persembahan tanpa risau dengan sewaan yang tinggi? Sekarang kalau kita tengok in PJ, PJ Art Centre yang mereka ada kemudahan untuk persembahan, biasanya sewaan sangat tinggi. Walaupun MBPJ juga sangat tinggi. So, adakah kita akan membuat teater yang lebih banyak tetapi dengan kos sewaan yang munasabah? Adakah Kerajaan Negeri akan menyediakan lebih studio untuk peminat-peminat muzik supaya mereka boleh bermain muzik dengan kos yang rendah? Dengan ini saya nak minta penjelasan daripada Kerajaan, apakah rancangan kerajaan atas kota seni ini.

Saya ingin mengingatkan, ini perkara lain, ingin mengingatkan Kerajaan Negeri bahawa paras air di empangan-empangan Selangor masih di paras *quite* agak rendah. Hari ini saya *check* laman web LUAS, paras air empangan Sungai Selangor masih 59% dan empangan Sungai Setinggi 57%. Paras ini selepas dua bulan hujan berturut-turut, ini amat membimbangkan. Untuk meningkatkan simpanan air mentah ini adalah sangat-sangat penting Kerajaan Negeri memastikan projek HORAS boleh disiap pada awal tahun depan. Sebab kita nak HORAS siap sebelum musim kering supaya kita dapat menyimpan lebih banyak air mentah. So dengan ini Damansara Utama menyeru kerajaan supaya memandang berat atas projek HORAS dan memantau dengan ketat perkembangan projek HORAS. Akhir sekali saya di sini ingin mencatat sokongan terhadap pendirian Kerajaan terhadap projek KIDEX dan juga lebu-lebuhraya yang lain. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih atas usaha Kerajaan Negeri untuk mengembalikan 351 Al-Kitab kepada golongan

Kristian. Ini menunjukkan bahawa kerajaan Pakatan Rakyat boleh menjadikan kerajaan bukan sahaja dapat melindungi kedudukan agama Islam sebagai agama rasmi tetapi juga dapat memelihara hak orang bukan Islam untuk mengamalkan agama-agama lain. Dengan ini Damansara Utama menyokong Belanjawan 2015. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih kepada Tuan Speaker kerana mengizinkan Kinrara mengambil bahagian dalam perbahasan ucapan Belanjawan Selangor 2015 oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Terlebih dahulu syabas diucapkan kepada Yang Amat Berhormat kerana telah berani membuat perubahan dan melakar sejarah baru dalam suasana politik negara apabila diumumkan peruntukan sebanyak RM200 ribu setahun akan diberi kepada setiap wakil rakyat di barisan pembangkang pada tahun 2015. Hal ini bukan sahaja menjadi satu permulaan yang baik bagi menjunjung dan memperkasa lagi nilai demokrasi di negara kita malah ia juga membuktikan bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat kerana peruntukan yang diberikan kepada pihak pembangkang merupakan satu usaha Kerajaan Negeri untuk mempermudah urusan pembangkang dalam perkhidmatan kepada rakyat Selangor. Peruntukan yang lebih daripada RM2 juta ini diberi kepada pihak pembangkang dengan harapan dana tersebut akan dimanfaatkan dengan sepenuhnya kepada rakyat Selangor. Ini bermakna tiada seorang pun rakyat Selangor yang dipinggirkan. Begitulah kerajaan Pakatan Rakyat yang memberi layanan saksama dan adil kepada rakyat tetapi apa yang diberi oleh Kerajaan Pakatan Rakyat ini telah ditolak oleh barisan pembangkang ini tetapi apa yang diberi dia tolak, kereta yang diberi dia terima. Inilah hakikat dan inilah Barisan Nasional. Mudah-mudahan modal Pakatan Rakyat sayang rakyat ini dapat dicontohi oleh Barisan Nasional untuk merealisasikan Rakyat didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Ya dan bukan membalas dendam kepada rakyat. Kinrara amat terkilan apabila satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab telah dibuat beberapa bulan yang lepas oleh seorang pimpinan pusat bahawa masyarakat Cina tidak boleh menuntut sesuatu daripada Kerajaan kerana tidak menyokong parti yang memerintah. Apakah rakyat tidak diberikan haknya membuat pilihan. Apakah dana ini merupakan harta bagi sesetengah parti dan bukan harta negara sehingga rakyat terpaksa menyokong sesuatu parti untuk menikmati kekayaan negara. Di sini saya menyeru dan mengajak Barisan Nasional untuk mengikut Pakatan Rakyat untuk mengiktiraf dan menghargai sumbangan pihak pembangkang. Harus diingatkan bahawa dana yang diberikan kepada pihak pembangkang ini akhirnya akan dikembalikan kepada rakyat juga. Jadi apa salahnya kalau wakil-wakil rakyat di negeri-negeri perintah BN turut diberi peruntukan. Dengan ini saya menyokong peruntukan sebanyak RM200 ribu setahun kepada setiap wakil-wakil rakyat pembangkang.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan sekalian, pendidikan adalah kunci utama pengeluaran atau hasil kehidupan. Pelaburan dalam pendidikan yang bermula daripada peringkat persekolahan sehingga ke peringkat pendidikan tertinggi dapat memperbaiki dan meningkatkan lagi kualiti hidup seseorang. Justeru itu, penyediaan individu sebagai tenaga kerja merupakan matlamat utama pendidikan. Hal ini disebabkan pendidikan boleh mencorakkan keupayaan seseorang dalam mengurus hidup yang berkualiti kerana faktor ekonomi dan sosial amat bergantung kepada pendidikan yang diterima. Pendidikan sangat penting membasmi kemiskinan, membina demokrasi dan membentuk masyarakat yang sejahtera. Tuan Speaker, jelas sekali pendidikan merupakan aset yang utama dalam pelaksana pembangunan negara. Oleh itu menyediakan kemudahan pendidikan patut dijadikan sebuah agenda utama di dalam kerajaan baik pun kerajaan pusat mahupun Kerajaan Negeri. Namun amat mendukacitakannya setelah 57 tahun Barisan Nasional memerintah Malaysia, kerajaan pusat di negara kita masih gagal untuk menyediakan pendidikan tinggi secara percuma. Hal ini menyebabkan anak-anak muda kita terpaksa membuat pinjaman untuk membiayai kos pengajian mereka demi mengejar cita-cita mereka. Ini belum termasuk kos-kos lain yang perlu dibelanja di kampus lagi. Ramai daripada kalangan anak-anak muda berkata-kata, hari ini masuk universiti bolehkah dapat kerja kelak, itu tak tentu tetapi yang pastinya dapat hutang. Begitulah desakan yang dihadapi oleh anak-anak muda kita. Namun begitu satu berita baik yang dibawa oleh Kerajaan Pakatan Rakyat Selangor di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato Menteri Besar kepada anak-anak muda Selangor apabila Kerajaan Negeri telah mengumumkan satu belanjawan yang sangat mengutamakan pendidikan dan modal pembangunan insan. Antaranya sejumlah RM10juta setahun untuk tabung biasiswa Selangorku untuk anak Selangor yang menuntut di Universiti Selangor (UNISEL) dan Kolej Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri ini adaslah sangat penting kepada anak-anak muda kita yang bakal memasuki ke universiti dalam membuat segala persiapan mereka termasuk tiket pengangkutan mereka bertolak ke kampus masing-masing. Sehubungan dengan itu, syabas diucapkan kepada Yang Amat Berhormat kerana telah memperuntukkan sejumlah peruntukan besar dalam memperkasakan pendidikan di negeri ini. Saya menyambut baik langkah Kerajaan Negeri dalam usaha membangunkan modal insan untuk menjamin keseimbangan pertumbuhan ekonomi yang rancak dan dinamis.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Dewan Undangan yang saya hormati, satu lagi perkara yang saya ingin sentuh adalah tentang pengiktirafan Sijil United *Examination Certificate* (UEC). Walaupun peperiksaan UEC merupakan satu inisiatif yang bagus daripada Dongjong untuk menyelesaikan masalah lanjutan pelajar lepasan. *The Malaysian Chinese Secondary School* atau lebih dikenali sebagai *Duchong* ke peringkat kolej dan universiti tetapi kerajaan Barisan Nasional tidak masih tidak mengiktiraf sijil dan peperiksaan sehingga sekarang tanpa menyatakan sebarang sebab. Kerajaan Barisan Nasional telah berulang kali mengatakan akan mengkaji untuk mengiktiraf sijil UEC tetapi selepas satu tahun demi satu tahun satu

pilihanraya demi satu pilihanraya masih di peringkat mengkaji. Barisan Nasional mudah lupa janji mereka selepas pilihanraya. Disebabkan penindasan Barisan Nasional beratusan ribu lepasan UEC tidak dapat memasuki universiti tempatan dan keputusan akademik mereka yang cemerlang tidak diiktiraf oleh negara yang mereka kasihi akan tetapi sijil UEC bukan sahaja mendapat pengiktirafan bukan sahaja lebih daripada 30 negara termasuk Amerika, Australia, Jepun, UK, Korea, Singapura, Indonesia, universiti-universiti terkemuka di dunia dan universiti swasta tempatan seperti Nottingham, Kertin, INTI, HELP, Monarch dan lain-lain lagi juga menerima UEC sebagai syarat kemasukan ke universiti mereka. Dengan ini Pakatan Rakyat sebagai satu parti membawa perubahan dan memimpin perubahan kepada pentadbiran negara, saya ingin mencadangkan kepada barisan EXCO Kerajaan Negeri Selangor untuk membawa isu ini ke Mesyuarat EXCO biarlah institusi di bawah kerajaan Pakatan Rakyat seperti UNISEL, KUIS dan INSPEN menerima sijil UEC sebab sebagai sijil yang setaraf dengan kelayakan SPM seperti yang dilakukan oleh universiti swasta yang lain. Tindakan tersebut dapat membantu UNISEL untuk mendapat lebih ramai pelajar dan juga boleh dilihat sebagai satu usaha Pakatan Rakyat dalam menunaikan janji Buku Jingga dan menunaikan akan mengiktiraf sijil UEC selepas mentadbir kerajaan persekutuan. Ini juga akan memberikan satu cabaran kepada Barisan Nasional yang sering mengetepikan janjinya dan menunjukkan satu contoh kepada rakyat bahawa Pakatan Rakyat adalah satu pakatan yang menepati janjinya dan tindakan bukan slogan kosong. Akhirnya saya mengalu-alukan pengumuman untuk membina lebih banyak rumah mampu milik.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Saya tak beri, Kinrara sila habiskan kerana masa sudah sampai.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Dua minit lagi, tetapi lokasi yang diumumkan itu adalah jauh dan tidak strategik dengan izin. Ini mengakibatkan golongan yang kurang mampu ini susah nak pergi kerja. Adalah wajar sekiranya Kerajaan Negeri boleh membina rumah mampu milik berdekatan dengan hub pengangkutan awam seperti di sekitar IOI Mall, Puchong. Di sini mempunyai satu bekas tasik lombong yang dimiliki oleh Kerajaan Negeri dan juga beberapa syarikat swasta. Walau kawasan ini telah digazetkan sebagai zon komersial dan *industrial* tetapi mengikut akta perancang bandar dan desa 1967 sekiranya *zoning* yang telah diwartakan itu tidak sesuai PBT dengan bantuan Kerajaan Negeri boleh *acquire* menukar kawasan itu kepada *zoning* yang lain seperti membina rumah kos mampu milik di kawasan Kinrara, dia membangun dengan pesat, penduduk semakin ramai yang remaja-remaja juga semakin bertambah tetapi tiada satu pun projek mampu milik di kawasan Puchong. Dengan ini Kinrara menyokong penuh Belanjawan Selangor 2015 dan pimpinan di bawah pimpinan Ang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga barisan EXCO. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 7 malam dengan ini saya menangguhkan sesi perbahasan Undang-undang Perbekalan 2015 sehingga hari esok Rabu 26 November jam 10 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan jam 7.00 petang)